al-Zamakhsyari berkata:
'Jika aku ditanya tentang mazhabku, aku tidak akan menjawabnya. Jika aku berkata: Aku seorang Hanafi, mereka akan berkata: " Meminum arak adaalh halal bagiku"
Jika aku berkata: Akeorang maliki, mereka akan berkata: "Memakan daging anjing adalah halal bagiku".
Jika aku berkata: Aku Seorang Syafi'i, Mereka akan berkata: "Mengawini anak perempuan zinaku adalah halal bagiku".
Jika aku berkata: Aku seorang Hambali,mereka berkata: "Aku menysrupai Tuhan dengan makhluk(tasjim)".
Jika aku berkata: Aku seorang Ahlu l-hadis, mereka akan berkata: "Aku sepertilah seekor kambing jantan(bodoh) tidak dapat memahami sesuatu.

al-Zamakhsyari, al-kasyasyaf, Jilid II t.t hlm. 245.

AJ KEBENARAN DAN PENDEDAHANNYA

Dr. Lutpi Ibrahim

SIRI PEMIKIRAN DAN TEMADUN ISLAM

MINHAJ KEBENARAN DAN PENDEDAHANNYA

(Fiqh Lima Mazhab Dia Antara Nas Dan Ijtihad)

AL-HASAN BIN YUSUF
AL-MUNTAHHAR AL-HULLIYY

PENTERJEMAH
JF. MADYA DR.LUPI IBRAHIM

MINHAJ KEBENARAN DAN PENDEDAHANNYA

(Fiqh Lima Mazhab Di Antara Nas Dan Ijtihad)

Oleh:

al-Hasan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy

Dikenali dengan al-'Allamah al-Hulliyy
wafat pada 771 H.

Diterjemahkan oleh:

Prof. Madya Dr. Lutpi Ibrahim

Buku ini *Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya* adalah karya terjemahan daripada buku *Nahj al-Haq wa Kasyf al-Sidq* bab fiqh karangan al-`Allamah al-Hasan bin Yusuf al-Muntahhar al-Hulliy yang telah dihasilkan sebelum tahun 771H. Edisi Bahasa Arab ini telah diterbitkan di Qom 1404H . Edisi bahasa Melayu ini di terjemahkan oleh Profesor Madya Dr. Lutpi bin Ibrahim dan di terbitkan oleh Al-Wahdah Publications, Petaling Jaya, Selangor.

Cetakkan Pertama 1993
Edisi Bahasa Melayu

Diatur hurup oleh Abu Zaim
Muka taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 7/11

Penerbit
AL-WAHDAH PUBLICATIONS

Uruscetak
Al-Wahdah Publications

KANDUNGAN

PENGANTAR PENTERJEMAH

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dapat menyelesaikan penterjemahan buku *Nahj al-Haq wa Kasyf al-Sidq* bab *fiqh*, karangan al-`Allamah al-Hasan b. Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy dikenali dengan dengan nama al-`Allamah al-Hulliyy. Beliau dilahirkan di dalam keluarga yang terpelajar di Iraq pada 27hb. Ramadan 648 H. dan wafat pada 25hb. Jamad al-Thani tahun 771 H. di Agra, ketika berusia 78 tahun, kerana dibunuh oleh seorang Hanafi yang fanatik. Nama penuh beliau ialah Jamal al-Din Abu Mansur, al- Hasan b. Yusuf b. `Ali b. Muhammad b. al-Mutahhar al-Hulliyy.

Di dalam buku ini beliau telah mendedahkan bahawa para imam mazhab empat secara umum telah menyalahi nas serta akal di dalam 358 (Tiga ratus lima puluh lapan) perkara; 29 perkara dari bab kebersihan, 73 bab sembahyang, 18 bab zakat, 18 bab puasa, 34 bab haji, 25 bab jual beli, 29 bab tahanan serta kaitannya, 19 bab simpanan serta kaitannya, 11 bab sewaan, 5 bab pemberian serta kaitannya, 13 bab pusaka, 13 bab nikah, 28 bab talak serta kaitannya, 23 bab jenayah serta kaitannya, 5 bab buruan (*al-Said*), 8 bab sumpah serta kaitannya, 7 bab hukuman serta kaitannya, jumlah semuanya ialah 358 perkara.

Karya-karyanya meliputi keseluruhan bidang keilmuan Islam. Di dalam ilmu Hikmah dan Falsafah, beliau telah menghasilkan karyanya sebanyak 15 buah buku. Di dalam ilmu Logik sebanyak 7 buah buku. Di dalam ilmu Nahu dan Bahasa Arab sebanyak 4 buah buku. Di dalam ilmu *al-Rijal* sebanyak 3 buah buku. Di dalam ilmu *Usul al-Fiqh* sebanyak 6 buah buku. Di dalam ilmu Tafsir sebanyak

2 buah buku. Di dalam ilmu al-Hadith sebanyak 9 buah buku. Di dalam ilmu fiqh sebanyak 19 buah buku. Dan di dalam ilmu al-Kalam sebanyak 32 buah buku termasuk buku terjemahan ini *Nahj al-Haq wa Kasyf al-Sidq*, Qom 1400 H.

Di dalam ilmu *Usul al-Fiqh*, beliau menentang *al-Qiyas* kerana ianya bertentangan dengan akal dan nas. Ianya bertentangan dengan akal kerana ianya merupakan jalan yang tidak selamat dari kesalahan. Oleh itu ianya merupakan suatu keburukan (*Qabih*). Lihatlah bagaimana *al-Ghasl* (mandi janabah) diwajibkan disebabkan keluarnya air mani dan bukan air kencing. Sedangkan kedua-duanya datang dari satu saluran. Begitu juga dengan "membasuh" kencing kanak-kanak perempuan dan merenjis kencing kanak-kanak lelaki. Saksi di dalam perzinaan adalah empat orang sementara saksi di dalam pembunuhan ialah dua orang sahaja, sedangkan pembunuhan adalah lebih berat dari perzinaan. Oleh itu *al-Qiyas* tidak boleh diamalkan kerana ianya melahirkan hukum-hukum yang berbeza. Sepatutnya dua perkara yang sama mempunyai hukum yang sama kerana kedua-duanya mempunyai sifat yang sama.

Adapun nas ianya bertentangan dengan firmanNya Surah *al-Najm* 53:23 *"Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan-sangkaan, dan apa yang diingini oleh hawa nafsu mereka"*. Dan firmanNya Surah *al-Najm* 53:28 *"Mereka tidak lain hanyalah mengikuti perasangkaan, sedang sesungguhnya perasangkaan itu tidak berfaedah sedikitpun terhadap kebenaran"*. Dan firmanNya Surah *Fussilat* 41:23 *"Dan yang demikian itu adalah perasangkamu yang telah kamu sangka terhadap Tuhanmu. Dia telah membinasakan kamu, maka jadilah kamu termasuk orang-orang yang merugi"*. Dan firmanNya Surah *al-Isra'* 17:36 *"Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan"*. Dan firmanNya Surah *al-`Araf* 7:33 *"Dan mengada-adakan sesuatu terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui"*.

Para imam Ahlu l-Bait A.S. menegah beramal dengan *al-Qiyas* dan mencela pelakunya.

Ibn `Abbas berkata: Sesungguhnya Allah berfirman kepada NabiNya Surah *al-Ma'idah* 5:49 *"Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka"*. Dia tidak berfir-

man: Apa yang kamu fikir! Jika Dia mengharuskannya kepada seorang daripada kamu, nescaya Dia mengharuskannya kepada RasulNya.

Begitu juga beliau menentang *al-Istihsan* kerana hukum-hukum adalah tersembunyi kepada cerdik pandai. Dan kemuslihatan yang menjadi sebabnya juga tersembunyi. Kemungkinan sesuatu perkara menjadi muslihat di sisi Allah tetapi ianya tersembunyi daripada kita seperti bilangan rak`at di dalam sembahyang, kadar hudud dan sebagainya. Lantaran itu *al-Istihsan* adalah mendahului Allah dan RasulNya sebagaimana firmanNya Surah *al-Hujurat* 49:1 *"Janganlah kamu mendahului Allah dan RasulNya".*

Dan ianya juga membawa kepada "menghukum" sesuatu bertentangan dengan apa yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. Dia berfirman Surah *al-Ma'idah* 5:44 *"Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang kafir".* Dan firmanNya Surah *al-Ma'idah* 5:45 *"Barangsiapa yang tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim".*

Mengenai *Ijtihad,* beliau menyatakan bahawa Nabi s.`a.w. tidak disuruh untuk ber*ijtihad* di dalam hukum, kerana Dia berfirman Surah *al-Ma'idah* 5:48 *"Maka putuslah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka'.* Dan firmanNya Surah *al-Ma'idah* 5:44 *"Barangsiapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir".* Dan firmanNya Surah *al-Najm* 53:3-4 *"Dan tiadalah yang diucapkannya itu menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya".* Dan firmanNya Surah *Yunus* 10:15 *"Katakanlah, tidaklah patut bagiku menggantinya dari pihak diriku sendiri. Aku tidak mengikut kecuali apa yang diwahyukan kepadaku".*

Sekiranya beliau boleh ber*ijtihad* di dalam hukum, nescaya kita boleh menyalahinya kerana ijmak bahawa hukum *ijtihad* tidak memberi keilmuan secara *Qat`i.* Dan menyalahinya (hukum *Qat`i*) adalah haram secara ijmak. Dengan *ijtihad* boleh berlaku kesalahan, dan kesalahan dari Nabi s.`a.w. adalah mustahil kerana beliau adalah maksum. Sekiranya beliau boleh ber*ijtihad,* kenapa beliau menangguhkan jawapan kepada beberapa masalah sehingga turunnya

wahyu. Kerana menangguhkan jawapan keterangan di masa perlu adalah mustahil (*Nahj al-Haq wa Kasyf al-Sidq,* hlm. 402- 406). Sebenarnya al-`Allamah al-Hulliyy menulis buku ini adalah kerana menyahuti permintaan Sultan Uljaitu yang bermazhab Hanafi, tetapi telah bosan dengan kefanatikan penganut-penganut mazhab tersebut terhadap mazhab-mazhab yang lain. Uljaitu pada mulanya seorang Kristian kemudian berkahwin dengan seorang Muslimah dan akhirnya memeluk Islam mazhab Hanafi (*Ibid,* hlm. 31).

Beliau telah meluahkan penyesalan beliau tentang kefanatikan mazhab yang sedang berlaku. Seolah-olah beliau menyesal meninggalkan ugama moyangnya. Beliau berkata: Kami telah memasuki ugama Arab; ugama yang banyak perbezaan pendapat dan perbalahan sebagaimana kalian mengetahuinya. Lantaran itu adalah lebih baik bagi kami, kembali kepada ugama moyang kami (*Ibid,* hlm. 30).

Kenyataan Sultan Uljaitu ini tersebar di kalangan tentera dengan meluas sehingga jika mereka melihat orang yang memakai serban, mereka mengkejinya. Bukan itu sahaja malah mereka telah meninggalkan `aqad perkahwinan cara Islam. Selama tiga tahun Sultan Uljaitu di dalam kebingungan selepas meninggalkan mazhab Hanafi. Tetapi beliau tidak meninggalkan Islam disebabkan tentera-tenteranya kerana beliau cintakan Islam.

Seorang daripada gabenornya bernama Tayyi Matar mencadangkan supaya beliau memilih mazhab Syi`ah sambil berkata: Sultan Ghazan adalah orang yang paling bijak pada zamannya telah memilih mazhab Syi`ah. Dan amat sesuai sekali jika penggantinya menurut jejak langkahnya. Cadangan ini tidak menarik perhatian Sultan Uljaitu malah beliau menjawab: Wahai orang yang celaka! Anda mahu menjadikan aku seorang Rafidi (Syi`ah)? Sekali-kali tidak. Tetapi gabenor tersebut meneruskan percakapannya dengan penuh ketenangan serta menerangkan mazhab Syi`ah kepadanya kerana ianya adalah mazhab Ahlu l-Bait yang lebih mengetahui tentang isi rumahnya.

Beliau cuba menghilangkan dari hati Sultan Uljaitu dakyah-dakyah yang jahat dan khabar-khabar angin yang bohong bagi menentang mazhab Syi`ah. Tetapi Uljaitu tidak berpuas hati dengannya lalu terlintas di hatinya nama al-`Allamah al-Hulliyy seorang

yang paling alim di Iraq. Kemudian beliau memintanya menulis sebuah kitab tentang asas-asas akidah Islam dengan menyebut bukti-bukti akal dan nas.

Lalu al-`Allamah al-Hulliyy menyahuti seruannya dengan menulis buku ini. Kemudian selepas beberapa perbincangan, Sultan Uljaitu berpegang kepada mazhab Syi`ah Imamiyyah Ithna Asy`ariyyah tanpa mengenakan sebarang tekanan ke atas mazhab-mazhab yang lain. Malah beliau memberi kebebasan dengan sewajarnya kepada mereka bagi melakukan amalan menurut mazhab-mazhab mereka. Tetapi para ulama Ahlu s-Sunnah tidak meredainya dan tidak pula mampu menghalangnya kerana kebenaran terserlah baginya (*Ibid.* hlm. 32).

Lantaran itu penterjemahan buku ini akan menolak fatwa jahat kaum Wahabi yang menyamar sebagai Ahlu s-Sunnah lalu menghukum sesatnya Syi`ah Imamiyyah Ithna Asy`ariyyah atau mazhab Ja`fari. Pada hakikatnya kaum Wahabi juga telah menghukum sesatnya Ahlu s-Sunnah Wa l-Jama`ah. Oleh itu tidak hairanlah jika kita dapati para ulama Ahlu s-Sunnah kita melakukan perkara yang sama terhadap mereka (Lihat umpamanya Ayub Sabri Pasha, *Faham Wahabi Dan Penyelewengannya*, Mizan, 1989; Ja`fari subhani, *Tauhid dan Syirik*, Mizan 1990). Sementara Syaikh-syaikh al-Azhar mengakui kesahihan mazhab Ja`fari dan sah beramal ibadat dengannya.

Walau bagaimanapun penterjemahan buku ini adalah bertujuan akademik semata-mata dan bukan untuk kita bertukar mazhab, kerana apa yang penting ialah mematuhi al-Qur'an dan Sunnah Nabawiyyah yang sejajar dengan al-Qur'an. Semoga ianya akan memperluaskan wawasan pemikiran Islam berdasarkan nas tanpa prajudis dan iri hati kepada kebenaran yang hakiki.

Dan akhir sekali kami bertawakkal kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Adil di dalam segala-galanya.

Profesor Madya Dr. Lutpi Ibrahim
Pensyarah Pemikiran Islam,
Jabatan Pengajian Islam,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur. 30 Sept. 1993

PENDAHULUAN

Bismillahi r-Rahmani r-Rahim

Segala puji bagi Allah di mana pemikiran para ulama tenggelam di dalam *makrifah*Nya, para cendikiawan dan sasterawan tercengang di dalam mencapai zatNya di mana lidah mereka lemah untuk menggambarkan jenis sifatNya. Tidak seorangpun daripada mereka dapat mencapai hakikatNya selain daripada sifat dan nama sahaja, kerana tidak sesuatupun di bumi dan di langit menyerupaiNya. Dialah yang mengangkat darjat para ulama ke puncak yang tinggi dan menjadikan mereka pewaris para Nabi dan melebihkan tinta mereka daripada darah para syahid.

Aku memujiNya dengan sepenuh pujian yang tidak terbilang dan berkesudahan. Salawat dan salam ke atas penghulu para Nabi Muhammad s.`a.w. dan keluarganya yang disucikan, salawat yang memenuhi seluruh pelusuk bumi dan langit. *Amma ba`d*: Sesungguhnya Allah S.W.T. telah melarang di dalam kitabNya yang mulia dari menyembunyikan penerangan dan hukumanNya. Dan melarang dari menyembunyikan dalil-dalil dan keteranganNya. Dia berfirman di dalam Surah *al-Baqarah* 2:159 *"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang Kami telah menurunkannya daripada keterangan-keterangan dan petunjuk selepas Kami menerangkannya kepada manusia di dalam kitab, mereka itulah dilaknati Allah dan dilaknati pula oleh orang-orang yang melaknati mereka".*

Dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:174-175 *"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah diturunkan Allah, iaitu Al-Kitab dan menjualnya dengan harga yang sedikit (murah), mereka itu sebenarnya tidak memakan (tidak menelan) ke dalam perutnya melainkan api, dan Allah tidak akan berbicara kepada mereka pada hari kiamat dan tidak mensucikan mereka dan*

bagi mereka siksa yang amat pedih. Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk dan siksa dengan ampunan. Maka alangkah beraninya mereka menentang api neraka!".

Dan sabda Rasul s.`a.w. *"Sesiapa yang mengetahui suatu ilmu kemudian menyembunyikannya, maka Allah akan membelenggukannya di hari kiamat dengan belenggu api neraka".* (Ibn Majah, *Sunan*, I, hlm. 96).

Lantaran itu ianya menjadi kewajipan ke atas setiap mujtahid dan orang yang arif menzahir dan mendedahkan kebenaran agama dan menunjukkan orang yang sesat supaya ia tidak termasuk di kalangan orang yang dilaknati di dalam ayat-ayat dan hadis tersebut. Sebagaimana sabdanya s.`a.w. *"Apabila lahirlah bid`ah pada ummatku, maka orang yang alim hendaklah menzahirkan keilmuannya. Maka sesiapa yang tidak melakukannya, maka di atasnya laknat Allah".* (*Muntakhab Kanz al-`Ummal*, IV, hlm. 49).

Oleh kerana pemuda-pemudi kita di zaman ini kebanyakannya digodai syaitan sehingga mereka mengingkari kebanyakan *daruriyyat* dan salah di dalam perkara-perkara *al-Mahsusat*, maka memberi penerangan kepada mereka tentang kesalahan mereka adalah wajib supaya orang lain tidak mengikuti mereka. Demi inginkan penulisan yang ringkas, maka kami menamakan buku ini dengan nama *Nahj al-Haq wa Kasyf al-Sidq* (*Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya*).

Dan tujuan utama kami menulis buku ini adalah kerana takutkan Allah S.W.T. serta mengharapkan pahala dariNya kerana ingin terlepas dari siksaanNya yang pedih dengan menyembunyikan kebenaran dan tidak memberi "pertunjuk" kepada orang ramai. Dan buku ini aku hadiahkan kepada Sultan Uljaitu Khuda Bandah Muhammad dan aku jadikan pahala buku ini untuknya.

Akhir sekali salawat dan salam ke atas Muhammad dan keluarganya yang suci.

Hasan bin Yusuf al-Mutahhar al-Hulliyy

BAB KEBERSIHAN (*AL-TAHARAH*)

Fasal Pertama: Mengenai Kebersihan (*al-Taharah*). Ia mengandungi 29 masalah:

1. Ja`fari: Tidak harus melakukan wuduk dengan *nabidh* tamar (air buah kurma).

   Abu Hanifah: Harus apabila ianya dimasakkan.[1]

   Lantaran itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Anfal* 8:11 *"Dan Allah menurunkan kepadamu dari langit untuk mensucikan kamu dengan hujan itu"* dan firmanNya Surah *al-Furqan* 25:11 *"Dan Kami turunkan dari langit air yang amat bersih"*.

2. Ja`fari: Harus bersuci dengan air mutlak yang suci meskipun berubah sedikit dari sifat-sifatnya; apabila bercampur dengan benda-benda yang bersih seperti Za`faran yang sedikit.

   Syafi`i: Tidak harus.[2]

   Lantaran itu ianya bertentangan dengan umum al-Qur'an. Dan kesukaran mengasingkan air yang bercampur dengan tanah.

3. Ja`fari: Kulit bangkai tidak boleh disucikan dengan samak sama ada yang dimakan dagingnya ataupun tidak, sama ada bersih airnya ataupun tidak.

---

1. Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 25; al-Jassas, *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 386.
2. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 20.

Syafi`i: Boleh disucikan apabila ianya bersih pada masa hidupnya selain dari anjing dan babi.[3]

Abu Hanifah: Semua boleh disucikan kecuali kulit babi.[4]

Daud: Semuanya boleh disucikan.[5] Oleh itu semuanya menyalahi firmanNya Surah *al-Maidah* 5:3 *"Diharamkan ke atas kamu bangkai"*. Pengharaman tubuh binatang *al-`Ain* bererti pengharaman juga kulitnya. Jikalaulah demikian keadaannya, maka "menjualnya" adalah tidak harus menurut Ja`fari, sementara Syafi`i pula berpendapat: Harus penjualannya selepas ianya disamak.[6]

Abu Hanifah dan al-Laith b. Sa`d berkata: Harus menjualnya sebelum disamak dan selepasnya.[7] Kedua-dua pendapat tersebut adalah bertentangan dengan nas al-Qur'an di atas.

4. Ja`fari: Zakat tidak dikenakan ke atas anjing. Kulitnya tidak boleh disucikan dengan samak sama ada disembelihkan ataupun tidak.

   Abu Hanifah: Zakat dikenakan ke atas anjing, kulitnya boleh disucikan dengan samak sama ada di sembelih ataupun tidak.[8]

5. Ja`fari: Niat adalah wajib di dalam semua jenis kebersihan (*taharah*) dari hadas.

   Abu Hanifah: Tidak wajib niat pada kebersihan yang mengguna kan air (*al-Ma'iyyah*). Al-Auza`i berkata: Niat tidak wajib secara mutlak.

   Oleh itu kedua-duanya menyalahi firmanNya Surah *al-Maidah:* 5:6 *"Apabila kamu bangkit dari tidur maka basuhlah"* iaitu kerana ingin bersembahyang. Dan firmanNya Surah *al-Bayyinah* 98:5 *"Dan mereka tidak disuruh melainkan supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam agama dengan lurus"*. Kedua-duanya juga menyalahi Sunnah muta-

---

3. Abd al-Rahman al-Juzairi, *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 26, 27; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 62.
4. *Ibid*
5. *ibid.*
6. *Ahkam al-Qur'an*, I, hlm. 115; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al- Arba`ah*, I, hlm. 231.
7. *Ibid.*
8. *Al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 26; *Ahkam al- Qur'an*, I, hlm. 115; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 62.

watirah iaitu sabda Nabi s.`a.w.: *Sesungguhnya amalan (amalan) hendaklah dimulai dengan niat dan setiap orang menurut niatnya.*[9]

6. Ja`fari: Sunnat membasuh dua tangan sebelum memasukkan kedua-duanya ke dalam bekas satu kali selepas tidur.

   Daud: Mewajibkannya secara mutlak. Ibn Hanbal: Mewajibkannya pada tidur malam dan bukan di siang hari.[10] Kedua-duanya menyalahi firmanNya Surah *al-Maidah* 5:6 *"Apabila kamu bangkit dari tidur, maka basuhlah muka-muka kamu"*. Ahli Tafsir berkata: Apabila kamu bangkit dari tidur. Dan sekiranya basuh tangan adalah wajib, nescaya Allah S.W.T. telah menyebutkannya di dalam ayat tersebut,[11]

7. Ja`fari: Wajib menyapu kepala dan tidak memadai dengan membasuhnya.

   Para imam mazhab empat berkata: Memadai dengan membasuhnya.[12]

   Lantaran itu mereka telah menyalahi kitab Allah yang membezakan di antara anggota-anggota. Oleh itu menyamakan di antara keduanya adalah menyalahi nas al-Qur'an.

8. Ja`fari: Tidak harus menyapu di atas serban.

   Al-Thauri, al-Auza`i, Ahmad dan Ishak mengatakan bahawa ianya harus.[13] Oleh itu mereka menyalahi nas al-Qur'an di mana Dia berfirman Surah *al-Maidah* 5:6 "*Sapulah kepala-kepala kamu*". Di dalam ayat ini Allah S.W.T. telah melekatkan sapu kepada kepala.

9. Ja`fari: Wajib menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya. Ini juga adalah pendapat sebahagian para sahabat, tabi`in seperti Ibn `Abbas, `Ikramah, Anas, Abu al- `Aliyah dan al-Sya`bi.[14]

---

9. *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 337; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm.
10. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 7.
11. Al-Khazin dan al-Nasafi, Tafsir-tafsir mereka, I, hlm. 469; *al-Alusi, al-Tafsir*, VI, hlm. 62.
12. *`Al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 61-62.
13. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 10.
14. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 10.

Para imam mazhab empat berkata: Wajib basuh.[15] Oleh itu mereka menyalahi firmanNya Surah *al-Maidah* 5:6 *"Dan sapulah kepala-kepala kamu"*.

10. Ja`fari: Wajib tertib di antara anggota-anggota wuduk, ini adalah pendapat `Ali A.S., Ibn `Abbas, Qatadah, Abu `Ubaidah, Ahmad b. Hanbal dan Ishak. Abu Hanifah dan Malik berkata: Tertib tidaklah wajib di dalam wuduk.[16] Justeru itu kedua-duanya telah menyalahi nas al-Qur'an yang memulakan dengan basuh muka dan akhirnya basuh dua tangan. Kemudian diikuti dengan sapu dan akhirnya dua mata kaki. :Surah *al-Maidah* 5:6.

11. Ja`fari: Tidak harus menyapu di atas dua sepatu *al-Khuffain* melainkan di masa darurat.

    Para imam mazhab empat mengharuskan sapu ke atas *al-Khuffain*.

    Lantaran itu mereka menyalahi nas al-Qur'an *"kaki-kaki kamu"* sebagai *`ataf* kepada *ru'us* (kepala-kepala). Oleh itu Allah melekatkan *"sapu"* kepada *"kepala"*. Justeru itu orang yang menyapu di atas *al-Khuffain* bukanlah menyapu di atas kedua-dua kakinya *(al-rijlain)*.

12. Ja`fari: Wajib melakukan al-Istinja' dari kencing dan berak.

    Abu Hanifah: Tidak wajib.[17] Oleh itu ianya bertentangan dengan hadis-hadis yang menunjukkan bahawa Nabi s.`a.w. sentiasa melakukannya.

13. Ja`fari: Tidur adalah membatalkan wuduk secara mutlak.

    Syafi`i: Apabila seorang itu tidur mengiring atau tidur di atas punggungnya atau menyandar, maka wuduknya batal.

    Malik, Auza`i, Ahmad, Ishak: Sekiranya banyak membatalkan wuduk dan sekiranya sedikit tidak membatalkannya.

    Abu Hanifah: Tidak dikenakan wuduk dari tidur melainkan orang yang tidur mengiring. Adapun orang yang tidur dalam keadaan berdiri, rukuk, sujud, duduk sama ada di dalam sem-

15. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 11-12; *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 345-347; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 54; al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 262; Fakhr al- Din al-Razi, *al-Tafsir al-Kabir*, XI, hlm. 161.
16. *Al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 61-63; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 13.
17. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 90; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 58.

bahyang atau selain daripadanya maka wuduk tidak dikenakan ke atasnya.[18]

Oleh itu mereka telah menyalahi nas al-Qur'an Surah *al-Maidah* 5:6 *"Apabila kamu bangkit kepada sembahyang"* Ahli Tafsir berkata: Daripada tidur.[19]

14. Ja`fari: Apabila seseorang keluar maninya selepas mandi, maka wajib ke atasnya mandi sama ada sebelum kencing atau selepasnya. Malik: Tidak wajib mandi.

    Abu Hanifah: Sekiranya sebelum kencing, wajib ke atasnya mandi. Dan sekiranya selepas kencing, maka ia tidak wajib mandi.[20]

    Oleh itu kedua-duanya telah menyalahi nas al-Qur'an Surah *al-Maidah* 5:6 *"Dan jika kamu berjunub maka mandilah"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Sesungguhnya air adalah dari air"*.[21]

15. Ja`fari: Apabila mani keluar tanpa syahwat, maka wajib ke atasnya mandi. Abu Hanifah: Tidak wajib.[22] Lantaran itu ianya menyalahi al-Qur'an dan Sunnah.

16. Ja`fari: Wuduk orang kafir tidak diambil kira. Begitu juga mandi junubnya pada masa kafirnya.

    Abu Hanifah: Kedua-duanya diambil kira.[23]

    Oleh itu ianya menyalahi nas al-Qur'an Surah *al-Bayyinah* 98:5 *"Pada hal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepadaNya dalam agama"*. Justeru itu keikhlasan tidak dicapai oleh orang kafir. Dan sabda Nabi s.`a.w.: *"Sesungguhnya amalan (amalan) itu hendaklah dimulakan dengan niat"*.[24] Oleh itu ianya tidak akan dicapai oleh orang kafir.

17. Ja`fari: Tayammum adalah sah dengan tanah. Tetapi ianya tidak harus dengan galian, garam, salji dan pokok.

    Abu Hanifah dan Malik: Harus melakukan tayammum dengan

18. *Al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 90; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 58
19. *Al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 262; Syaikh Mansur `Ali Nasif, *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 97.
20. *Al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Raba`ah*, I, hlm. 108.
21. *Al-Tafsir al-Kabir*, VI, hlm. 164; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 37; Muslim, Sahih, I, hlm. 131.
22. *Al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 108; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 37.
23. *Al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 52.
24. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 6; *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 837.

benda-benda tersebut.[25] Oleh itu kedua-duanya telah menyalahi al-Qur'an Surah *al-Maidah* 5:6 *"Maka bertayammumlah dengan tanah yang baik-baik."*

18. Ja`fari: Apabila tayammum tidak meratai anggota-anggota yang wajib disapu, maka ianya batal sama ada dengan sengaja atau pun tidak. Abu Hanifah berkata: Tidak mengapa sekiranya ianya kurang dari satu dirham.[26] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Nisa'* 4:43 *"Maka sapulah mukamu dan tanganmu.*

19. Ja`fari: Mencari air adalah wajib.

    Abu Hanifah: Tidak wajib[27] Oleh itu ianya menyalahi nas al-Qur'an firmanNya Surah *al-Ma'idah* 5:6 *"Apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang, maka basuhlah.* Kemudian Dia berfirman Surah *al-Ma'idah* 5:6 *"Sekiranya kamu tidak mendapati air, maka hendaklah kamu bertayammum".* Justeru itu Allah mensyaratkan tayammum apabila air tidak ada. Dan kepastian tidak adanya air apabila ianya dicari dan tidak ada.

20. Ja`fari: Orang yang melakukan tayammum kerana wujudnya halangan di antaranya dan air di dalam telaga umpamanya dan dia tidak mempunyai alat untuk mengambilnya. Jika dia sembahyang dengan melakukan tayammum maka sembahyangnya tidak wajib diulangi lagi.

    Syafi`i: Diulangi.

    Abu Hanifah mempunyai dua pendapat, pendapatnya yang akhir: Dia hendaklah bersabar, tanpa bertayammum dan bersembahyang.[28] Oleh itu ianya menyalahi al-Qur'an firmanNya Surah *al-Maidah* 5:6 *"Sekiranya kamu tidak mendapati air, maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah yang baik".* Oleh itu jika dia melakukan apa yang disuruhkannya bererti dia terkeluar dari mengulanginya.

21. Ja`fari: Orang yang tidak mendapat air tetapi dia mendapati kain atau pelana kuda umpamanya, dan di atasnya didapati

---

25. *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 55; *Ahkam al-Qur'an,* I, hlm. 389.
26. *Ahkam al-Qur'an,* II, hlm. 391; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al- Arba`ah,* I, hlm. 162.
27. *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 52; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 155.
28. *Ahkam al-Qur'an,* II, hlm. 280-281.

sedikit tanah maka dia boleh bertayammum dengannya dengan meletakkan kedua tangan padanya kemudian meleraikannya dan bertayammum dengannya.

Abu Hanifah: Diharamkan sembahyang ke atasnya. Lantaran itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Maidah* 5:6 *"Sekiranya kamu tidak mempunyai air, maka bertayammumlah dengan tanah yang baik".*

22. Ja`fari: Anjing adalah najis `aini begitu juga air liurnya.

    Malik berkata: Semuanya bersih.[29] Lantaran itu ianya menyalahi Sunnah Rasulullah s.`a.w. yang menegah anjing memasuki rumah.[30]

23. Ja`fari: Air yang banyak tidak najis melainkan dengan peruba han. Apa yang dimaksudkan dengan banyak itu ialah 1,200 kati Iraq.

    Abu Hanifah: Had banyak (*al-Kathir*) ialah apabila seorang itu menggerakkan "satu tepi air" di mana tepi yang satu lagi tidak bergerak.[31]

    Oleh itu ianya bertentangan dengan tujuan syariat iaitu hukum mestilah tepat dan terkenal kerana pergerakan ada yang kuat dan ada yang lemah. Lantaran itu tidak harus menyandarkan hukum kebersihan dan najis kepada "pergerakan air" kerana ianya tidak tepat. Justeru itu ianya membawa kepada "membebankan" apa yang tidak mampu. Kerana tidak mungkin mengetahui air yang najis dan tidak najis dengan pergerakan air yang bermacam-macam.

24. Ja`fari: Tidak harus memilih di antara dua bekas apabila salah satu daripadanya terkena najis dan ianya menjadi samar kepada pemiliknya. Malah kedua-duanya wajib ditinggalkan. Begitu juga keadaannya pada dua kain apabila salah satu daripadanya terkena najis. Tetapi ia boleh dibuat sembahyang dengan salah satu daripada kedua-duanya secara berasingan sama ada bilangan bekas yang bersih lebih banyak ataupun tidak. Demikian

---

29. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 11.
30. Muslim, *Sahih*, II, hlm. 331; al-Bukhari, *Sahih*, III, hlm. 21
31. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 18

juga keadaannya dengan kain.

Abu Hanifah: Harus memilih di antara dua kain tersebut secara mutlak. Begitu juga pada bekas-bekas apabila bilangan yang bersih lebih banyak.

Syafi`i: Mengharuskan pemilihan bekas-bekas dengan kain-kain secara mutlak.

Oleh itu kesemuanya menyalahi akal kerana akal menegah mengutamakan salah satu daripada dua perkara yang sama tanpa penentu. Di atas kaedah inilah tertegaknya kaedah-kaedah Islam.

25. Ja`fari: Apabila bumi terkena air kencing dan kering dengan cahaya matahari, maka ia menjadi bersih. Oleh itu ianya harus dilakukan tayammum dengannya dan sembahyang di atasnya.

    Abu Hanifah: Ianya bersih dan harus sembahyang di atasnya tetapi tidak boleh bertayammum dengannya.[32] ianya menyalahi al-Qur'an firmanNya Surah *al-Maidah* 5:6 *"Maka bertayammumlah tanah yang baik".*

26. Ja`fari: Harus berseronok dengan isteri di dalam keadaan haidh di antara pusat dan lutut selain daripada kemaluan.

    Syafi`i dan Abu Hanifah: Haram.[33]

    Lantaran itu kedua-duanya menyalahi al-Qur'an firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:223 *"Maka datangilah tanah tempat bercocok tanammu itu sebagaimana sahaja yang kamu kehendaki".* Dia telah menentukan pengharaman di kemaluan. Dan Dia berfirman Surah *al-Baqarah* 2:223 *"Maka jauhilah wanita-wanita pada masa haidh"* iaitu tempat haidh.

27. Ja`fari: Wajib membersihkan tubuh badan dan kain di dalam sembahyang melainkan tiga jenis darah: Haidh, Istihadah dan Nifas. Justeru itu darah yang kurang dari satu dirham selain dari darah-darah tersebut adalah harus.

    Abu Hanifah: Semua darah adalah harus jika tidak melebihi satu dirham.[34] Lantaran itu ianya menyalahi firmanNya Surah

---

32. *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, I, hlm. 152.
33. *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, hlm. 134.
34. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 64; *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, I, hlm. 18.

al-Muddaththir 94:4 *"Dan pakaianmu bersihkanlah".*

28. Ja`fari: Mani adalah najis, tidak memadai dikikis di masa kering.

    Abu Hanifah: Memadai dengan dikikiskan sahaja.

    Syafi`i: Ianya bersih.[35] Oleh itu ianya menyalahi suruhan Nabi s.`a.w. supaya membasuhinya dan wajib membasuhi seluruh badan.

29. Ja`fari: Apabila seorang bersembahyang di atas hamparan di mana salah satu dari dua tepinya terkena najis dan tepi yang satu lagi adalah bersih, maka sembahyangnya di atas tepi yang bersih itu adalah sah.

    Abu Hanifah: Apabila hamparan itu berada di atas katil dan hamparan itu pula bergerak dengan pergerakan orang yang sembahyang, maka sembahyangnya adalah tidak sah. Diriwayatkan oleh Nur Allah al-Tastari di dalam *al-Yanabi`* dan Syarahnya oleh al-Ansari.

    Oleh itu ianya menyalahi akal dan nas. Adapun nas kerana ia diperintahkan supaya bersembahyang dengan kain yang bersih sebagaimana firmanNya Surah *al-Muddaththir* 74:4 *"Dan pakaian kamu hendaklah kamu bersihkannya".* Adapun dari segi akal kerana sembahyang dikaitkan dengan tempat yang tidak kena najis. Dan apakah perbezaan di antara ia bergerak dengan pergerakan nya ataupun tidak? Demikian juga sekiranya di atas kepalanya satu tepi serban yang bersih sementara tepi yang satu lagi terletak di atas tanahnya yang najis, maka sembahyangnya adalah sah.

    Abu Hanifah: Jika ia bergerak dengan pergerakannya adalah batal. Syafi`i: Semuanya batal.[36]

    Demikian juga jika diikatkan seekor anjing dengan satu tali dan tepi tali itu berada bersama orang yang bersembahyang, maka sembahyangnya adalah sah.

    Syafi`i: Apabila dia berdiri di atas tali adalah sah, dan apabila dia membawa tepi talinya maka ianya tidak sah.

---

35. *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 64; al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah, I, hlm. 13.
36. Diriwayatkan oleh Nur Allah al-Tastari di dalam *al-Yanabi`* dan Syarahnya oleh al-Ansari.

BAB SEMBAHYANG (*AL-SALAH*)

Fasal kedua: Tentang sembahyang (*al-Salah*), ia mengandungi 73 masalah.

1. Ja`fari: Orang yang pengsan apabila mengiringi waktu, tidak wajib mengerjakan sembahyang dan tidak pula wajib *Qada'*.

   Ahmad b. Hanbal: Wajib *Qada'* secara mutlak. Abu Hanifah: Jika dia pengsan di dalam lima waktu, wajib dia mengqadanya. Dan sekiranya dia pengsan di dalam enam waktu, maka dia tidak wajib mengqadanya.[1]

   Oleh itu kedua-duanya menyalahi akal dan nas. Adapun sabda Nabi s.`a.w. *"Qalam diangkat dari tiga jenis"*[2] .Adapun dari segi akal ialah syarat taklif ialah kefahaman. Oleh itu orang yang pengsan tidak ada kefahaman tersebut. Dan *Qada'* adalah mengikut fardu, dan apabila fardu itu luput, maka *Qada'* juga luput.

2. Ja`fari: Mendahului sembahyang pada awal waktunya adalah lebih baik melainkan bagi orang yang ingin melakukan sembah yang sunnat atau ingin menunggu imam sembahyang.

   Abu Hanifah: Disunatkan mendahulukan sembahyang Subuh bagi orang yang musafir dan melewatkan sembahyang Zuhr dan Jumaat.[3]

---

1. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 78; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 488
2. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 150
3. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 76; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 185, 275.

Lantaran itu ianya menyalahi firmanNya Surah *Ali `Imran* 3:133 *"Dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu"* dan firmanNya Surah *al-Maidah* 5:48 *"Maka ber-lumba- lumbalah membuat kebaikan"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. Sembahyang pada awal waktu, akan mendapat keredaan Allah dan sembahyang pada akhir waktu akan mendapat keampunan Allah.[4]

3. Ja`fari: Apabila seorang bersembahyang kemudian berpindah di atas kenderaannya tanpa menghala ke arah Qiblat, maka tidak wajib baginya menghala ke arah perjalanannya (Qiblat).

   Syafi`i: Sekiranya dia tidak menghadapi Qiblat dan tidak menghala ke arah perjalanannya, maka sembahyangnya adalah batal.[5]

   Lantaran itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:45 *"Maka ke manapun kamu menghadap di situlah wajah Allah"*. Dan ianya juga menyalahi akal kerana arah perjalanan bukan mestinya lurus kadang-kadang ke kanan dan kadang-kadang ke kiri.

4. Ja`fari: Harus sembahyang fardu di atas kenderaan kerana darurat. Para imam mazhab empat tidak mengharuskannya.[6]

   Lantaran itu mereka telah menyalahi firmanNya Surah *al-Hajj* 22:78 *"Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu* Dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:185 *"Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu"* dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:286 *"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya"* dan firmanNya Surah *al-Talaq* 65:7 *"Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan (sekadar) apa yang Allah berikan kepadanya"*.

   Mereka juga menyalahi akal kerana membebankan seseorang dengan apa yang ia tidak mampu adalah mustahil dan meninggalkan sembahyang, sedangkan ia mampu mengerjakannya adalah

4. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 146.
5. *al-Umm*, I, hlm. 831. *Al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, I, hlm. 172
6. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 237.

mustahil. Dan mereka juga menyalahi Sunnah Rasul s.`a.w. kerana beliau sembahyang fardu di atas kenderaannya di hari hujan.[7]

5. Ja`fari: Wajib takbir permulaan (*al-iftitah*) dengan lafaz Allahu Akbar.

   Abu Hanifah: Boleh dilakukan dengan menggunakan nama-nama Allah sebagai menghormatiNya seperti Allah `Azim, Allah Jalil dan seumpamanya.[8] Lantaran itu ianya menyalahi Sunnah Nabi s.`a.w. kerana beliau memulakannya dengan takbir Allahu Akbar, dan beliau bersabda: Sembahyanglah sebagaimana kamu melihat aku bersembahyang.[9] Dan sabdanya yang masyhur *"Ihram (sembahyang) ialah takbir"*.[10]

6. Ja`fari: Takbir wajib dilakukan di dalam bahasa Arab. Sekiranya seorang itu tidak pandai menyebutkannya, maka hendaklah ia mempelajarinya.

   Abu Hanifah: Harus melakukan takbir selain dari bahasa Arab.[11] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.a.w. yang melakukan takbirnya dengan bahasa Arab. Dan beliau bersabda *"Sembahyanglah sebagaimana kamu melihatku sembahyang"* dan selain dari bahasa Arab tidak dinamakan takbir.

7. Ja`fari: Sunnat membaca al-Ta`awwuz sebelum membaca *al-Fatihah* pada rak`at pertama.

   Malik: Tidak sunnat, malah tidak boleh membaca al-Ta`awwuz di dalam sembahyang fardu.[12] Oleh itu ianya menyalahi firman-Nya Surah *al-Nahl* 16:98 *"Apabila kamu membaca al-Qur'an hendaklah kamu meminta perlindungan kepada Allah dari syaitan yang terkutuk"*. Dan ianya menyalahi Sunnah Rasulullah s.`a.w. kerana beliau selalu membaca *"A`udhu bi llahi mina sy-Syaita ni r-Rajim"*.[13]

8. Ja`fari: Wajib membaca *al-Fatihah* di dalam semhahyang.

---

7. Diriwayatkan oleh buku-buku *Sahih* dan *Musnad* mereka.
8. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 96; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 220.
9. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 95.F
10. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 175, 181; *Bidayah al Mujtahid*, I, hlm. 95.
11. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 224; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 95.
12. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 256.
13. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 184.

Abu Hanifah: Memadai membaca hanya satu ayat sahaja daripada *al-Fatihah* dan sebahagian ayat selain daripadanya.[14] Lantaran itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tidak sah sembahyang melainkan dengan membaca al-Fatihah"* dan sabdanya lagi *"Tidak sempurna sembahyang bagi orang yang tidak membaca al-Fatihah"*.[15]

9. Ja`fari: *Bismillahi r-Rahmani r-Rahim* adalah ayat bagi setiap surah.

   Abu Hanifah dan Malik: Ianya bukanlah sebahagian daripada ayat bagi setiap surah. Malah Malik benci membacanya di dalam sembahyang.[16] Oleh itu kedua-duanya menyalahi ilmu daruri yang mutawatir bahawa ianya sebahagian daripada ayat. Dan juga menyalahi firmanNya bahawa *al-Fatihah* adalah lima ayat sehingga kepada firmanNya *Nasta`in*.[17]

10. Ja`fari:Menyebutkan perkataan *amin* membatalkan sembahyang

    Para imam mazhab empat: Ianya tidak membatalkan sembahyang.[18] Oleh itu mereka semuanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. yang masyhur *"Sesungguhnya sembahyang ini tidak sesuai sesuatupun percakapan manusia"*.[19] Justeru itu *Amin* adalah daripada percakapan manusia.

11. Ja`fari: Wajib membaca Surah *al-Fatihah* pada dua rak`at yang akhir atau tasbih dengan *al-Ma'thur* iaitu *Subhana llah wa l-Hamdu lillah, wa Lailaha illa llah, wa llahu Akbar.*

    Abu Hanifah: Tidak wajib membacanya, tidak pula mewajibkan tasbih sebagai gantinya, malah mengharuskan "berdiam" tanpa membaca apa-apapun di dalam kedua-dua rak`at yang akhir daripada rak`at yang ketiga di dalam sembahyang Maghrib.[20] Oleh itu ianya menyalahi Sunnah Nabi s.`a.w. yang melakukan nya kerana beliau membaca Surah *al-Fatihah* sahaja.[21]

---

14. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 98; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 229
15. *Al-Baghawi, Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 42; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 177.
16. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 257.
17. *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 9; *al-Durr al-Manthur*, I, hlm. 7.
18. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 250
19. *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 49; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 93; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 159.
20. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 98; *al-Hidayah*, I, hlm. 34; al-*Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 238.
21. *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 42; Muslim, *Sahih*, I, hlm. 170.

12. Ja`fari: Bacaan di dalam sembahyang adalah wajib di dalam bahasa Arab. Abu Hanifah: Harus membaca beberapa ayat al-Qur'an dengan bahasa Arab ataupun mana-mana bahasa yang diingininya.[22] Lantaran itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Syu`ara* 26:195 *"Dengan bahasa Arab yang jelas"*. Dan firmanNya Surah *Yusuf* 12:2 *"Sesungguhnya kami menurunkannya (al-Qur'an) dengan berbahasa Arab agar kamu memahaminya"*. Justeru itu "pembaca" selain dari bahasa Arab bukanlah dia pembaca al-Qur'an.

13. Ja`fari: Wajib melakukan *tama'ninah* di dalam rukuk begitu juga ketika *inhina'*, kedua-dua tangannya hendaklah sampai kepada kedua-dua lututnya. Abu Hanifah: Tidak wajib *tama'ninah*.[23] Oleh itu ianya menyalahi Sunnah Nabi s.`a.w. yang melakukan rukuk dengan *tama'ninah* dan sabdanya *Sembahyanglah sebagaimana kamu melihatku bersembahyang.*

14. Ja`fari: Wajib menyebut nama Allah di dalam rukuk dan sujud.

    Abu Hanifah, Malik dan Syafi`i: Tidak wajib. Malah Malik berkata: Aku tidak mengetahui "menyebut" nama Allah di dalam sujud.[24] Lantaran itu mereka semua menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. dan sabdanya bahawa beliau telah melakukannya.[25] Dan manakala turunnya firmanNya Surah *al-Waqi`ah* 56:74 *"Maka bertasbihlah dengan (menyebut) nama Tuhanmu Yang Maha Besar"*. Beliau bersabda *"Jadikan "nya" di dalam rukuk kamu"* dan manakala turun firmanNya Surah *al-A`la* 87:1 *"Bertasbihlah dengan (menyebut) nama Tuhan kamu Yang Paling Tinggi"*, beliau bersabda: *"Jadikan "nya" di dalam sujud kamu"*.[26]

15. Ja`fari: Wajib mengangkat kepala dari rukuk dan *tama'ninah* ketika *intisab*.

    Abu Hanifah: Kedua-duanya tidak wajib.[27]

---

22. *al-Tafsir al-Kabir*, I, hlm. 309, 313; *al-Mabsut*, I, hlm. 224; *al-Hidayah*, I, hlm. 30.
23. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 134; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 105; al-Hidayah, I, hlm. 32.'
24. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 242; *al- Hidayah*, I, hlm. 32.
25. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 190, 192.
26. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 192; *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 45; Bidayah al-Mujtahid, I, hlm. 100.
27. *al-Hidayah*, I, hlm. 32; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 105; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 234.

Oleh itu ianya menyalahi Sunnah Nabi s.`a.w. kerana beliau telah melakukannya.[28]

16. Ja`fari: Wajib meletakkan dahi di atas tanah di dalam sujud.

    Abu Hanifah: Jika ia mahu, ia meletakkan dahinya, dan jika ia mahu, ia boleh meletakkan hidungnya.[29] Lantaran itu ianya menyalahi sabdanya s.`a.w. kerana beliau menyuruh supaya sujud di atas tujuh anggota: *"Dua tangan, dua lutut, dua hujung jari (kedua-dua tangan) dan dahinya".*[30] Dan sabdanya lagi "Dijadikan tanah tempat sujud dan bersih".[31]

17. Ja`fari: Wajib meletakkan kedua-dua tangan, dua lutut, dua anak jari kaki ketika sujud di atas tanah.

    Abu Hanifah, Syafi`i: Ianya sunnat.[32]

    Oleh itu kedua-duanya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. dan sabdanya sebagaimana telah diterangkannya terlebih dahulu. Dan beliau juga ber sabda *"Apabila seorang hamba sujud, maka sujud bersamanya tujuh anggota; mukanya, dua tapak tangannya, dua lututnya dan dua tapak kakinya".*[33]

18. Ja`fari: Tidak harus sujud di atas sebahagian daripada anggota-anggotanya.

    Abu Hanifah: Harus sujud di atas tapak tangannya.[34]

    Lantaran itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. dan sabdanya *"Tidak sempurna sembahyang seorang daripada kamu (sehingga beliau bersabda): Kemudian dia sujud menetapkan dahinya di atas tanah sehingga seluruh anggotanya "tenang"".*[35]

19. Ja`fari: Wajib tama'ninah di dalam sujud dan *i`tidal.*

    Abu Hanifah: Tidak wajib tama'ninah di dalam sujud dan tidak wajib mengangkat kepala darinya melainkan sekadar boleh dimasukkan pedang di antara dahinya dan tanah. Di dalam riwayat yang lain pula dia berkata: Tidak wajib mengangkatnya

---

28. *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 105; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* I, hlm. 175; Muslim, Sahih, I, hlm. 185.
29. *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 108.
30. Muslim, *Sahih,* I, hlm. 183; *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 108.
31. Muslim, *Sahih,* I, hlm. 183; *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 108
32. *al-Hidayah,* I, hlm. 33; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 242, 261.
33. *Ayat al-Ahkam,* III, hlm. 209.
34. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 223.
35. *al-Umm,* I, hlm. 99.

secara mutlak, malah jika digali lubang di bawah dahinya. Lalu dahinya terjatuh ke arahnya, adalah memadainya dari sujud kedua sekalipun dia tidak mengangkat kepalanya.[36] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. dan sabdanya kepada orang yang diajar sembahyangnya oleh Nabi s.`a.w. *"Kemudian anda mengangkat kepala anda sehingga anda merasai ketenangan di dalam keadaan duduk"*.[37]

20. Ja`fari: Disunnatkan duduk selepas mengangkat dari sujud pertama, kedua dan ketiga.

    Abu Hanifah: Tidak sunnat.[38] Lantaran itu ianya menyalahi perbuatan Rasulullah s.`a.w. yang duduk pada rak`at pertama ketika beliau mengangkat kepalanya daripada sujud yang akhir. Kemudian dia berdiri dan berpegang atas tanah.[39]

21. Ja`fari: Wajib *tasyahhud* pertama dan salawat ke atas Nabi s.`a.w..

    Abu Hanifah dan Syafi`i: Tidak wajib.[40] Oleh itu mereka berdua telah menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w..[41]

22. Ja`fari: Wajib tasyahhud yang akhir dan salawat ke atas Nabi s.`a.w. dan duduk padanya dengan tama'ninah. Malik: Kedua-duanya tidak wajib.

    Abu Hanifah: Tidak wajib duduk tanpa *tasyahhud*.[42]

    Lantaran itu mereka berdua telah menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. Ibn Mas`ud berkata: Rasulullah s.`a.w. telah memegang tanganku dan mengajarku *tasyahhud* seraya bersabda: *"Apabila anda berkata begini dan melakukan begini, maka anda telah melaksanakan sembahyang anda"*.[43]

23. Ja`fari: Keluarnya seseorang itu dari sembahyangnya apabila ia menyempurnakan salawat ke atas Nabi dan keluarganya serta salam.

---

36. *al-Hidayah*, I, hlm. 33.
37. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 224.
38. *al-Hidayah*, I, hlm. 33; al-Fiqh `Ala al-Madhahib, I, hlm. 243.
39. *al-Bukhari, Sahih*, I, hlm. 198; *Ahmad, al-Musnad*, III, hlm. 436.
40. *al-Umm*, I, hlm. 102; *al-fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 243, 266; Bidayah al-Mujtahid, I, hlm. 101.
41. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 101; *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 46; *Sahih* Muslim, I, hlm. 151, 152
42. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 235, 236, 266; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 106.
43. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 107; *al-Muwatta'*, I, hlm. 113; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 196.

Abu Hanifah: Seseorang itu keluar dari sembahyangnya apabila dia memberi salam, bercakap atau mengeluarkan "angin".[44]

24. Ja`fari: Percakapan dengan sengaja membatalkan sembahyang sekalipun seorang makmum berkata kepada imamnya: Anda telah melupai..

    Malik: Ianya adalah harus apabila ianya berkaitan dengan muslihat sembahyang.[45]

    Lantaran itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sesungguhnya sembahyang kita ini tidak sesuai padanya percakapan manusia"*.[46]

25. Ja`fari: Orang yang telah didahului oleh kencing, berak atau kentut di dalam sembahyangnya, maka sembahyangnya batal. Abu Hanifah, Malik, Syafi`i: Dia meneruskan sembahyangnya.[47] Oleh itu mereka menyalahi akal kerana mereka mengumpulkan dua perkara yang berlawanan iaitu hadas dan sembahyang. Dan jika seorang itu didahului oleh hadas, lalu dia keluar dari sem bahyangnya bagi mengulangi wuduknya, tiba-tiba dia muntah atau berhadas dengan sengaja. Syafi`i berpendapat: Ia mener uskan sembahyangnya. Ini adalah lebih pelik dari pendapat pertama.

26. Ja`fari: Seorang yang mampu berdiri tetapi lemah untuk melak ukan rukuk, maka dia wajib berdiri di dalam sembahyangnya dan kelemahannya di dalam rukuk tidak dapat mengelakkannya dari "berdiri".

    Abu Hanifah: Dia boleh membuat pilihan di antara mengerjakan sembahyang dengan berdiri atau dengan duduk.[48] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:238 *"Berdirilah untuk Allah (di dalam sembahyang) dengan khusyuk"*. Dan ianya juga menyalahi ijmak yang menunjukkan wajib berdiri bagi orang yang mampu. Lantaran itu bagaimana ianya luput dengan kelemahan yang lain?

---

44. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 237, 271; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 91.
45. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 298; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 93.
46. *al-Hidayah*, I, hlm. 39; al-Umm, I, hlm. 183.
47. *Ibid*
48. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 499.

27. Ja`fari: Sunnat sujud syukur.

    Malik: Makruh. Abu Hanifah: Ianya tidak disunnatkan.[49] Oleh itu mereka berdua menyalahi akal dan nas. Adapun akal kerana pengakuan terhadap nikmat Allah dan mensyukuri nikmatNya adalah wajib. Dan kesyukuran yang paling memberi kesan ialah meletakkan dahi di atas tanah kerana menghinakan diri kepada Allah S.W.T. Adapun nas ialah firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:152 *"Dan bersyukurlah kepadaku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat)ku"* dan firmanNya Surah *Ibrahim* 14:7 *"Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kami akan menambahkan (nikmat) kepadamu"*.

    Oleh itu martabat syukur yang paling tinggi ialah sujud. Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.`a.w. apabila didatangi perkara yang menyenangkannya, beliau terus sujud kerana bersyukur kepada Allah.[50]

28. Ja`fari: Jika sesuatu melintasi di hadapan seorang yang sedang sembahyang, maka sembahyangnya tidaklah batal.

    Ahmad b. Hanbal: Jika seekor anjing hitam, perempuan, dan kaldai melintasi di hadapan seorang yang sedang sembahyang maka sembahyangnya batal. Lantaran itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sembahyang tidak terbatal apabila dilintasi sesuatu. Oleh itu jauhilah diri kalian dari syaitan menurut kemampuan kalian"*.[51]

29. Ja`fari: Seorang yang murtad apabila meninggalkan sembahyang, puasa, zakat dan haji pada masa murtadnya, atau keadaan Islamnya, maka dia wajib mengqadanya.

    Abu Hanifah dan Malik: Dia tidak wajib mengqadanya.[52]

    Oleh itu ianya menyalahi sabdanya s.a.w. *"Sesiapa yang tidur tanpa mengerjakan sembahyang atau melupainya, maka hendaklah dia mengerjakannya apabila dia mengingatinya"*.[53]

---

49. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 470.
50. *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 74; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 225.
51. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 184.
52. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 488.
53. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 143.

30. Ja`fari: Seorang yang tidak pandai membaca (*al-Qira'ah*) dan tidak berpeluang belajar, dia boleh bertakbir memuji Allah, dan bertasbih kepadaNya sekadar bacaannya yang dituntut.

    Abu Hanifah: Dia mengerjakan sembahyang tanpa membaca sesuatu.[54]

    Oleh itu ia menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Apabila seorang daripada kamu ingin mengerjakan sembahyang, maka hendak lah ia mengambil wuduk sebagaimana telah diperintahkan oleh Allah. Dan sekiranya bersamanya sesuatu dari al-Qur'an, hendaklah dia membacanya. Dan sekiranya ia tidak mempunyai sesuatupun dari al-Qur'an, maka hendaklah ia memuji Allah dan bertakbir"*.[55]

    Lantaran itu perintah di dalam hadis tersebut memberi implikasi wajib.

31. Ja`fari: Batal wuduk jika diambil dengan air yang dirampas. Para imam mazhab empat: Tidak batal. Oleh itu mereka menya lahi sabdanya s.`a.w. *"Harta seseorang itu tidaklah halal melainkan dengan kerelaan jiwa"*.[56] Dan sabdanya lagi *"Sesiapa yang merampas sesuatu, maka ia bukanlah daripada kita"*.[57]

    Oleh itu mereka juga menyalahi akal kerana mengguna milik orang lain adalah dikeji. Lantaran itu perkara yang keji tidak diperintah untuk dilakukannya sedangkan wuduk adalah diperintahkan untuk dilakukannya. Justeru itu ianya merupakan wuduk yang tidak dikira dari segi syarak.

32. Ja`fari: Orang yang berjunub boleh melalui kesemua masjid selain dari dua masjid iaitu masjid haram dan masjid Nabi s.`a.w.

    Abu Hanifah dan Malik: Ianya tidak harus.[58] Oleh itu mereka berdua menyalahi nas al-Qur'an Surah *al-Nisa'* 4:43 *"Jangan pula hampiri masjid sedang kamu dalam keadaan junub, kecuali sekadar berlalu sahaja"*.

---

54. *al-Tafsir al-Kabir*, I, hlm. 218; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 230.
55. *al-Tafsir al-Kabir*, I, hlm. 218; *al-Umm*, I, hlm. 89.
56. *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 11.
57. *Ibid.*
58. al-Jassas, *Ayat al-Ahkam*, II, hlm. 203; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 37; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 121-3.

33. Ja`fari: Tidak harus bagi Musyrikin memasuki mana-mana masjid sama ada dengan izin ataupun tidak.

    Abu Hanifah: Harus memasuki semua masjid dengan keizinan.

    Syafi`i: Harus memasuki kesemua masjid selain daripada masjid Haram.[59] Oleh itu mereka berdua menyalahi firmanNya Surah *al-Taubah* 9:28 *"Sesungguhnya Musyrikin itu najis, maka janganlah mereka mendekati masjid Haram sesudah ini"*. Lantaran itu Allah S.W.T. tidak membenarkan Musyrikin menghampiri masjid kerana mereka adalah najis `Aini. Tetapi aneh sekali Abu Hanifah telah melarang orang-orang Islam yang berjunub melalui masjid, kemudian membenarkan Musyrikin menghampirinya pula. Justeru itu ia telah menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah S.W.T. dan mengharamkan apa yang diha- lalkan olehNya.

34. Ja`fari: Tidak haram mengqada sembahyang fardu di dalam semua waktu.

    Abu Hanifah: Haram mengqadanya di dalam waktu yang lima.[60]

    Oleh itu ianya menyalahi akal dan nas. Adapun akal, kerana sebahagian dari waktu-waktu tersebut sesuai untuk mengqadanya. Dan menyegerakan perbuatan ta`at adalah dituntut oleh syarak. Lagipun manusia mempunyai banyak halangan dan kemung kinan ia mati sebelum sempat mengqadakan sembahyangnya. Justeru itu ianya diambilkira. Adapun firmanNya Surah *al-Isra'* 17:78 *"Dirikanlah sembahyang dari sesudah matahari tergelincir sampai gelap malam"*. Dan sabdanya s.`a.w. *"Sesiapa yang tidur kemudian melupai sembahyang-nya maka hendaklah ia mengerjakan sembahyangnya apabila ia mengingatinya"*.[61]

35. Ja`fari: Qunut adalah sunnat, ianya dilakukan sebelum rukuk.
    Abu Hanifah: Ianya bid`ah.

    Syafi`i: Ianya dilakukan selepas rukuk.

---

59. *Ayat al-Ahkam*, III, hlm. 88; *al-Tafsir al-Kabir*, XVI, hlm. 26
60. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 81.
61. *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 31; al-Bukhari, *Sahih*, I, hlm. 146.

Oleh itu mereka berdua menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sesungguhnya Nabi s.a.w. membaca Qunut pada setiap sembahyang. Selepas membaca al-Fatihah dan sebelum rukuk.*[62]

36. Ja`fari: Sembahyang witr adalah sunnat dan bukan wajib.

    Abu Hanifah: Ianya fardu.[63]

    Hammad b. Zaid berkata: Aku berkata kepada Abu Hanifah: Berapakah sembahyang? Dia menjawab: Lima. Aku berkata: Adakah witr itu fardu? Dia menjawab: Aku tidak mengetahuinya. Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. baha *"Sembahyang itu ialah lima kali sehari semalam".*[64]

37. Ja`fari: Sembahyang Duha adalah bid`ah.

    Para imam mazhab empat: Ianya sunnat.[65]

    Lantaran itu mereka menyalahi sunnah Rasulullah s.`a.w. yang diriwayatkan oleh al-Humaidi di dalam al-Jami` Baina al-Sahihain daripada Marwan al-`Ajali, dia berkata: Aku berkata kepada Ibn `Umar: Anda mengerjakan sembahyang Duha? Dia menjawab: Tidak. Aku- pun bertanya lagi: Abu Bakr? Dia menjawab: Tidak. Aku bertanya lagi: Nabi s.`a.w.? Dia menjawab: Tidak.[66] Humaidi pula meriwayatkan dari `Aisyah di dalam Musnad `Ais yah, dia berkata: Sesungguhnya Nabi s.`a.w. tidak pernah mengerjakan sembahyang Duha.[67] `Abdullah b. `Umar juga berkata: Sembahyang Duha adalah bid`ah dari segala bid`ah.[68]

38. Ja`fari: Tidak harus bagi orang yang berdiri mengimamkan orang yang duduk.

    Syafi`i dan Abu Hanifah: Harus.[69] Ahmad: Apabila imam sembahyang di dalam keadaan duduk, makmum mestilah sembahyang di dalam keadaan duduk meskipun ia mampu berdiri.[70] Oleh itu mereka menyalahi akal dan nas. Adapun akal

---

62. *Mantakhab Kanz al-`Ummal fi Hamisy al-Musnad,* II, hlm. 129.
63. *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 70. Ibn Qutaibah, *al-IMa'arif,* hlm. 220.
64. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* I, hlm. 133.
65. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 322.
66. al-Bukhari, *Sahih,* II, hlm. 70; Ahmad, *al-Musnad,* II, hlm. 23, 45.
67. Ahmad, *al-Musnad,* VI, hlm. 30; *al-Muwatta',* I, hlm. 167.`
68. Ahmad, *al-Musnad,* II, hlm. 129.
69. *al-Umm,* I, hlm. 151; *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 119.
70. *Ibid*

kerana orang yang duduk lebih rendah darjatnya dan mencacatkan rukun duduk. Adapun nas kerana sabda Nabi s.`a.w *"Janganlah orang yang berdiri mengimamkan orang yang duduk selepasku"*.[71] Dan adalah menghairankan Ahmad telah menggugur kan fardu wajib berdiri sedangkan ia adalah rukun yang wajib diikuti bagi orang yang mampu berdiri.

39. Ja`fari: Tidak harus mengimamkan orang yang fasiq dan orang yang menyalahi i`tiqad, pelaku bid`ah sama ada ia kafir dengan bid`ahnya ataupun tidak.

    Syafi`i: Makruh mengimamkan orang yang fasiq, pelaku bid`ah. Dan jika seseorang itu bersembahyang di belakangnya adalah harus. Dan ia terbahagi kepada beberapa pendapat: Pertama, mereka tidak kafir dan tidak fasiq. Mereka itu berselisih pendapat di dalam masalah furu` seperti para sahabat Abu Hanifah dan Malik. Oleh itu berimam dengan mereka tidaklah makruh. Kedua, mereka dikafirkan seperti Muktazilah. Oleh itu tidak harus berimam dengan mereka. Ketiga, mereka adalah fasiq tetapi tidaklah kafir iaitu mereka yang mencaci orang-orang salaf. Hukum ke atas mereka sepertilah hukum ke atas orang yang melakukan zina, minum arak, liwat dan lain-lain. Mereka boleh menjadi imam tetapi hukumnya adalah makruh sama ada mereka meneruskan minumannya sama ada bertambah ataupun tidak. Ini adalah pendapat Abu Hanifah, Syafi`i dan Ahmad. Oleh itu mereka telah menyalahi firmanNya Surah *Hud* 11:113 *"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang telah melakukan kezaliman yang menye babkan kamu disentuh api neraka"*. Lantaran itu manakah kecenderungan yang lebih besar dari mengimamkan orang yang zalim di dalam sembahyang yang menjadi tiang ugama? Dan firmanNya Surah *al-Hujurat* 49:6 *"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti"*. Oleh itu mengenal pasti orangnya adalah wajib di antaranya kebersihan (*al-Taharah*) yang menjadi syarat sembahyang.

71. Diriwayatkan oleh al-Dar al-Qutni dan al-Baihaqi.

40. Ja`fari: Jalan bukanlah penghalang di antara imam dan makmum. Tetapi dinding adalah penghalang yang menegah dari mengimamkan seseorang melainkan wanita.

    Abu Hanifah: Jalan adalah penghalang yang menegah "mengimamkan" seseorang melainkan dengan bersambungan saf. Begitu juga air yang menjadi penghalang tetapi dinding bukanlah penghalang. Oleh itu seorang yang tinggal di rumahnya boleh mengimamkan seorang imam di masjid di antara keduanya adalah dinding masjid dan rumahnya.[72]

41. Ja`fari: Haram mengerjakan sembahyang *Qasr* di dalam musafir maksiat.

    Abu Hanifah dan Malik: Harus.[73] Oleh itu ianya bertentangan dengan akal kerana *Qasr* adalah *rakhsah.* Dan rakhsah tidak boleh disertai maksiat.

42. Ja`fari: Wajib sembahyang *Qasr* di dalam musafir ta`at.

    Syafi`i: Boleh membuat pilihan di antara *Qasr* dan itmam(lengkap).[74] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:184 *"Maka jika di antara kamu yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain".* Dia telah mewajibkan (berpuasa) di hari-hari lain. Lantaran itu ianya haram pada asal. Oleh itu setiap orang yang wajib *Qasr* di dalam puasanya (berbuka), maka wajiblah ke atasnya mengqasarkan di dalam sembahyangnya.

    `Umran bin Hasan berkata: Aku mengerjakan haji bersama Nabi s.`a.w., beliau mengerjakan sembahyang dua rak`at sehingga beliau pergi begitu juga Abu Bakr dan `Umar sehingga mereka berdua pergi.[75]

    Ibn Abbas berkata: Allah memfardukan sembahyang ke atas Nabi kalian di dalam musafir dua rak`at.[76]

    `Aisyah berkata: Sembahyang difardukan dua rak`at, dua rak`at.

---

72. Ianya telah disebut di dalam *Ihqaq al-Haq* dan lain-lain.
73. *al-Hidayah*, I, hlm.57; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib* al-Arba`ah, I, hlm. 475.
74. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 130; *al-Umm*, I, hlm. 159; al- *Tafsir al-Kabir*, VII, hlm. 18.
75. Ahmad, *al-Musnad*, IV, hlm. 430, 431, 440.
76. Muslim, *Sahih*, I, hlm. 365.

Ianya ditetapkan di dalam sembahyang musafir dan ditambahkan di dalam sembahyang hadar (tidak musafir)[77]

`Umar berkata: Sembahyang Subuh dua rak`at, sembahyang Juma`at dua rak`at, sembahyang Hari Raya dua rak`at, sembahyang musafir dua rak`at sepanjang hayat. Ini adalah *Qasr* menurut lidah nabi kalian.[78]

43. Ja`fari: Wajib *Qasr* di dalam puasa (berbuka) ke atas musafir "ta`at". Para imam mazhab empat: Boleh meneruskan puasa atau membukanya.[79] Lantaran itu mereka menyalahi firman-Nya Surah *al-Baqarah* 2:184 *"Maka jika di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain"* iaitu menafikan harus berpuasa secara ijmak.

    Al-Humaidi telah meriwayatkan di dalam *al-Jam` Baina al-Sahihaini*; Sesungguhnya Nabi s.`a.w. telah keluar dari Madinah bersamanya sepuluh ribu Muslimun pada tahun kelapan kedatangannya ke Madinah. Beliau dan para Muslimun berjalan ke Makkah beliau berpuasa maka merekapun berpuasa sehingga beliau sampai ke satu tempat bernama al-Kadyah, lalu beliaupun membuka puasanya dan orang ramai turut berbuka demikian iaitu di antara Asfan dan Qadid.[80]

    Ibn `Abbas meriwayatkan bahawa Nabi s.`a.w. keluar dan orang ramai berselisih pendapat, ada yang berpuasa dan ada yang berbuka. Manakala beliau duduk di atas untanya, beliau meminta air, lalu beliau meletakkannya di atas untanya sehingga orang ramai melihat kepadanya. Kemudian beliau meminumnya lalu orang ramai meminumnya bersama-bersamanya pada bulan Ramadhan.[81]

    Jabir b. `Abdullah meriwayatkan bahawa Nabi s.`a.w. keluar pada hari pembukaan Makkah pada bulan Ramadan. Beliau

77. *Ibid*, hlm. 265.
78. Ahmad, *al-Musnad*, I, hlm. 37.
79. *Bidayah al-Mujtahid*, V, hlm. 76; *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 76; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 471.
80. al-Bukhari, *Sahih*, III, hlm. 42; *al-Muwatta'*, I, hlm. 275; al-*Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 74.
81. Ahmad, *al-Musnad*, III, hlm. 329.

berpuasa sehingga beliau sampai ke satu tempat bernama Kura` al-Ghamim. Pada hari itu semua orang berpuasa. Kemudian beliau meminta segelas air, lalu beliau mengangkatnya sehingga ianya dilihat oleh orang ramai kemudian beliau meminumnya. Ada orang berkata kepadanya selepas itu: Orang ramai ada yang berpuasa? Beliau menjawab: Mereka itu adalah *al-`Usat* (pelaku-pelaku dosa).[82] Ini adalah nas yang terang tentang pengharaman berpuasa di dalam musafir.

Rasulullah s.`a.w. bersabda: *"Tidak ada kebaikan berpuasa di dalam musafir"*.[83] Dan sabdanya lagi *"Orang yang berpuasa di dalam musafir sepertilah orang yang berbuka di dalam hadar"*.[84]

44. Ja`fari: Fardu sembahyang orang musafir tidak berubah dengan mengikuti orang yang bermukim.Para imam mazhab empat: Berubah.[85] Lantaran itu mereka semua menyalahi umum al-Qur'an yang menunjukkan wajib mengqasarkan sembahyang bagi orang yang musafir sebagaimana tidak berubah nya fardu orang yang sembahyang dalam masa hadar di belakang orang yang musafir, dan begitulah sebaliknya.

45. Ja`fari: Orang yang luput sembahyangnya pada masa musafir, maka ia wajib mengqadanya di dalam masa hadar secara *Qasr*. Demikian juga ia mengqasarkannya di dalam masa musafir secara *Qasr* sama ada pada masa musafirnya itu ataupun pada masa musafir yang lain.

    Syafi`i dan Ahmad: Wajib mengqadanya secara itmam (lengkap).[86] Justeru itu mereka berdua menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sesiapa tidur tanpa mengerjakan sembahyang atau melupainya, maka hendaklah ia mengerjakan sembahyangnya apabila ia mengingatinya"*.[87] Dan sembahyang pada masa hadar adalah berbeza dengan sembahyang pada masa musafir.

46. Ja`fari: Orang yang mengerjakan sembahyang di atas kapal yang mampu berdiri, maka wajib di atasnya sembahyang secara

82. *Sahih Muslim*, II, hlm. 465; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 207.
83. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 206; *Musnad* Ahmad, III, hlm. 299, 317.
84. *Ahkam al-Qur'an*, I, hlm. 214; *al-Durr al-Manthur*, I, hlm. 191.
85. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 477.
86. *al-Umm*, I, hlm. 145; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 492
87. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 141.

ber diri. Abu Hanifah: Harus mengerjakan sembahyang secara berdiri ataupun duduk.[88] Oleh itu ianya menyalahi nas-nas yang menunjukkan wajib berdiri. Dan apakah sebab yang mengharuskan duduk sedangkan ia mampu berdiri? Dan apakah bezanya di antara kapal dan sebagainya?

47. Ja`fari: Orang yang melakukan dosa di dalam musafirnya seper tilah orang yang keluar untuk menyamun atau berusaha untuk membunuh seorang muslim atau mencari sesuatu yang tidak harus atau seumpamanya. Ia tidak harus mengqasarkan sembahyangnya dan juga membuka puasanya.

    Abu Hanifah dan para sahabatnya, al-Thauri, al-Auza`i: Tidak ada perbezaan di antara musafir maksiat atau ta`at.[89]

    Lantaran itu mereka menyalahi akal dan nas. Adapun akal kerana *Qas*r adalah satu *rakhsah.* Oleh itu ianya tidak boleh diikuti dengan maksiat. Adapun nas maka firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:173 *"Tetapi sesiapa di dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedangkan ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas".* Oleh itu Dia telah mengharamkan *rakhsah* dan *Qasr* ke atas orang yang melampaui batas.

48. Ja`fari: Harus menjamakkan di antara sembahyang Zuhr dan `Asr, Maghrib dan `Isya` sama ada di dalam musafir ataupun hadar tanpa sebarang sebab.

    Syafi`i: Bagi orang yang harus mengqasarkan sembahyangnya, maka ia bolehlah menjamaknya.[90] Pendapat ini juga dipegang oleh Ishak, Malik dan Ahmad.[91]

    Abu Hanifah: Tidak boleh menjamak sembahyang kerana musafir. Tetapi harus jamak di antara kedua-duanya pada masa mengerja kan Haji. Oleh itu setiap orang yang mengerjakan Ihram pada musim Haji sebelum tergelincirnya matahari di hari `Arafah, apabila ianya tergelincir, maka ia boleh mengerjakan jamak di antara Zuhr dan `Asr, Maghrib dan Isyak di Muzdalifah.[92] Oleh itu mereka menyalahi firmanNya Surah *al-Israk*

88. *al-Huda*, I, hlm. 54.
89. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 132; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 474, 574.
90. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 134; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 485, 487.
91. *Ibid.*
92. *Ibid.*

17:78 *"Dirikan- lah sembahyang dari sesudah matahari tergelincir sampai gelap malam dan (dirikanlah pula sembahyang) Subuh. Sesungguhnya sembahyang boleh disaksi".*

Ibn `Abbas meriwayatkan bahawa Nabi s.`a.w. telah mengerjakan sembahyang Zuhr dan `Asr secara jamak, begitu juga Maghrib dan Isyak secara jamak tanpa takut dan tanpa musafir.[93] Kemudian Ibn `Abbas berkata: Nabi s.`a.w. tidak mahu menyusahkan ummatnya.

49. Ja`fari: Wajib mendahului Zuhr ke atas `Asr semasa jamak.

    Syfai`i: Harus dimulai dengan `Asr.[94]

    Oleh itu ianya menyalahi ijmak dan perbuatan Nabi s.`a.w. dan perintah Allah yang mewajibkan "mendahului" Zuhr ke atas `Asr.

50. Ja`fari: Orang yang bermukim di sebuah tempat atau negeri kerana perniagaan atau menuntut ilmu atau lain-lainnya, apabila ia niat bermukim selama sepuluh hari, Juma`at wajib ke atasnya (apabila cukup semua syarat-syaratnya). Pengikut-pengikut Malik dan Syafi`i menyalahinya. Oleh itu mereka menyalahi kewajipan sembahyang Juma`at.[95]

51. Ja`fari: Wajib Juma`at ke atas Ahli al-Sawad sepertilah wajibnya ke atas penduduk-penduduk bandar.

    Abu Hanifah: Tidak wajib Juma`at ke atas Ahli al-Sawad. Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Jum`at* 62:9 *"Apabila diseru untuk menunaikan sembahyang pada hari Juma`at, maka bersegeralah kamu kepada mengingati Allah".*

52. Ja`fari: Wajib Juma`at bagi orang yang jauh dari tempatnya sekadar dua Farsakh atau kurang sedikit jika bilangan mereka mencukupi dan jika bilangan mereka kurang sedikit, mereka wajib juga menghadirinya. Demikian juga jika jarak tempat mereka kurang dari satu Farsakh.

    Abu Hanifah: Jika ia berada di luar tempatnya, ia tidak wajib

---

93. Muslim, *Sahih*, I, hlm. 271; *al-Muwatta'*, I, hlm. 160; Ahmad, *al-Musnad*, I, hlm.67.
94. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 135.
95. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 125; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 380, 388.

menghadiri Juma`at apabila bilangan mereka tidak mencukupi.[96] Muhammad berkata kepada Abu Hanifah: Adakah wajib Juma`at ke atas Ahli al-Zaurah al-Kufah? Dia menjawab: Tidak, kerana di antara al-Zaurah dan al-Kufah ada parit iaitu sebuah kampung berhampiran Kufah.

Syafi`i: Tidak wajib hadir melainkan mereka berada di tempat di mana mereka dapat mendengar azan.[97] Justeru itu mereka menyalahi al-Qur'an Surah *al-Jum`at* 62:9 *"Maka bersegeralah kamu kepada mengingati Allah".*

54. Ja`fari: Bilangan adalah syarat pada peringkat permulaan dan bukan berterusan. Lantaran itu jika mereka berkeliaran lari selepas takbir, maka Juma`atnya adalah sah. Para imam mazhab empat: Tidak sah Juma`at.[98] Oleh itu mereka menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sembahyang menurut apa yang dimulakan".*

55. Ja`fari: Berada di dalam waktu sehingga selesai sembahyang Juma`at bukanlah syarat di dalam Juma`at. Jika waktunya habis sebelum selesai Juma`at, maka Juma`atnya sah.

    Abu Hanifah dan Syafi`i: Ianya menjadi syarat.[99] Oleh itu mereka berdua menyalahi nas al-Qur'an Surah *al-Jum`at* 67:9 *"Maka bersegeralah kamu kepada mengingati Allah"* dan sabdanya s.`a.w. *"Juma`at adalah hak yang wajib ke atas setiap muslim.*[100]

56. Ja`fari: Juma`at adalah wajib.[101] Oleh itu apabila seseorang itu mengerjakan Zuhr adalah tidak sah sekiranya ia sempat mengerjakan Juma`at. Jika tidak ia mengulangi Zuhr.

    Abu Hanifah: Memadai dengan mengerjakan sembahyang Zuhr.[102] Oleh itu ianya menyalahi nas al-Qur'an yang mewajibkan Juma`at.

57. Ja`fari: Haram musafir selepas matahari tergelincir sebelum sembahyang Juma`at.

---

96. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 129; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 378.
97. *al-Umm*, I, hlm. 170; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 383; *Mukhtasar al-Mazni*, hlm. 130.
98. *al-Umm*, I, hlm. 170; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 387
99. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 376.
100. Diriwayatkan oleh Syafi`i di dalam *al-Umm* bab "Salat al-Jum`ah
101. Apabila cukup syarat-syaratnya.
102. *ibid*, I, hlm. 401.

al-Hanafiyyah: Ianya adalah harus.[103] Lantaran itu ianya menyalahi al-Qur'an Surah *al-Jum`ah* 62:9 *"Maka bersegeralah kamu kepada mengingati Allah"*

58. Ja`fari: Wajib berdiri ketika membaca khutbah.

    Abu Hanifah: Tidak wajib.[104] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. dan perbuatannya kerana beliau tidak memberi khutbah melainkan dengan berdiri dan beliau bersabda: *"Diri lah sembahyang sebagaimana kalian melihat aku bersembahyang"*. Dan ianya khutbah sebagai ganti rak`at, maka ianya menyamai nya dari segi hukum.[105]

59. Ja`fari: Wajib empat perkara di dalam khutbah; al-Hamdulillah serta memuji ke atasNya, salawat ke atas Nabi s.`a.w. dan keluarganya, nasihat dan membaca sesuatu dari al-Qur'an.

    Abu Hanifah: Satu perkataan sahaja wajib di dalam khutbah; *al-Hamdulillah, Allahu Akbar, Subhanallah, Lailaha illallah* atau selain daripada itu.[106] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w..[107]

60. Ja`fari: Sunnat membaca pada rak`at pertama selepas membaca surah al-Fatihah, Surah al-Jum`at dan pada rak`at kedua Surah al-Munafiqin.

    Abu Hanifah: Boleh membaca mana-mana ayat yang dikehendaki.[108] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. yang diriwayatkan oleh al-Humaidi di dalam *al-Jam` Baina al-Sahihain*, dia berkata: Sesungguhnya Nabi s.`a.w. membaca di dalam sembahyang Juma`at Surah *al-Jum`at* dan Surah *al-Munafiqin.*

61. Ja`fari: Juma`at wajib sekurang-kurangnya mendapat satu rak`at.

    Abu Hanifah: Juma`at boleh didapati sekalipun dengan sujud sahwi selepas salam.[109] Oleh itu mereka menyalahi sabda Rasu-

---

103. *ibid*, I, hlm. 400; *Tafsir al- Khazin*, IV, hlm. 488.
104. *al-Hidayah*, I, hlm. 58.
105. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 125; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 282; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, III,hlm. 294.
106. *al-Hidayah*, I, hlm. 58; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 802.
107. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 286.
108. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 128.
109. *al-Hidayah*, I, hlm. 59; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 402.

lullah s.`a.w. *"Sesiapa yang mendapati satu rak`at di dalam sembahyang (bersama imam) maka ia mendapati sembahyang".*[110]

62. Ja`fari: Orang yang tidak wajib ke atasnya Juma`at, tidak haram melakukan jual beli seperti hamba.

    Malik: Haram.[111] Justeru itu ianya menyalahi umum al-Qur'an iaitu firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:275 *"Allah telah menghalalkan jualbeli"*. Dengan ini apa yang mengharamkan jual beli ialah sembahyang sebagaimana firmanNya Surah *al-Jum`at* 67:9 *"Bersegeralah kamu kepada mengingati Allah dan tinggallah jual beli"*. Lantaran itu ayat ini tidaklah sabit bagi orang yang tidak wajib Juma`at ke atasnsya.

63. Ja`fari: Mengerjakan sembahyang *Khauf* (takut) menurut tempat sama ada berjalan kaki atau menunggang binatang.

    Abu Hanifah: Tidak harus mengerjakan sembahyang di dalam keadaan berjalan. Malah sembahyang hendaklah dilewatkan sehingga selesainya peperangan.[112] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:239 *"Jika kamu di dalam keadaan takut, maka sembahyanglah sambil berjalan berkenderaan"*.

64. Ja`fari: Harus mengerjakan sembahyang Juma`at di padang pasir secara mutlak.

    Abu Hanifah: Tidak harus melainkan di tempat itu sendiri atau di tempat dilakukan sembahyang hari raya.[113]

    Malik: Tidak sah Juma`at melainkan di masjid.[114] Oeh itu kedua-duanya menyalahi umum al-Qur'an iaitu firmanNya Surah *al-Jum`at* 67:9. *"Apabila diseru pada hari Juma`at, maka segeralah kamu kepada mengingati Allah"*.

65. Ja`fari: Wajib sembahyang dua hari raya ke atas orang yang wajib sembahyang Juma`at.

    Malik, Syafi`i, Ahmad: Tidak wajib.

---

110. *al-Muwatta'*, I, hlm. 127; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 255.
111. *Ahkam al-Qur'an*, III, hlm. 448.
112. *al-Tafsir al-Kabir*, VI, hlm. 154; *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 182.
113. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 387; *al Hidayah*, I, hlm. 57.
114. *Ibid.*

Abu Hanifah: Sunnat.[115] Oleh itu semuanya menyalahi firman-Nya Surah *al-A`la* 87:14-15 *"Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan diri dan dia ingat nama Tuhannya, lalu dia sembahyang"*. Dia maksudkan sembahyang hari raya iaitu menun jukkan tidak ada kejayaan dengan meninggalkannya. Mereka juga menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. yang sentiasa mengerja kannya.[116]

66. Ja`fari: Wajib sembahyang *al-Kusuf* (gerhana matahari). Para imam mazhab empat: Sunnat.[117] Oleh itu mereka menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Manakala matahari dan bulan gerhana: Kedua-duanya adalah di kalangan ayat-ayat Allah. Kedua-duanya tidak gerhana kerana kematian seseorang, atau kehidu pannya. Oleh itu apabila kalian melihat kedua-duanya, sembahyanglah dan berdoalah sehingga didedahkan sesuatu untuk kalian"*.[118]

67. Ja`fari: Sunnat sembahyang minta hujan (*al-Istisqa'*).

    Abu Hanifah: Tidak ada sembahyang baginya.[119] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w.. Diriwayatkan oleh Abu Hurairah, dia berkata: Rasulullah s.`a.w. keluar pada satu hari meminta hujan maka beliau sembahyang dua rak`at.[120]

    Ibn `Abbas meriwayatkan: Sesungguhnya beliau s.`a.w. telah sembahyang dua rak`at sebagaimana beliau sembahyang pada dua hari raya.[121]

68. Ja`fari: Sunnat meratakan kubur.

    Syafi`i dan para sahabatnya mempunyai pendapat yang sama. Tetapi mereka berkata: Sunnat adalah meratakan kubur tetapi manakala ianya menjadi lambang Syi`ah, kami pindah kepada tambak. Pendapat ini juga dipegang oleh al-Ghazali. Persoalannya adakah halal bagi orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat mengubah hukum syarak kerana amalan seba-

---

...*Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 344.
...*ayah*, I, hlm. 60.
...*Mujtahid*, I, hlm. 166; *al-Fiqh `Ala al-*...
...*nad*, IV, hlm. 244; al-Bu...
...*hid*, I, hl...
...hlm. 170. ...*Bukhari, Sahih*...

120. *ibid*, I, hlm. 170; al-Bukhari, *Sahih*, II, hlm...
121. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 170.

hagian Muslimin? Dan adakah mereka akan meninggalkan sembahyang kerana Syi`ah melakukannya?

69. Ja`fari: Wajib sembahyang ke atas orang yang mati syahid.

    Syafi`i, Malik dan Ahmad: Tidak disembahyang ke atasnya.[122] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. kerana beliau bersembahyang ke atas Hamzah dan para syahid di Uhud.[123]

70. Ja`fari: Berjalan di belakang jenazah atau di sebelahnya adalah lebih baik.

    Syafi`i, Malik dan Ahmad: Berjalan di hadapannya lebih baik.[124] Oleh itu mereka menyalahi nas kerana apa yang disunnatkan ialah *tasyayyu`*. Al-Humaidi meriwayatkan di dalam *al-Jam` Baina al-Sahihaini* Rasulullah s.`a.w. telah memerintahkan kami mengikuti jenazah.[125]

71. Ja`fari: Berdiri adalah syarat di dalam sembahyang jenazah.

    Abu Hanifah: Harus sembahyang di dalam keadaan duduk sekali pun ia mampu berdiri. Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w., para sahabatnya dan para tabi`in kerana tidak seorangpun daripada mereka mengerjakan sembahyang jenazah dalam keadaan duduk[126]

72. Ja`fari: Wajib Takbir lima kali.

    Para imam mazhab empat: Wajib empat takbir.[127] Oleh itu mereka menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w.. Al-Humaidi meriwayatkan di dalam *al-Jam` al-Baina al-Sahihain* bahawa dia berkata: Zaid b. al-Arqam mentakbir lima kali, maka aku bertanya kepadanya: Dia menjawab: Rasulullah s.`a.w. mentakbir lima kali.[128] Amiru l-Mukminin mentadbir lima kali ke atas jenazah Sahal b. Hanif.[129]

[illegible] *`Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 528, 530
[illegible] II, hlm. 113; *Tarikh al-Khamis*, I, hlm. 442.
[illegible] 185; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 532.
[illegible] *Musnad* Ahmad, IV, hlm. 287.
[illegible] *l-Usul*, I, hlm. 362.
[illegible] *al-Jami* [illegible] hlm. 519.

73. Ja`fari: Sunnat meletakkan dua pelepah tamar yang terbuang daunnya.

Para imam mazhab empat: Tidak sunnat.[130] Al-Humaidi telah meriwayatkannya di dalam *al-Jam` Baina al-Sahihain* daripada Nabi s.`a.w.: Sesungguhnya beliau melalui dua kubur yang sedang disiksa. Maka beliau bersabda: *Kedua-duanya sedang disiksa.* Tetapi kedua-duanya bukanlah disiksa kerana dosa besar. Salah satu daripadanya tidak membersihkannya dari kencing dan yang kedua mengumpat. Kemudian beliau mengambil satu pelepah tamar yang basah dan membelah dua, lalu memacak kannya pada setiap kubur satu pelepah. Mereka berkata: Wahai Rasulullah! Kenapa anda melakukannya? Beliau menjawab: *Mudah-mudahan ia dapat meringankan siksa kedua-duanya selama kdua-duanya (pelepah) tidak kering.*[131]

Di dalam riwayat Sufyan al-Thauri, dia berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.`a.w. bersabda kepada orang-orang Ansar: *Kelilingi-lah para sahabat kalian. Alangkah sedikit orang-orang yang dikelilingi di hari kiamat.* Mereka bertanya: Apakah itu lingkungan?Beliau bersabda: *Diletakkan dua pelepah tamar yang hijau.*[132]

---

130. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 534.
131. al-Bukhari, *Sahih*, II, hlm. 114.
132. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 598

BAB ZAKAT (*AL-ZAKAT*)

Fasal ketiga tentang zakat (*al-Zakat*), dan ia mengandungi 18 masalah

1. Ja`fari: Unta apabila melebihi seratus dua puluh ekor. Maka setiap empat puluh ekor, seekor *bint lubun*[1] dan setiap lima puluh ekor seekor *haqqah*.[2]

   Abu Hanifah: Memulakan fardu pada setiap lima ekor, seekor kambing bersama dua *Haqqah* sehingga seratus empat puluh lima. Maka ia dikenakan dua *Haqqah*, dan *bint Makhad*.[3] Dan setiap seratus lima puluh, tiga *haqqah*.

   Kemudian dimulakan fardu dengan kambing sehingga seratus tujuh puluh empat. Dan setiap seratus tujuh puluh lima ialah tiga haqqah dan *bint Makhad*. Dan setiap seratus lapan puluh lapan, dikenakan dua haqqah dan bint lubun. Dan setiap seratus sembilan puluh sembilan, dikenakan empat haqqah sehingga dua ratus. Kemudian dilakukan pada setiap lima puluh apa yang dilakukan pada lima puluh selepas seratus lima puluh sehingga berakhir kepada dua haqqah. Dan apabila ianya berakhir kepadanya, ia berpindah kepada empat haqqah bersama bint Makhad, kemudian *bintlubun*, kemudian satu *haqqah* dan berdasarkan kepada inilah ia dimulakan.

   Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. di dalam Sahih-

1. Unta betina yang berumur dua tahun dan memasuki tahun ketiga.
2. unta betina yang berumur tiga tahun dan memasuki tahun keempat.
3. Unta betina yang berumur satu tahun dan memasuki tahun kedua.

sahih Ahlu s-sunnah daripada Malik, bahawa apabila ia melebihi seratus dua puluh, maka setiap empat puluh ekor dikenakan *bint lubun* dari setiap lima puluh *haqqah*.[4]

2. Ja`fari: Pemilik membuat pilihan di antara mengeluarkan dua *haqqah* dan *banat al-Lubun* setiap dua ratus ekor.

   Abu Hanifah: Wajib dua *haqqah* sahaja.[5]

   Oleh itu ianya menya- lahi sabda Nabi s.`a.w. yang memberi pilihan di antara kedua- duanya. Lantaran itu "mewajibkan" salah satu daripadanya adalah menyalahi pilihan tersebut.

3. Ja`fari: Wajib menunaikan zakat apabila cukup setahun.[6] Lihatlah buku-buku karangan al-Hanafiah Dan tidak ada tuntutan di sisinya pada harta-harta yang tersem bunyi (*al-Batinah*). Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:43 *"Dan dirilah sembahyang dan tunaikanlah zakat"*.

4. Ja`fari: Zakat wajib pada `ain.

   Syafi`i: Zakat wajib pada diri (*dhimmah*).[7] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Apabila cukup lima ekor dikenakan seekor kambing. Apabila sampai dua puluh lima dikenakan zakat seekor bint Makhad"*. Dan beliau bersabda tentang lembu: *"Apabila cukup tiga puluh, ia dikenakan tabi` atau tabi`ah. Dan setiap empat puluh kambing, dikenakan seekor kambing"*.[8]

5. Ja`fari: Sesiapa yang mengubah hartanya atau sebahagiannya dengan meguranginya, tidak diambil zakatnya tetapi diambil sadqah sahaja.

   Malik dan Ahmad: Zakat diambil daripadanya dan diambil sepa ruh hartanya.[9] Oeh itu kedua-duanya telah menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tidak ada hak pada harta selain dari zakat"*.[10]

6. Ja`fari: Zakat tidak wajib ke atas kanak-kanak dan orang gila.

---

4. *al-Muwatta'*, I, hlm. 250; *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 87; *al Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 12.
5. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 598.
6. Abu Hanifah: Tidak wajib melainkan apabila ia dituntut.
7. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 229; *al-Tafsir al-Kabir*, XVI, hlm. 178.
8. *al-Hidayah*, I, hlm. 70; *al-Muwatta'*, I, hlm. 251.
9. al-Tahawi, *Musykil al-Athar*, "bab zakat".
10. *al-Tafsir al-Kabir*, I, hlm. 214.

Syafi`i: Wajib.[11] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Qalam diangkat dari tiga: Kanak-kanak sehingga ia baligh, orang yang tidur sehingga ia bangkit dan orang gila sehingga a sembuh".*[12]

7. Ja`fari: Perak wajib zakat apabila cukup (bersihnya) dua ratus dirham.

   Abu Hanifah: Perak yang belum dibersihkan tetapi kurang daripada separuh wajib zakatnya sekalipun ia masih berhutang dua ratus dirham bersih. Maka ia memberi perak yang belum dibersihkan kurang daripada separuh, sekalipun satu biji adalah memadai.[13] Oleh itu ia menyalahi sabdanya s.`a.w.: *"Tangan dipertanggungjawabkan apa yang diambilnya sehingga ia menunaikannya".*[14] Kerana ia mengambil dirham yang bersih bagaimana ia memadai dengan membayar perak yang tidak bersih kurang dari separuh? Dan sabdanya s.`a.w.: *"Kurang daripada lima awwaq adalah sadqah"*[15] dan perak yang belum dibersihkan itu bukanlah dikira "mata wang".

8. Ja`fari: Perak palsu tidak boleh diganti dengan yang asli (bersih).

   Abu Hanifah: Ianya boleh.[16] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Pada yang halus (bersih) itu ialah dua perpuluhan lima peratus".*[17]

9. Ja`fari: Tidak dikenakan zakat pada perkara yang lebih dari pada dua ratus sehingga ia meningkat kepada empat puluh, maka ia dikenakan satu dirham.

   Malik, Syafi`i dan Ahmad: Perkara yang lebih daripada dua ratus dikenakan zakat dua perpuluhan lima peratus.[18] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Bawa datanglah sadqah yang halus (yang telah dibersihkan) setiap empat puluh dir*

---

11. *al-Hidayah*, I, hlm. 68; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 225.
12. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 253.
13. *al-Hidayah*, I, hlm. 74.
14. Ahmad, *al-Musnad*, V, hlm. 12.
15. Muslim, *Sahih*, II, hlm. 389.
16. Ianya masyhor di kalangan al-Hanafiyyah.
17. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 18.
18. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 235.

ham, satu dirham".[19]

10. Ja`fari: Zakat kuda tidak wajib.

    Abu Hanifah: Wajib.[20] Oleh itu ianya menyalahi sabdanya s.`a.w.: *"Aku memaafi kuda dan hamba"*.[21]

11. Ja`fari: Emas tidak dicampur dengan perak jika salah satu daripadanya kurang nisab.

    Abu Hanifah dan Malik: Dicampur. Lantaran itu kedua-duanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Tidak wajib zakat jika kurang daripada lima awwaq, begitu juga emas yang kurang daripada dua puluh mithqal tidak dikenakan zakat"*.[22]

12. Ja`fari: Haul dikira pada semua nisab.

    Abu Hanifah: Memadai wujudnya di dalam haul.[23] Jika ia memiliki empat puluh ekor kambing secara "lepas" kemudian seekor daripadanya mati, kemudian sebelas lagi hilang, kemudian cukup nisab, ia mesti mengeluarkan semua zakat. Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Tidak wajib zakat pada harta yang kurang satu haul"*.[24] Dan ini tk sampai satu haul.

13. Ja`fari: Tidak wajib zakat pada barang perhiasan sama ada haram ataupun halal.

    Abu Hanifah dan Syafi`i: Wajib.[25] Lantaran itu kedua-duanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Tidak wajib zakat pada barang hiasan*[26]

14. Ja`fari: Wajib zakat ke atas orang yang berhutang atau meminjam.

    Abu Hanifah: Tidak wajib.[27] Oleh itu ianya menyalahi umum al-Qur'an Surah *al-Taubah* 9:103 *"Ambillah dari harta-harta mereka sebagai zakat"*. Dan umum sabda Nabi s.`a.w.: *"Pada setiap lima ekor unta, seekor kambing"*.[28]

---

19. *al-Hidayah*, I, hlm. 71.
20. *Ibid.*
21. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 235.
22. *ibid*, I, hlm. 235.
23. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 593; *al-Taj al- Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 16.
24. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 246.
25. *Ahkam al-Qur'an*, III, hlm. 107; al-Fiqh `Ala al-Madhahib al- Arba`ah, I, hlm. 602.
26. *al-Muwatta'*, I, hlm. 245; *Ahkam al-Qur'an*, III, hlm. 107.
27. *al-Hidayah*, I, hlm. 68; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 226.
28. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 495.

15. Ja`fari: Makruh memiliki apa yang dizakatkan secara sukarela dan sah ia menjualnya jika perlu.

    Malik: Tidak sah.[29]

16. Ja`fari: Wajib *khums* ke atas setiap apa yang didapati di dalam peperangan dan lain-lain.

    Para imam mazhab empat: Tidak wajib *khums* melainkan ke atas barang rampasan di dalam peperangan.[30] Lantaran itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Anfal* 7:41 *"Ketahuilah apa yang kamu dapati sesuatu, maka bagi Allah seperlima..."*.

17. Ja`fari: Apabila hamba dimiliki oleh dua orang, maka zakat fitrahnya adalah wajib ke atas mereka berdua. Sekalipun seorang di kalangan seribu hamba itu dimiliki secara syarikat atau di antara kedua pemiliknya seribu hamba secara syarikat. Maka fitrah wajib ke atas semua.

    Abu Hanifah: Tidak wajib zakat fitrah hamba yang dimiliki secara syarikat ke atas pemilik-pemiliknya.[31] Begitu juga keadaannya jika sebahagian hamba yang merdeka, maka wajib di atas pemiliknya menurut bahagiannya.

    Abu Hanifah: Tidak wajib fitrah. Oleh itu ianya menyalahi suruhan umum wajib mengeluarkan zakat fitrah ke atas hamba tanpa hujah.[32]

18. Ja`fari: Zakat harta dan badan tidak luput dengan kematian orang yang wajib ke atasnya zakat sebelum menunaikannya di dalam keadaan mampu.

    Abu Hanifah: Luput.[33]

    Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Taubat* 9:103 *"Ambillah daripada harta-harta mereka sebagai zakat"*. Dan sabda Nabi s.`a.w.: *"Hutang Allah itu lebih berhak untuk dilaksanakan"*.[34] Muntakhab Kanz al-`Ummal, II, hlm. 383.

---

29. *al-Muwatta'*, II, hlm. 224
30. *al-Hidayah*, II, hlm. 105; *al-Tafsir al-Kabir*, XV, hlm. 165.
31. *al-Hidayah*, I, hlm. 83; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 255.
32. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 25.
33. *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 97.
34. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 383.

BAB PUASA (*AL-SAUM*)

Fasal Keempat mengenai puasa (*al-Saum*) dan ianya mengandungi 18 masalah:

1. Ja`fari: Apabila keluar di celah gigi"nya" sesuatu yang dapat dielakkan daripadanya atau dapat dibuangkannya, tetapi dia menelankannya dengan sengaja, maka wajiblah ke atasnya *Qada'* dan *kaffarah* (penebus dosa).

   Abu Hanifah: Tidak wajib *Qada'* ke atasnya.[1] Oleh itu ianya menyalahi nas yang menunjukkan wajibnya *Qada'* dan *Kaffarah* kerana memakan sesuatu sebagaimana firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:187 *"dan makan minumlah hingga jelas bagimu benang putih dan benang yang hitam"*. Dan ini adalah sebahagian daripadanya.

2. Ja`fari: Debu banyak yang terdiri dari gandum, kotoran dan seumpama kedua-duanya apabila sampai ke halkum, maka hukumnya wajib *Qada'* dan *Kaffarah.*

   Para imam mazhab empat: Tidak wajib *Qada'*.[2] Lantaran itu mereka telah menyalahi nas yang menunjukkan wajib *Kaffarah* dengan berbuka puasa.[3]

3. Ja`fari: Apabila seorang itu syak sama ada telah masuk fajar ataupun tidak, lalu dia makan di dalam keadaan syak, tidak wajib ke atasnya *Qada'.*

1. *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, I, hlm. 565; *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 190.
2. *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah*, I, hlm. 566.
3. *al-Muwatta'*, I, hlm. 277; Muslim, Sahih, II, hlm. 463.

Malik: Wajib ke atasnya *Qada'*.[4] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:187 *"Dan makan minumlah hingga jelas bagimu benang putih dan benang yang hitam daripada fajar"*. Dan ini tidaklah terang.

4. Ja`fari: *Kaffarah* tidak menjatuhkan *Qada'*.

   Syafi`i: Ianya menjatuhkan *Qada'*.[5] Allah telah mewajibkannya meskipun berserta keuzuran yang harus. Dan apatah lagi berserta sebab yang fasid.

5. Ja`fari: Sesiapa yang makan atau minum di dalam keadaan terlupa, tidak membatalkan puasa.

   Malik: Ia membatalkan puasa dan wajib ke atasnya *Qada'*.[6] Lantaran itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Diangkat dari ummatku kesalahan (yang tidak sengaja), terlupa dan apa yang dipaksakan ke atas mereka"*.[7] dan sabda Nabi s.`a.w. *"Sesiapa yang berpuasa kemudian terlupa lalu dia makan dan minum, maka hendaklah dia meneruskan puasanya tanpa Qada' ke atasnya. Dan Allah memberikannya makan dan minumnya"*.[8]

6. Ja`fari: Apabila seseorang itu melakukan persetubuhan pada setiap hari Ramadan, maka wajib ke atasnya setiap hari satu kaffarah sama ada ia melakukan *kaffarah* itu pada hari yang terdahulu ataupun tidak.

   Abu Hanifah: Tidak wajib melainkan satu *kaffarah* sahaja, sekalipun dia melakukan persetubuhan pada sepanjang sebulan Ramadan.[9] Oleh itu ianya menyalahi akal dan nas.

   Ianya menyalahi akal kerana hari yang terdahulu dan selepasnya adalah sama tentang wajibnya puasa pada kedua-dua hari tersebut. Serta pengharaman persetubuhan pada hari-hari tersebut dan menghormati hari-hari tersebut pada segenap segi. Lantaran itu apakah perbezaan di antara kedua pada me-

4. *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 230.
5. *al-Umm*, II, hlm. 100; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 211.
6. *al-Muwatta'*, I, hlm. 283; *al-Hidayah*, I, hlm. 187.
7. *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 17; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 212.
8. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 87.
9. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 214.

wajibkan *kaffarah*. Dan apakah alasan tidak wajibnya *kaffarah* pada hari yang terdahulu sedangkan ianya lebih wajar untuk peningkatan balasan dan mengenakan balasan apabila mengulangi perbuatan yang sama kerana pencabulan kehormatan puasa? Dan ianya juga menyalahi umum sabda Nabi s.`a.w. *"Sesiapa yang melakukan persetubuhan pada hari Ramadan, maka wajiblah ke atasnya membayar kaffarah".*

7. Ja`fari: Makan dan minum pada siang bulan Ramadan bagi mereka yang wajib berpuasa secara sengaja wajib *Qada'* dan *Kaffarah.*

   Syafi`i: Tidak wajib *Kaffarah.*[10] Oleh itu ianya menyalahi akal dan nas. Ianya menyalahi akal kerana melakukan puasa berserta jimak adalah lebih sukar dari melakukannya berserta makan minum dan bersedap-sedapan. Lantaran itu mewajibkan kaffarah disebabkan puasa dan jimak adalah lebih wajar kerana semuanya membatalkan puasa dan mencabuli puasa serta menafikannya. Oleh itu apakah perbezaan di antara kedua-duanya. Ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. yang memerintahkan orang yang berbuka puasa dengan sengaja pada hari Ramadan dengan memerdekakan hamba, berpuasa atau memberi makanan[11] tanpa persoalan yang terperinci.

8. Ja`fari: Apabila seorang itu bernazar untuk berpuasa pada hari yang ditetapkan, maka wajiblah ke atasnya berpuasa pada hari tersebut.

   Abu Hanifah: Harus.[12] Lantaran itu ianya menyalahi akal dan nas. Ianya menyalahi akal kerana dhimmahnya (dirinya) terikat dengan nazarnya. Oleh itu dia tidak dapat keluar dari nazar tersebut melainkan dengan mengerjakannya. Dan ianya menyalahi nas-nas yang menunjukkan wajib melaksanakan nazar.[13] Dan tidak diperakui seorang itu telah mendahului puasanya melainkan dia telah melakukan nazarnya.

9. Ja`fari: Apabila seorang itu melihat anak bulan Syawwal, maka

10. *al-Umm*, II, hlm. 100; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 211
11. al-Syafi`i, *al-Musnad*, hlm. 373.
12. *al-Hidayah*, I, hlm. 94.
13. *ibid*, I, hlm. 94.

wajib ke atasnya berbuka puasa.

Malik dan Ahmad: Tidak harus ke atasnya berbuka.[14] Oleh itu kedua-duanya menyalahi nas-nas yang menunjukkan haram berpuasa pada hari Raya. Kerana hari Raya (*`aid*) dikira dengan penglihatan anak bulan sebagaimana sabda Nabi s.`a.w. *"Kalian berpuasalah apabila melihat anak bulan dan berbukalah puasa apabila melihatnya"*.[15] Tetapi apa yang anehnya ialah wajib berbuka puasa menurut mereka berdua, apabila sabit penglihatan anak bulan di sisi hakim yang fasiq dengan penyaksian dua saksi yang diketahui oleh hakim tentang kefasikan mereka berdua. Sebaliknya saksi-saksi tersebut diharamkan berbuka puasa malah wajib mereka berpuasa sekalipun mereka melihat anak bulan tersebut dengan jelas tanpa kebenaran "hakim" tersebut.

10. Ja`fari: Apabila seorang itu melakukan persetubuhan pada siang hari di mana dia seorang sahaja melihatnya (anak bulan) pada malamnya, maka wajib *kaffarah* ke atasnya.

    Abu Hanifah: Tidak wajib.[16] Oleh itu ianya menyalahi nas-nas yang menunjukkan wajibnya *kaffarah* dengan membuka puasa pada siang Ramadan. Kerana berpuasa pada bulan Ramadan adalah perkara yang wajib ke atasnya. Pendapat ini dipegang oleh Malik dan Ahmad dengan mengutamakan hukum dari orang yang fasiq dengan penyaksian dua orang fasiq menurut citara-sanya.

11. Ja`fari: Jika seseorang itu bernazar berpuasa pada dua hari Raya, maka nazarnya tidak terlaksana dan tidak wajib ke atasnya mengqadanya.

    Abu Hanifah: Ianya terlaksana sekiranya dia berpuasa. Jika tidak, dia harus mengqadanya.[17] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana berpuasa pada dua hari Raya tersebut adalah haram menurut ijmak. Dan apa yang diharamkan itu adalah tidak sah untuk bertaqarrub kepada Allah S.W.T.. Dan nazar tidak terla-

---

14. *al-Umm*, II, hlm. 100; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 211.
15. *al-Bukhari, Sahih*, III, hlm. 33.
16. *al-Hidayah*, I, hlm. 86.
17. *al-Hidayah*, I, hlm. 94; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 145

ksana melainkan pada ketaatan. Kerana tujuannya adalah *taqarrub* kepada Allah S.W.T. dan bagaimana taqarrub kepadaNya dengan perkara yang dibenci dan diharamkan olehNya. Dan ianya menyalahi nas kerana Nabi s.`a.w. melarang berpuasa pada dua hari Raya Fitrah dan Haji.[18]

12. Ja`fari: Tidak harus bagi orang yang tidak melakukan *al-Hadyu* berpuasa di hari-hari *Tasyriq* di Mina.

    Syafi`i dan Malik: Harus.[19] Oleh itu kedua-duanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. yang melarang berpuasa enam hari, Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, hari-hari *Tasyriq* dan hari syak.[20] Anas b. Malik meriwayatkan bahawa Nabi s.`a.w. melarang berpuasa lima hari di dalam setahun: Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji dan tiga hari *Tasyriq*.[21]

13. Ja`fari: Orang gila apabila sembuh selepas luput beberapa hari Ramadan, tidak wajib Qada' ke atasnya.

    Abu Hanifah: Wajib Qada' ke atasnya.[22] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana *taklif* diwajibkan dengan akal dan ianya tidak sabit pada orang yang gila. Dan *Qada'* adalah tidak wajib bagi orang yang hilang akal. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Diangkat qalam dari tiga; dari orang gila sehingga dia sembuh"*.[23]

14. Ja`fari: Tidak sah *i`tikaf* melainkan dengan puasa.

    Syafi`i: Sah tanpa berpuasa.[24] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tidak sah i`tikaf melainkan dengan berpuasa"*.[25]

15. Ja`fari: Apabila suami mengizinkan isterinya atau hambanya untuk melakukan nazar i`tikaf, maka nazarnya terlaksana dan tidak boleh dia menghalangnya.

    Abu Hanifah: Dia boleh menghalang hambanya tetapi tidak boleh menghalang isterinya.

---

18. *al-Hidayah*, I, hlm. 94; *al-Muwatta'*, I, hlm. 280.
19. *al-Umm*, II, hlm. 102; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 217; *al- Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 58.
20. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 58.
21. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, III, hlm. 347.
22. *al-Hidayah*, I, hlm. 92
23. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 253.
24. *Mukhtasar al-Mazni*, hlm. 60; *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 245; *Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 114.
25. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 104.

Syafi`i: Dia boleh menghalang kedua-duanya.[26] Oleh itu kedua-duanya menyalahi akal dan nas. Ianya menyalahi akal kerana ianya menunjukkan haram menghalang seseorang dari melakukan perkara yang wajib. Dan ianya menyalahi nas kerana ianya menunjukkan bahawa melaksanakan nazar yang sahih adalah wajib.[27]

16. Ja`fari: Apabila seseorang bernazar untuk beri`tikaf pada bulan Ramadan, tetapi tidak melakukanya pada bulan tersebut. Maka dia hendaklah mengqadanya. Dan sekiranya dia menangguh kannya kepada Ramadan yang lain kemudian melakukan *i`tikaf*, maka ianya memadai.

    Abu Hanifah: Dia wajib mengqadanya dan tidak harus dia melakukannya pada Ramadan yang kedua. Pendapat ini terdapat di dalam buku-buku fiqh mazhab Hanafi. Oleh itu ianya menyalahi akal kerana kedua-dua bulan Ramadan adalah sama.

17. Ja`fari: Apabila seorang itu bernazar untuk beri`tikaf di salah sebuah dari empat masjid, maka wajib ke atasnya melak sanakannya.

    Syafi`i: Jika dia bernazar untuk melakukan *i`tikaf* di masjid Haram, maka dia boleh melaksanaknnya. Jika tidak, dia harus melakukan i`tikaf di mana-mana masjid yang dia mahu.[28] Oleh itu ianya menyalahi hadis Mutawatir tentang wajib melaksanakan nazar pada perkara-perkara ta`at.

18. Ja`fari: Orang yang beri`tikaf apabila dia murtad, maka i`tikafnya terbatal.

    Syafi`i: Tidak batal.[29] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Zumar* 39:65 *"Jika kamu mempersekutukan (Tuhan), nescaya akan terhapuslah amalanmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang rugi".*

---

26. *al-Umm*, II, hlm. 108.
27. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 139.
28. *A`lam al-Muwaqqa`in*, IV, hlm. 389.
29. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 587.

BAB HAJI (*Al-HAJ*)

Fasal kelima mengenai Haji, ianya mengandungi 34 masalah:

1. Ja`fari: Islam bukanlah syarat wajibnya haji.

   Syafi`i: Islam adalah syarat wajibnya haji.[1]

   Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *Ali Imran* 3:97 *"Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah"* dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:196 *"Sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah".*

2. Ja`fari: Orang yang mampu berjalan tetapi tidak mempunyai bekalan dan kenderaan, tidak wajib ke atasnya haji.

   Malik: Wajib, dan memadai bekalannya dengan meminta daripada orang ramai.[2] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *Ali Imran* 3:97 *"Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terha- dap Allah iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjala- nan ke Baitullah".*

   Amiru l-Mukminin `Ali, Ibn `Umar, Ibn `Abbas, Ibn Mas`ud, `Umar b. Syu`aib daripada bapanya daripada datuknya dan Jabir b. `Abdullah, `Aisyah dan Anas meriwayatkan daripada Nabi s.`a.w. bahawa beliau bersabda: *al-Istita`ah* (kemampuan) ialah bekalan dan kenderaan, manakala beliau ditanya tentang kedua-duanya.[3]

---

1. *al-Umm*, II, hlm. 110.
2. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 257.
3. *ibid*, I, hlm. 258.

3. Ja`fari: Orang yang buta apabila mempunyai bekalan dan kende raan untuk dirinya dan pemandunya, maka haji adalah wajib baginya.

   Abu Hanifah: Tidak wajib.[4] Oleh itu ianya menyalahi firman-Nya Surah *Ali Imran* 3:97 *"Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah iaitu (bagi) orang yang sanggup menga dakan perjalanan ke Baitullah".*

4. Ja`fari: Haji adalah wajib ke atas orang yang telah meninggal apabila cukup syaratnya atau dia meninggalkan harta yang mencukupi. Demikian juga wajib ke atasnya zakat, dan *Kaffarah.*

   Abu Hanifah: Semuanya tidak wajib ke atas orang yang telah meninggal dunia.[5] Oleh itu ianya menyalahi akal dan nas. Ianya menyalahi akal kerana dirinya (*dhimmah*) dikaitkan dengan haji, hutang di mana ianya merupakan zakat (pembersi han diri) dan *kaffarah*. Oleh itu ianya wajib dilaksanakan seperti hutang. Ianya juga menyalahi nas sebagaimana diriway atkan oleh al-Khath`amiyyah secara mutawatir.[6]

5. Ja`fari: `Umrah adalah wajib.

   Malik dan Abu Hanifah: `Umarah adalah sunnat.[7] Oleh itu kedua-duanya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:196 "*Sempurnakanlah ibadah haji dan `umrah kerana Allah".*

   Dan sabda Nabi s.`a.w.: *"Haji dan `umrah adalah dua fardu di mana anda boleh memulakan mana satu yang anda kehendaki kerana ianya tidak memberi kemudaratan kepada anda."*[8] `Aisyah berkata: Wahai Rasulullah! Adakah jihad juga dikenakan ke atas wanita? Beliau menjawab: *Ya! Jihad tanpa peperangan, Haji dan `Umrah.*[9] Beliau telah memberitahu mereka bahawa jihad adalah wajib ke atas mereka dan menerangkan jihad itu dengan haji dan `umrah. Lantaran itu ianya adalah wajib.

---

4. *al-Hidayah*, I, hlm. 97; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 633.
5. *Ibid.*
6. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 110: *Ayat al-Ahkam*, II, hlm. 98.
7. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 260; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 684.
8. *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 141; *al-Durr al-Manthur*, I, hlm. 209; *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 266.
9. *al-Durr al-Manthur*, I, hlm. 210; *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 141.

6. Ja`fari: Haji *Tamattu`* adalah lebih baik daripada Haji *Qiran* dan *Ifrad.*

   Malik: Haji *Ifrad* lebih baik.

   Abu Hanifah: Haji *Qiran* adalah lebih baik.[10] Oleh itu kedua-duanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Sekiranya aku menghadapi urusanku, aku tidak akan pulang tanpa melakukan Hadyu (penyembelihan korban), nescaya aku menjadikannya `umrah".*[11] Dukacitanya beliau kerana tidak dapat melakukan `umrah menunjukkan kelebihannya.

7. Ja`fari: Orang yang melakukan haji Ifrad apabila memasuki Makkah harus baginya membatalkan hajinya dan menjadikannya `umrah dan melakukan haji tamattu`.

   Para imam mazhab empat: Tidak harus.[12] Oleh itu mereka semua menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Sesiapa yang tidak melakukan hadyu maka hendalah ia bertahlil dan jadikannya `umrah".*[13] Dan sunnah Nabi s.`a.w. tidak boleh dibatalkan dengan sunnah`Umar.

8. Ja`fari: Niat *tamattu`* adalah syarat untuk melakukannya.

   Syafi`i: Ianya tidaklah menjadi syarat.[14] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Bayyinah* 98:5 *"Mereka tidak diperintah melainkan untuk menyembah Allah secara ikhlas".* Sabda Nabi s.`a.w.: *"Sesungguhnya amal (amal) adalah dengan niat".*[15]

9. Ja`fari: Orang yang melakukan haji *tamattu`* apabila dia melakukan Ihram dengan haji, maka wajib ke atasnya *al-Damm* (penyembelihan).

   Malik: Tidak wajib sehingga dia melontar jamrah di al-`Aqabah.[16] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:196 *"Maka bagi siapa yang ingin mengerjakan `umrah sebelum haji (di dalam bulan haji), (wajiblah ia*

10. *al-Hidayah*, I, hlm. 110.
11. Muslim, *Sahih*, II, hlm. 522; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 271.
12. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 688; *al-Taj al- Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 123.
13. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 369; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 324.
14. *al-Umm*, II, hlm. 127.;
15. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 175
16. *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 152; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 305.

menyembelih) korban yang mudah didapati". Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Sesiapa yang tidak melakukan hadyu (penyembelihan), maka hendaklah ia berpuasa selama tiga hari pada masa haji dan tujuh hari apabila dia pulang ke tempatnya"*.[17]

10. Ja`fari: Puasa tujuh hari adalah harus apabila dia pulang ke pangkuan keluarganya atau dia bersabar sekadar perjalanan orang ramai kepada keluarganya atau berlalunya sebulan.

    Abu Hanifah: Tidak wajib. Malah apabila dia selesai dari melakukan "amalan-amalan" haji, maka harus baginya berpuasa.[18] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:196 *"Dan tujuh hari lagi apabila kamu telah pulang kembali"*.

11. Ja`fari: Tidak harus Ihram sebelum miqat.

    Abu Hanifah dan Syafi`i: Lebih baik dilakukan Ihram sebelum miqat.[19] Lantaran itu kedua-duanya telah menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. kerana beliau melakukan Ihram dari miqat. Sekiranya Ihram sebelum miqat lebih baik, nescaya beliau melakukannya. Kemudian beliau bersabda: *"Kalian ambillah manasik haji kalian daripadaku"*.[20]

12. Ja`fari: Taharah (kebersihan) adalah menjadi syarat Tawwaf. Oleh itu jika seorang yang berhadas atau berjunub, maka tawwafnya tidak dikira.

    Abu Hanifah: Sekiranya dia bermukim di Makkah, dia boleh mengulanginya. Sekiranya dia pulang ke tempat tinggalnya, maka dia mesti menyembelih seekor kambing jika dia berhadas dan seekor unta sekiranya dia berjunub.[21] Lantaran itu ianya menyalahi perbuatan Rasulullah s.`a.w. kerana beliau mengambil wuduk apabila beliau ingin melakukan tawwaf. Lalu beliau berkata: *"Kalian ambillah daripadaku manasik haji kalian"*. Beliau juga bersabda: *"Tawwaf di Ka`bah adalah sembahyang (salat) kerana Allah mengira percakapan di dalamnya"*[22]

---

17. Muslim, *Sahih*, II, hlm. 542; *al-Durr al-Manthur*, I, hlm. 212
18. *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 136; *al-Hidayah*, I, hlm. 113.
19. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 262; *al-Hidayah*, I, hlm. 98.
20. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 275; Ahmad, *al-Musnad*, III, hlm. 283, 318; *Masabih al-Sunnah*, I, hlm. 129
21. *al-Hidayah*, I, hlm. 119; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah* I, hlm. 657.
22. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 349; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 131.

13. Ja`fari: Apabila seorang itu melakukan tawwaf secara berpaling, iaitu dengan menjadikan Ka`bah di kanannya maka tawwafnya tidak sah.

    Abu Hanifah: Sekiranya dia bermukim di Makkah, hendaklah dia mengulanginya. Dan sekiranya dia telah pulang ke kampung halamannya, dia mestilah menyembelih seekor binatang.[23] Lantaran itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. kerana beliau melakukan tawwaf secara lurus[24] dan bersabda: *"Kalian ambilah daripadaku manasik haji kalian".*

14. Ja`fari: Sembahyang dua rak`at *tawwaf* adalah wajib.

    Syafi`i: Tidak wajib. Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:125 *"Kalian ambillah maqam Ibrahim sebagai tempat sembahyang".* Perintah di dalam ayat tersebut adalah wajib. Dan ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. kerana beliau melakukan dua rak`at *tawwaf.*[25] Dan beliau juga bersabda *"Kalian ambillah daripadaku manasik haji kalian".*

15. Ja`fari: Imam memberi khutbah di hari `Arafah sebelum azan dilakukan.

    Abu Hanifah: Selepas azan.[26] Lantaran itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. di mana Jabir meriwayatkan bahawa Nabi s.`a.w. memberi khutbah kemudian Bilal pun melakukan azan.[27]

16. Ja`fari: Penduduk-penduduk Makkah apabila mereka melakukan sembahyang di belakang imam yang musafir di `Arafah, mereka tidak boleh mengqasarkannya melainkan berserta jarak yang jauh.

    Malik: Mereka boleh mengqasarkannya sekalipun jaraknya dekat.[28] Lantaran itu ianya menyalahi nas-nas yang menunjukkan sembahyang mesti dilakukan secara itmam (genap) melainkan

---

23. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 657.
24. *Masabih al-Sunnah,* I, hlm. 166; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* II, hlm. 127.
25. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* II, hlm. 131.
26. *ibid,* I, hlm. 133.
27. *Muntakhab Kanz al-`Ummal,* II, hlm. 359; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* II, hlm. 153.
28. *al-Muwatta',* I, hlm. 355-6.

di dalam musafir yang cukup jaraknya.[29]

17. Ja`fari: Sesungguhnya pusat `Arafah bukanlah Mauqif.

    Malik: Ianya memadai.[30] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"`Arafah semuanya mauqif dan mereka "berkumpul" dari Wadi `Arafah".*[31]

18. Ja`fari: Harus menjamakkan Maghrib dan Isyak di Muzda-lifah dengan satu azan dan dua iqamah.

    Abu Hanifah: Dengan satu azan dan satu iqamah.

    Malik: Dengan dua azan dan dua iqamah.[32] Oleh itu kedua-duanya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. di mana Jabir berkata: Rasulullah s.`a.w. menjamakkan Maghrib dan Isyak di Muzdal-ifah dengan satu azan dan dua iqamah dan tidak melakukan sebarang tasbih di antara kedua-duanya.[33]

19. Ja`fari: Bermalam di Muzdalifah adalah satu rukun. Dan sesiapa yang meninggalkannya secara sengaja maka hajinya batal.

    Para imam mazhab empat: Tidak batal.[34] Lantaran itu mereka menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. kerana beliau telah melaku kannya dan bersabda: *"Kalian ambillah daripadaku manasik haji kalian"*. Dan sabdanya s.`a.w.: *"Sesiapa yang meninggal-kan "bermalam" di Muzdalifah, tidak sah hajinya".*[35]

20. Ja`fari: Wajib melontar dengan anak batu atau sejenis dengan nya dan tidak sah selain daripadanya.

    Abu Hanifah: Harus dengan tanah liat.[36]

    Golongan Zahiri: Harus dengan apapun, sekalipun seekor burung ciak yang mati. Lantaran itu kedua-duanya menyalahi perbua tan Nabi s.`a.w. kerana beliau s.`a.w. telah mengum-pulkan anak batu seraya bersabda: *"Kalian lontarlah dengan anak-anak batu seumpama ini"*. Dan sabdanya s.`a.w.: *"Wahai*

---

29. Lihat rujukan di halaman yang lalu.
30. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 664.
31. *al-Hidayah,* I, hlm. 104; *al-Durr al-Manthur,* I, hlm. 224.
32. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 664.
33. al-Bukhari, *Sahih,* III, hlm. 192; *al-Durr al-Manthur,* I, hlm. 226.
34. *al-Tafsir al-Kabir,* V, hlm. 178; *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 282.
35. Ahmad, *al-Musnad,* IV. hlm. 361; *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 282.
36. *al-Hidayah,* I, hlm. 106.

manusia hendaklah kalian melontarnya dengan anak batu".[37]

21. Ja`fari: Disunnatkan imam memberi khutbah di hari Raya Haji di Mina selepas Zuhr.

    Abu Hanifah: Tidak memberi khutbah.[38] Lantaran itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. kerana beliau memberi khut bah di Mina selepas Zuhr.[39]

22. Ja`fari: Harus mengupah melakukan haji.

    Abu Hanifah: Tidak harus, jika ianya dilakukan, maka ianya tidak sah. Tetapi orang yang mengupah haji mendapat pahala perbelanjaan. Dan wajib ke atasnya mengembalikan apa yang baki dari Perbelanjaannya.[40] Oleh itu ianya menyalahi akal dan nas.

    Ianya menyalahi akal kerana haji adalah wajib ke atasnya, oleh itu ianya tidak luput dengan kematian. Dan ianya menyalahi nas-nas yang diriwayatkan oleh Ibn `Abbas: Sesungguhnya Nabi s.`a.w. telah melihat seorang lelaki sedang berkata: *Labbaika `an Syabramah.* Maka beliau bersabda: Waihak! Siapa itu Syabramah? Dia menjawab: Saudara lelakiku atau sahabatku. Maka beliau s.`a.w. bersabda: *Lakukan haji untuk diri anda dahulu kemudian untuk Syabramah.*[41]

    Seorang wanita dari Khath`am bertanya Rasulullah s.`a.w. tentang fardu Allah ke atas hamba-hambanya mengenai haji: Aku mendapati bapaku seorang yang tua tidak mampu untuk musafir. Apa pendapat anda jika aku melakukan haji untuknya? Beliau s.`a.w. bersabda: *Ya.* Dia bertanya lagi: Adakah ianya akan memberi manfaat kepadanya? Beliau s.`a.w. menjawab: *Ya, sekiranya bapa anda mempunyai hutang adakah anda akan membayarnya?* Dia menjawab: Ya. Maka beliau s.`a.w. bersabda: *Kerjakanlah haji untuk bapa anda.*[42]

    Lantaran itu beliau telah mengharuskannya mengerjakan haji

37. *Masabih al-Sunnah,* I, hlm. 129.
38. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 669.
39. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* II, hlm. 147; *Masabih al-Sunnah,* I, hlm. 121.
40. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* I, hlm. 708.
41. *A`lam al-Muwaqqa`in,* IV, hlm. 300; *Bidayah al-Mujtahid,* I, hlm. 258.
42. *Muntakhab Kanz al-`Ummal,* II, hlm. 383; *al-Taj al-Jam` Li l-Usul,* II, hlm. 110.

untuk bapanya. Oleh itu larangan Abu Hanifah adalah terbatal. Dan hajinya akan memberi manfaat kepada bapanya. Lantaran itu beliau s.`a.w. menyamakan kewajipan mengerjakan haji dengan kewajipan membayar hutang.

23. Ja`fari: Haram daging binatang buruan ke atas orang yang mengerjakan haji (*al-Muhrim*).

    Syafi`i: Sekiranya tidak ada kesan penglibatan bukti atau pemberian senjata untuk membunuhnya atau memburunya, maka ia adalah halal.

    Abu Hanifah: Haram apa yang diburunya atau apa yang diburu untuknya tanpa pertolongannya. Dan isyaratnya adalah halal baginya.[43] Oleh itu kedua-duanya menyalahi firmanNya Surah *al-Maidah* 5:96 *"Dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu di dalam ihram"*. Para ahli Tafsir bersetuju bahawa maksud dengan ayat tersebut ialah "ingin memburu".

24. Ja`fari: al-Muhrim apabila dia membunuh binatang buruan milik orang lain, maka dendanya adalah untuk Allah S.W.T. dan nilainya dibayar kepada pemiliknya.

    Malik: Tidak wajib denda dengan pembunuhan apa yang dimiliki.[44] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Maidah* 5:95 *"Barangsiapa di antara kamu membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya ialah mengganti dengan binatang ternak seimbang dengan buruan yang dibunuhnya"*.

25. Ja`fari: Harus bagi orang yang terkepung (tidak dapat melak sanakan wajib haji) untuk menyelesaikan haji melainkan dengan menyembelih seekor binatang.

    Malik: Tidak harus.[45] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:196 *"Jika kamu terkepung (terhalang oleh musuh atau kerana sakit) maka (sembelihlah) korban yang mudah didapati"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. yang diriwayatkan oleh Jabir: Kami telah menyembelih di Hudaibiyyah bersama

---

43. *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 529.
44. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 680.
45. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 287; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 704.

Rasulullah s.`a.w. tujuh unta betina dan tujuh lembu betina.[46]

26. Ja`fari: Jika ia dikepung oleh musuhnya, maka dia harus menyembelihkan binatangnya di tempatnya. Dan disunnatkan menghantarnya ke Makkah atau Mina.

    Abu Hanifah: Tidak harus menyembelihnya melainkan di tanah haram. Ianya mestilah dikirim dan dinilai masa biasanya sampai ke tempat tersebut.[47]

    Lantaran itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. manakala dihalang oleh Musyrikun di Hudaibiyyah, lalu beliau menyembelih dan menyelesaikan amalan haji di sana.[48]

27. Ja`fari: Harus bagi orang yang mengerjakan haji *tamattu`* menamatkan kerja hajinya jika berhadapan dengan musuh.

    Malik: Tidak harus.[49] Oleh itu ianya menyalahi umum ayat al-Qur'an dan sabda Nabi s.`a.w. di Hudaibiyyah.

28. Ja`fari: Orang yang mengerjakan haji yang terkepung oleh kesakitan harus ke atasnya menamatkan kerja hajinya (*tahallul*), tetapi tidak halal baginya tawwaf al-Nisa' sehingga ia mengerjakannya pada masa akan datang atau ia menyuruh orang lain mengerjakan tawwaf untuknya.

    Malik, Syafi`i dan Ahmad:[50] Tidak harus baginya melakukan tahallul, malah ia kekal di dalam ihramnya selama-lamanya. Dan sekiranya haji luput, ia melakukan tahallul dengan `umrah.

    Oleh itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:196 *"Dan jika kamu terkepung, maka (sembelihlah) korban yang mudah didapati"*, iaitu umum apabila menimpa kesakitan dan berhadapan dengan musuh. Dan mereka juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sesiapa yang patah atau susah (sakit) maka dia boleh melakukan tahallul dan wajib ke atasnya mengerjakan haji yang lain"*.[51]

---

46. Ahmad, *al-Musnad*, III, hlm. 293; Ibn al-Athir, *al-Kamil*, II, hlm. 139.
47. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 287; *al-Tafsir al-Kabir*, IV, hlm. 149.
48. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 287; Ibn al-Athir, *al-Kamil*, II, hlm. 139; *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 149-150.
49. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 704.
50. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 288; *al-Hidayah*, I, hlm. 130; *al-Muwatta'*, I, hlm. 347; *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 146.
51. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 288; Ahmad, *al-Musnad*, III, hlm. 450; *Ahkam al-Qur'an*, I, hlm. 279.

29. Ja`fari: Harus bagi orang yang mengerjakan ihram melakukan *tahallul* dengan syarat. Malik dan Ahmad: Syarat tidak akan memberi sebarang faedah dan tidak ada kaitan dengan tahallul.

    Abu Hanifah: Harus melakukan tahallul tanpa syarat. Dan jika ia melakukannya dengan syarat, maka ia terlepas dari penyembelihan (hadyu).[52]

    Lantaran itu mereka menyalahi sabda Nabi s.`a.w. kepada Dhaba`ah binti al-Zubair: Kerjakanlah ihram dengan syarat anda melakukan tahallul apabila sahaja anda ditahan. Ini berlaku manakala ia mengsyaki kesakitannya tetapi ia berhasrat mengerjakan haji.[53]

30. Ja`fari: Tidak harus bagi suami menegah isterinya dari men gerjakan haji.

    Syafi`i: Harus.[54] Lantaran itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *Ali Imran* 3:97 *"Mengerjakan haji adalah kewaji- pan manusia terhadap Allah bagi orang yang mampu mengadakan perjalanan ke Baitullah"*. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah: *"Janganlah kalian menegah hamba-hamba Allah (menziarahi) masjid-masjid Allah"*.[55]

31. Ja`fari: Wujud Muhrim bukanlah menjadi syarat wajibnya haji ke atas wanita dan juga bukan menjadi syarat untuk mengerja kan haji. Malah ianya memadai dengan keselamatan daripada perkara-perkara yang tidak diingini.

    Syafi`i: Muhrim adalah menjadi syarat untuk mengerjakan haji bagi wanita. Atau wanita-wanita yang ramai memadai seorang daripada mereka mempunyai muhrim.

    Malik: Seorang muhrim bagi wanita-wanita yang ramai, adalah tidak memadai.

    Abu Hanifah: Muhrim adalah syarat wajibnya haji.[56] Lantaran

52. *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 275.
53. Ibn Hajr al-`Asqalani, *al-Isabah*, IV, hlm. 352; *Ayat al- Ahkam*, I, hlm. 275.
54. *al-Umm*, II, hlm. 117; *al-Hidayah*, I, hlm. 97.
55. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, I, hlm. 236.
56. *Bidayah al-Mujtahid*, I. hlm. 260; *al-Hidayah*, I, hlm. 97.

itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *Ali Imran* 3:97 *"Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah bagi orang yang mampu mengadakan perjalanan ke Baitullah".*

32. Ja`fari: Sunnat membuat tanda bulat di leher binatang yang hendak dikorbankan dan mengisytiharkannya jika ianya unta.

    Abu Hanifah: Melarang mengisytiharkannya.[57] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Rasulullah s.`a.w. kerana beliau melakukannya di Dhi al-Halifah kemudian meneruskan haji.[58]

33. Ja`fari: Sunnat mertanda binatang ternakan di lehernya.

    Abu Hanifah dan Malik: Melarangnya. Lantaran itu kedua-duanya menyalahi perbuatan Rasulullah s.`a.w.. `Aisyah meri wayatkan bahawa Nabi s.`a.w. telah menjadikan kambing sebagai *hadyu*, kemudian beliau membuat tanda bulat di leher binatang tersebut.[59]

34. Ja`fari: Apabila *al-Muhill* orang yang melakukan *tahallul* mencampakkan kaki-kaki binatang buruan pada masa *tahallul* dan kepadanya pada masa ihram dari *tahallul*, maka ianya terkena kepalanya maka wajib ke atasnya membayar denda.

    Abu Hanifah: Tidak ada denda ke atasnya.[60] Oleh itu ianya menyalahi umum perintah Nabi s.`a.w. supaya membayar denda apa yang dibinasakannya pada masa *ihram*.

---

57. *al-Hidayah*, I, hlm. 110; *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 460.
58. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 304; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 169.
59. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 169.
60. Telah disebut dalam riwayat yang banyak.

BAB JUAL BELI (*AL-BAI`*)

Fasal keenam mengenai jual beli (*al-Bai`*), ia mengandungi 25 masalah:

1. Ja`fari: Wajib menyebut jenis pada barang yang tidak ada semasa jual beli. Jika ia berkata: "Aku jualkan kepada anda apa yang ada di dalam gengamanku" atau apa yang ada di dalam peti atau apa yang ada di Basrah, tanpa menyebut jenis barang tersebut maka ianya tidak sah.

   Abu Hanifah: Ianya sah.[1] Oleh itu ianya menyalahi larangan Nabi s.`a.w. mengenai jualan yang membawa kepada *gharar* (penipuan).[2]

2. Ja`fari: Pembeli apabila ia melihat apa yang disifat dan disyaratkan (olehnya) tidak ada pilihan (*khiyar*) baginya.

   Syafi`i: Baginya pilihan.[3] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana jualan adalah masyhur di sisinya dan syarat yang ditetapkannya telah didapati. Lantaran itu apakah pengertian bagi menetapkan pilihan (*khiyar*)? Jika ianya sah, maka ianya juga sabit di dalam penjualan semasa.

3. Ja`fari: Sabitnya *khiyar* di antara penjual dan pembeli selama berada di majlis.

---

1. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 169.
2. *Muslim, Sahih, al-Muwatta'*, II, hlm. 157.
3. *Masabih al-Sunnah*, II, hlm. 7; Muslim, *Sahih*, III, hlm. 3; *al-Muwatta'*, II, hlm. 157.
4. *al-Hidayah*, II, hlm. 17; *al-Muwatta'*, II, hlm. 161.

Abu Hanifah dan Malik: Tidak ada *khiyar* di sini.[4] Lantaran itu kedua-duanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Penjual dan pembeli, setiap seorang daripada mereka mempunyai pilihan (khiyar) selama kedua-duanya tidak berpisah"*.[5]

4. Ja`fari: Harus khiyar syarat menurut apa yang disepakati oleh mereka berdua.

   Malik: Harus menurut keperluan. Oleh itu ianya harus pada kain selama satu hari atau dua hari sahaja. Adapun barang yang tidak rosak harus selama satu bulan atau dua bulan.

   Abu Hanifah dan Syafi`i: Tidak boleh melebihi tiga hari.[6]

   Oleh itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:275 *"Allah telah menghalalkan jual beli (al-Bai`)"*. Dan mereka juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w.: *"Orang-orang mukmin (hendaklah) menurut syarat-syarat (yang ditetapkan oleh) mereka"*.[7]

5. Ja`fari: Harus ia menjual sesuatu dan mengenakan syarat yang masyhur pada masa itu.

   Abu Hanifah dan Syafi`i: Ianya adalah tidak sah.[8] Oleh itu mereka berdua menyalahi firman Allah S.W.T. dan sabda Nabi s.`a.w. yang terdahulu.

6. Ja`fari: Apabila penjual dan pembeli melakukan urusan di waktu siang dan disyaratkan *khiyar* sehingga malam, maka ianya selesai apabila masuknya malam. Dan jika mereka berdua mengadakan *`aqd* di waktu malam kemudian ensyaratkannya sehingga siang, maka ianya selesai apabila naiknya fajar kedua.

   Abu Hanifah: Sekiranya jual beli dilakukan pada siang hari, maka ianya sebagiamana kami telah menjelaskannya dan sekira nya ianya dilakukan pada waktu malam, maka ianya tidak selesai dengan datangnya siang. Malah ianya boleh diteruskan sehingga jatuhnya matahari. Dan sekiranya dia berkata sehingga matahari gelincir, atau sehingga waktu `Asr, maka ianya bersambung sehingga malam.

---

5. *Ibid.*; *al-Umm*, III, hlm. 4.
6. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 174; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 178-9.
7. *Ibid.*, II, hlm. 177; *al-Hidayah*, II, hlm. 21; *al-Umm*, II, lm. 8.
8. *al-Hidayah*, II, hlm. 21; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 177; *al-Umm*, III, hlm. 8.

Oleh itu ianya menyalahi akal kerana syarat berlaku sehingga siang hari, maka ia menyamai malam tanpa perbezaan.[9] Dan ianyamenyalahi sabda Nabi s.`a.w.: "Orang-orang mukmin (hendaklah) menurut syarat-syarat (yang ditetapkan oleh) mereka".

7. Ja`fari: Harus mensyaratkan *khiyar* kepada *ajnabi* (orang asing).

   Abu Hanifah: *Khiyar* adalah bersyarikat di antaranya dan *ajnabi.*[10] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana syarat mengandungi *ajnabi*. Justeru itu mensabitkan hak ke atas orang yang mengenakan syarat ke atas orang lain adalah tertolak.

8. Ja`fari: "Penipuan" dengan perkara yang tidak menjadi kebiasaan seumpamanya adalah sabit kepada orang yang tertipu.

   Abu Hanifah dan Syafi`i: Tidak sabit.[11] Oleh itu mereka berdua menyalahi sabda Nabi s.`a.w. yang melarang dari mengurus barang yang sedang diangkut. Maka sesiapa yang melaku kannya maka bagi pemiliknya *khiyar* apabila ia memasuki kedai.[12]

9. Ja`fari: Harga-harga ditentukan apabila ia menjual dengan beberapa dirham kemudian ia mensyaratkan penentuan harga, maka ianya harus.

   Abu Hanifah: Tidak harus ditentukan dan ia hendaklah dibayar selain daripadanya.[13]

   Oleh itu ianya menyalahi akal kerana jual beli berlaku ke atas perkara tertentu. Dan sebarang perpindahan kepada selain daripadanya adalah melampua dan pertukaran berlaku tanpa keredhaan pemilik ianya sepertilah rampasan dan permusuhan. Justeru itu tidak ada perbezaan di antara barang yang telah ditetapkan harga dan tanpa harga.

   Sekiranya ia menggantikannya dengan kain tertentu dan membayar seumpamanya maka ia wajib menerimanya. Dan ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:29 *"Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan*

---

9. *al-Umm*, III, hlm. 8; *al-Hidayah*, II, hlm. 21.
10. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 177; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 177.
11. *Tanwir al-Hawalik*, II, hlm. 171; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 177.
12. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 137; *Masabih al-Sunnah*, II, hlm. 6.
13. *al-Hidayah*, II, hlm. 17.

jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka".

10. Ja`fari: Harus menjual gandum (*hantah*) di tangkalnya.

    Syafi`i: Tidak harus. Begitu juga dengan kelapa di dalam kulitnya yang hijau.[14] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:275 *"Allah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba".* Dan ianya juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w. bahawa beliau melarang penjualan anggor sehingga ianya masak, bijian sehingga ianya benar-benar matang dari tangkal sehingga menjadi putih.[15]

11. Ja`fari: Tasriah Perbuatan tidak memerah susu kambing betina untuk beberapa hari supaya berhimpun susunya di labu susunya bagi menarik pembeli membawa kepada *tadlis.* Menyembunyi kecacatan barang kepada pembeli. Oleh itu sabit baginya pilihan (*khiyar*) di antara pemulangan balik atau terus memegangnya.

    Abu Hanifah: Tidak ada pilihan baginya.[15] Oleh itu ianya menyalahi sabada Nabi s.`a.w. *"Sesiapa yang membeli seekor kambing secara misratan (membiarkan susu tidak diperah beberapa hari) hendaklah dilakukan secara pilihan (khiyar) selama tiga hari. Jika ia mahu, ia boleh memilikinya dan sebaliknya ia memulangkannya dengan segantang tamar umpamanya".*[17] Dan sabdanya s.`a.w. lagi *"Sesiapa yang membeli secara borong, maka hendaklah ia melakukan khiyar selama tiga hari. Sekiranya ia mahu, maka ia boleh mengembalikannya bersama barang seumpamanya atau seumpama susunya dengan gandum".*[18]

12. Ja`fari: Apabila "barang" yang dibeli itu membesar (nama) selepas jual beli dilakukan kemudian terdapat keaiban yang terdahulu, maka pembeli boleh mengembalikannya tetapi bukan "hasilnya" selepas itu.

    Malik: Dikembalikan anak bersama ibunya tetapi buah (*thama-*

---

14. *al-Umm,* III, hlm. 53; *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah,* II, hlm. 295.
15. *Muslim,* Sahih, II, hlm. 12; *Muntakhab Kanz al-`Ummal,* II, hlm. 225.
16. *Bidayah al-Mujtahid,* II, hlm. 146; *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah,* II, hlm. 202.
17. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* II, hlm. 203; *Bidayah al-Mujtahid* II, hlm. 146.
18. *al-Umm,* III, hlm. 68; *Muntakhab Kanz al-`Ummal,* II, hlm. 222

rah) tidak dikembalikan.

Abu Hanifah: Tidak boleh dikembalikan barang tersebut selepas berlaku keaiban.[19] Lantaran itu kedua-duanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"al-Kharaj (hasil) adalah dengan jaminan"*.[20] Oleh itu beliau s.`a.w. tidak membezakan di antara usaha *(al-Kasb)*, anak *(al-Walad)* dan buah *(al-Thamarah)*.

13. Ja`fari: Pembeli kepada haiwan yang hamil, apabila ia menda pati keaiban yang terdahulu daripada aqad, ia boleh memulang kannya dan memulangkan anaknya.

    Syafi`i: Tidak dikembalikan.[21] Oleh itu ianya bertentangan dengan syarak kerana pemulangan adalah untuk semua perkara dan "penghamilan" adalah tidak terkecuali daripadanya. Lantaran itu ianya wajib dikembalikannya seperti sebahagian daripada barang pembelian.

14. Ja`fari: Apabila pembeli melakukan persetubuhan dengan seorang hamba *(jariyah)*, kemudian ia mendapati keaiban padanya ia tidak boleh mengembalikannya tetapi ia berhak bayaran ganti rugi.

    Syafi`i: Ia boleh dikembalikan dan tidak dikenakan ke atasnya (pembeli) sesuatu sekiranya ia *(jariyah)* seorang janda.[22] Lantaran itu ianya menyalahi ijmak para sahabat yang terbahagi kepada dua bahagian:Sebahagian sahabat berpendapat: Ianya tidak boleh dikembalikan.

    Sebahagian lain: Ianya boleh dikembalikan tetapi diwajibkan pembayaran maharnya.[23] Oleh itu "pemulangan kembali" adalah pendapat ketiga. Dan ianya mencarikkan ijmak.

15. Ja`fari: Hamba tidak boleh memiliki sesuatupun kerana miliknya adalah untuk tuannya *(maulahu)*.

    Syafi`i: Ia memiliki apa yang dimiliki oleh tuannya. Malik: Ia boleh memiliki apa yang tidak dimiliki oleh tuannya.[24]

---

19. Abu Daud, *Sunan*, III, hlm. 271.
20. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 146; *al-Taj al-Jami` Li l- Usul*, II, hlm. 204.
21. *Mukhtasar al-Mazni*, hlm. 83.
22. *al-Umm*, III, hlm. 68, VII, hlm. 68; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 152.
23. *Ibid*
24. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 159; *al-Umm*, IV, hlm. 68, VII, hlm. 97; *al-Muwatta'*, II, hlm. 120.

Lantaran itu kedua-duanya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nahl* 16:57 *"Allah membuat perumpamaan dengan seorang hamba sahaya yang dimiliki yang tidak dapat bertindak terhadap sesuatupun"*. Dan firmanNya lagi Surah *al-Rum* 30:28 *"Dia membuat perumpamaan untuk kamu dari dirimu sendiri. Adakah di antara hamba sahaya yang dimiliki oleh tangan kananmu, sekutu bagimu dalam (memiliki) rezeki yang telah kami berikan kepadamu; maka kamu sama dengan mereka dalam (hak mempergunakan) rezeki itu, kamu takut kepada mereka sebagaimana kamu takut kepada dirimu sendiri?"*.

17. Ja`fari: Dua orang pembeli apabila membeli seorang hamba secara syarikat. Kemudian salah seorang daripadanya telah menghilangkan diri sebelum penerimaan hamba tersebut dan sebelum pembayaran harga, maka bagi yang hadir menerima bahagiannya yang tertentu dan memberi harga bahagiannya. Tetapi ia harus membayar semua harga; separuh untuknya dan separuh lagi untuk rakan kongsinya. Dan apabila ia melaku kannya bererti bahagian rakan kongsinya telah luput (kerana ia telah membayar semuanya) dan ia tidak perlu merujuk kepa danya lagi tentang pembayaran tersebut.

    Abu Hanifah: Pembeli yang hadir tidak boleh menerima baha giannya secara berasingan. Dan apabila disepakati harganya, maka ia boleh menerima (semua) hamba. Dan apabila yang menghilangkan diri (*Ghaib*) itu datang, maka yang hadir mestilah merujukkan kepadanya tentang pembayarannya.[25] Oleh itu Abu Hanifah di dalam ketiga-tiga masalah tersebut telah menyalahi kaedah-kaedah ilmu fiqh di kalangan ummat ini kerana pemilik berhak melakukan pengurusan terhadap hak miliknya dan menerimanya daripada orang lain. Dan apabila ia melakukan *tabarru`* dengan membayar bahagian rakannya yang telah menghilangkan diri (Ghaib), ia tidak boleh menerima hak orang yang ghaib. Kerana penguasaan ke atas harta orang lain tanpa keizinannya adalah ditegah oleh akal sebagaimana ia membayar hutang seseorang tanpa keizinannya. Oleh itu ia

---

25. *al-Hidayah*, III, hlm. 59.

telah melakukan *tabarru`* dengan pembayaran tersebut. Lantaran itu bagaimana ia merujuk pembayaran tersebut kepadanya.

18. Ja`fari: Pembelian yang fasid tidak dimiliki dengan penerimaan. Dan tidak terlaksana pembebasannya jika ia seorang hamba lelaki atau perempuan. Dan tidak sah dilakukannya sama ada secara jualan, pemberian (*Hibah*) atau selain daripada kedua-duanya.

    Abu Hanifah: Boleh dimiliki dengan penerimaan dan sah pengu rusan mengenainya.[25] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:29 *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu"*. Lantaran itu Dia telah melarang memakan harta secara batil dan fasid, maka bagaimana ia boleh memilikinya dengan cara tersebut?

19. Ja`fari: Harus penjualan ulat sutera, lebah yang dapat dilihat apabila ia menahannya selepas penyaksian sekira-kira tidak membolehkannya terbang.

    Abu Hanifah: Tidak harus penjualannya.[27] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana ianya adalah harta yang boleh diman faatkannya, diketahui umum, mampu untuk menerimanya. Lantaran itu sah penjualan ke atasnya sepertilah perkara lain. Dan ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:275 *"Allah menghalalkan penjualan"*.

20. Ja`fari: Tidak harus bagi seorang muslim menjual dan membeli arak (*al-Khamr*) secara langsung atau secara mewakilkan orang kafir *dhimmi*.

    Abu Hanifah: Harus ia mewakilkan kafir dhimmi di dalam penjualan dan pembelian arak.[28]

    Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:90 *"Sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah*

---

26. *ibid*, III, hlm. 32.
27. *ibid*, III, hlm. 33-4.
28. *al-Hidayah*, II, hlm. 32; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah* II, hlm. 224.

perbuatan keji ter-masuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan". Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sebarang perniagaan arak adalah diharamkan"*. Dan sabdanya s.`a.w. *"Apa yang diharamkan meminumnya, maka diharamkan juga penjualannya"*.[29] Jibra`il berkata kepada Nabi s.`a.w. *"Wahai Muhammad s.`a.w., sesungguhnya Allah melaknati arak (al-Khamr), patinya, penuangnya, pembawanya, apa yang membawa kepadanya, peminumnya, penjualnya, pembelinya dan pelayannya"*.[30]

21. Ja`fari: Seorang kafir tidak sah membeli seorang muslim. Oleh itu `aqadnya adalah batal.

    Abu Hanifah: Ianya sah.[31] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:141 *"Dan Allah sekali-kali tidak akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk memusnahkan orang-orang yang beriman"*.

22. Ja`fari: Harus melakukan penjualan atau pembelian ke atas perkara yang tidak wujud (dimasa penjualan), apabila umum kewujudannya pada masa penerimaannya.

    Abu Hanifah: Tidak harus melainkan jenisnya wujud pada masa `aqad, tempat dan suasana.[32] Oleh itu ianya menyalahi umum firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:275 *"Allah menghalalkan jual beli"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Sesiapa yang menjual tamar (yang tidak ada pada masa `aqad) maka hendaklah ia menentukan berat timbangan tertentu dan ajal tertentu"*.[33]

23. Ja`fari: Apabila ia mensyaratkan secara tangguh, maka ianya mestilah maklum. Oleh itu ianya tidak harus sehingga kepada musim menuai.

    Malik: Harus.[34] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Ajal yang tertentu"*.[35] Ibn `Abbas berkata: Rasulullah s.`a.w.

---

29. Abu Daud, *Sunan*, III, hlm. 280; *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 159.
30. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 419; Ahmad, *al-Musnad*, hlm. 316; *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 322; *Tafsir al-Khazin* , hlm. 157.
31. *Kitab al-Hawi al-Kabir*, Bab *al-Bai'*
32. *al-Hidayah*, III, hlm. 53.
33. al-Nisa'i, *Sunan*, VII, hlm. 290; Muslim, *Sahih*, II, hlm. 49.
34. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 170.
35. al-Nasa'i, *Sunan*, VII, hlm. 290.

bersabda: "*Janganlah melakukan jual beli (menangguhkan-nya) sehingga musim menuai, tetapi (lakukanlah) pada bulan tertentu*".

24. Ja`fari: *al-Iqalah* bukanlah jualan.

    Malik: Jualan semata-mata.

    Abu Hanifah: Ianya fasakh[36] pada hak kedua-dua orang yang melakukan `aqad. Ianya merupakan penjualan pada hak orang yang selain daripadanya.[37] Oleh itu kedua-duanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. "*Sesiapa yang melakukan al-Iqalah di dalam hal keadaan sesat, nescaya Allah akan melakukan al-Iqalah ke atas dirinya*"[38] Kerana sekiranya ianya merupakan jualan (*bai`an*) maka ianya wajib ke atas kedua-duanya sama ada kekurangan harga atau bertambahnya, tangguh atau segera danperkara sedemikian tidak ada pada *al-Iqalah* secara ijmak. Jika ianya merupakan jualan, ianya tidak sah di dalam penerimaan kerana jualan padanya tidak sah sebelum penerimaannya. Kerana ijmak berlaku jika ia menjual dua orang hamba lelaki. Dan salah seorang daripadanya meninggal dunia, maka *al-Iqalah* pada masa itu adalah sah. Tetapi jika ianya terbatal adalah kerana terbatalnya penjualan orang yang mati.

25. Ja`fari: Sekiranya seseorang itu menyalahi penjual tentang kenaikan atau penurunan harganya, ia tidak boleh dihalang.

    Malik: Ia boleh dihalang sama ada menjualnya dengan harga pasaran atau menarik diri.[39] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana ia adalah pemilik. Maka ia boleh menjual apa yang dikehendaki. Dan ia juga menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:29 "*Kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku suka sama suka di antara kamu*". Dan sabda Nabi s.`a.w. yang melarang kenaikan harga.[40]

---

36. Pembatalan jualan.
37. *al-Hidayah*, III, hlm. 40; *al-Muwatta'*, II, hlm. 145.
38. Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 741; Abu Daud, *Sunan*, III, hlm. 274.
39. *al-Muwatta'*, II, hlm. 170; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 204.
40. al-Nasa'i, *Sunan*, V, hlm. 255; Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 724; Muntakhab Kanz al-`Ummal, II, hlm. 237.

BAB PENAHANAN (*AL-HIJR*)

Fasal ketujuh mengenai penahanan (*al-Hijr*) dan kaitannya. Ianya mengandungi 29 masalah:

1. Ja`fari: Penerimaan yang berterusan bukanlah syarat di dalam gadaian (*al-Rahn*).

   Abu Hanifah: Ianya menjadi syarat.[1] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"(Binatang) gadaian itu boleh diperahsusunya dan boleh ditunggangi"*.[2] Ianya bukanlah untuk orang yang memegang gadai secara ijmak, malah ianya bagi orang yang menggadainya.
2. Ja`fari: Apabila dilakukan gadaian kepada orang yang adil, maka penjualannya itu mestilah dengan harga seumpamanya secara langsung dengan mata wang negeri di mana izin itu dilakukan.

   Abu Hanifah: Ia harus menjualnya dengan harga kurang dari harga asal dan secara ansuran sehingga ia berkata: Jika ia mewakilkannya untuk menjual hartanya menyamai seratus ribu dirham, maka ia menjualnya dengan satu dirham secara ansuran selama tiga puluh tahun, maka ia adalah harus.[3]

   Oleh itu ianya menyalahi akal kerana ianya membawa kemudaratan kepada orang lain. Dan ianya menyalahi sabda Nabi

1. *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 523; *al-Hidayah*, IV, hlm. 94; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 231.
2. Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 816; *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 532.
3. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 232; *al-Hidayah*, IV, hlm. 95.

s.`a.w. "*Tidak bahaya dan membahayakan di dalam Islam*".[4]

3. Ja`fari: Gadaian tidak dijamin selama berada di tangan orang yang memegang gadaian (*al-Murtahin*).

   Abu Hanifah: Ianya dijamin.[5] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. "*Orang yang melakukan gadaian itu janganlah ia membebankan orang yang menerima gadaian, kerana untungnya adalah untuknya sementara risikonya di atasnya*".[6] Dan sabdanya s.`a.w. "*Hasil adalah dengan jaminan*". Dan hasilnya (*kharaj*) adalah bagi orang yang menggadai secara ijmak.

4. Ja`fari: Manfaat gadaian adalah bagi orang yang menggadai seperti rumah kediaman umpamanya, perkhidmatan hamba, menaiki kenderaan, tanaman, buah, bulu, anak dan susu.

   Abu Hanifah: Manfaat gadaian yang berterusan tidak dimiliki oleh orang yang menggadai dan orang yang memegang gadai. Dan pertambahan yang terpisah termasuk di dalam gadaian.

   Malik: Anak adalah termasuk, tetapi buah tidak termasuk kerana anak dinisbahkan kepada asal dan ianya berbeza dengan buah.[7] Lantaran itu kedua-duanya menyalahi akal kerana ia melarang membekukan manfaat yang harus. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. "*Gadain itu boleh diperah susunya dan ditunggangi*" dan sabdanya s.`a.w. "*baginya keuntungannya dan di atasnyalah risikonya*".

5. Ja`fari: Harus mendengar keterangan orang yang berada di dalam kesusahan.

   Malik: Tidak harus. Sekalipun saksi-saksi terdiri dari orang yang bijak pandai.[8] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:280 "*Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan*". Sesungguhnya seseorang itu dikira berada di dalam

---

4. Ahmad, *al-Musnad*, V. hlm. 327; Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 784.
5. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 232; *al-Hidayah*, IV, hlm. 93, 97.
6. Al-Syafi`i, *al-Musnad*, hlm. 389; Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 816; *Masabih al-Sunnah*, II, hlm. 8.
7. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 231.
8. *Ahkam al-Qur'an*, I, hlm. 475.

kesusahan adalah dengan penyaksian sepertilah hak-hak yang lain.

6. Ja`fari: Apabila sabit kesusahannya, hakim memberi hukuman dengan segera dan melepaskannya.

   Abu Hanifah: Dipaksa selama dua bulan.[9] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:20 *"Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan".*

7. Ja`fari: Apabila sabit kesusahannya, maka wajiblah ditinggal kannya dan tidak harus bagi orang-orang yang memberi pinjaman di kala itu mendesaknya (untuk membayar hutangnya).

   Abu Hanifah: Harus mereka mendesaknya, berjalan bersamanya dan tidak boleh menghalangnya dari melakukan sebarang usaha (*al-takassub*). Dan apabila ia pulang ke rumahnya dan membenarkan mereka memasuki rumahnya, maka mereka bolehlah memasukinya. Sebaliknya jika ia tidak membenarkan mereka memasukinya, mereka boleh menegahnya dari memasuki rumahnya dan mereka bermalam bersama-samanya di luar rumah.

   Oleh itu ia menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:28 *"Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia kelepangan".* Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Ambillah apa yang kamu dapati. Dan itu sahajalah apa yang kamu boleh melakukannya".*[10]

8. Ja`fari: Ketumbuhan bulu adalah petanda baligh pada orang Islam dan Musyrikin.

   Abu Hanifah: Kedua-duanya tidak menjadi petanda baligh.

   Syafi`i: Ianya menjadi petanda kepada Musyrikin sahaja.[11]

   Lantaran itu kedua-duanya menyalahi akal kerana Sa`d bin Mu`az telah menghukum Bani Quraizah dengan membunuh pejuang- pejuang mereka, dan menawan kanak-kanak mereka dan memerintahkan pendedahan pemimpin mereka. Maka sesiapa

---

9. *al-Hidayah*, III, hlm. 209; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 246; *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 474.
10. Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 789; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 243.
11. *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 246; *Ruh al-Ma`ani*, IV, hlm. 182-

yang tumbuh bulunya, maka ia adalah dari kalangan pejuang-pejuang mereka. Dan sesiapa yang belum tumbuh bulunya, maka ia adalah kanak-kanak. Maka Nabi s.`a.w. membenarkannya.[12]

9. Ja`fari: Apabila seorang yang tidak cerdik sampai umur, hartanya tidak dikembalikan kepadanya sekalipun umurnya meningkat.

   Abu Hanifah: Apabila mencapai umur dua puluh lima tahun, hartanya tidak boleh ditahan lagi. Malah sekiranya ia menja lankan pengurusan jual beli dan iqrar ke atas hartanya sebelum sampai dua puluh lima tahun, maka ianya adalah sah.[13]

   Lantaran itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:6 *"Jika menurut pendapatmu mereka telah cerdas (pandai memelihara harta), maka serahlah kepada mereka harta-harta mereka"*. Dan firmanNya S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:5 *"Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang belum sempurna akalnya harta mereka"*. Kemudian apakah dorongan penentuan penyerahan harta apabila umurnya cukup dua puluh lima tahun?

10. Ja`fari: Apabila wanita (yang ditahan hartanya) mencapai tahap kecerdikannya, hartanya mestilah dikembalikan kepadanya sekalipun ia tidak mempunyai suami. Dan sekiranya ia mempunyai suami, maka suaminya tidak dapat menghalangnya dari pengurusan hartanya.

    Malik: Sekiranya ia tidak mempunyai suami, maka hartanya tidak dikembalikan kepadanya. Dan sekiranya ia mempunyai suami, maka hartanya dikembalikan kepadanya. Tetapi ia tidak harus menjalankan urusannya melainkan dengan izin suami.[14]

    Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:6 *"Jika menurut pandanganmu mereka telah cerdas (pandai memelihara harta), maka serahlah kepada mereka harta-harta mereka"*. Dan apa yang menghairankan ialah ia (*Malik*) membenarkannya kepada *al-Safih* orang yang bodoh dan menahan

---

12 *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 246; Ahmad, al-Musnad, IV, hlm. 310..
13. *Tafsir al-Kabir*, IX, hlm. 189; *Ayat al-Ahkam*, I, hlm. 489.
14. *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 346.

al-Rasyid orang yang cerdik.

11. Ja`fari: Kanak-kanak apabila mencapai tahap kecerdikan (rasyid), hartanya dikembalikan kepadanya. Kemudian sekiranya ia melakukan pembaziran dan membelanjakannya untuk maksiat, maka ianya ditahan semula.

    Abu Hanifah: Ianya tidak ditahan dan pengurusannya berkuat kuasa pada hartanya.[15]

    Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:282 "Jika ia orang yang bodoh atau lemah (sama ada kecil ataupun dewasa) atau dia sendiri tidak mampu mengimlakkannya". Dan firmanNya Surah *al-Nisa'* 4:5 *"Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sampai akalnya akan harta-harta mereka"*. Dan firmanNya Surah *al-Isra'* 17:27 *"Sesung-guhnya pemboros-pemboros itu adalah saudara-saudara syaitan"*. Lantaran itu Dia telah mencela pemboros. Maka wajiblah ianya ditahan dari pengurusan hartanya. Rasulullah s.`a.w. bersabda: *"Tahanlah tangan-tangan (penguasaan) orang-orang yang bodoh kamu"*.

12. Ja`fari: Harus melakukan perdamaian (*al-Sulh*) berdasarkan iqrar dan inkar.

    Syafi`i: Tidak boleh dilakukan berdasarkan inkar.[16] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:128 *"Dan perdamaian itu adalah lebih baik"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Perdamaian adalah harus di kalangan Muslimin"*.[17] Oleh itu ianya adalah umum pada kedua-duanya.

13. Ja`fari: Dinding (*al-Ha'it*) adalah milik berdua. Dan tidak boleh seorang daripadanya memasukkan kayu yang ringan padanya melainkan dengan keizinan yang satu lagi.

    Malik: Harus.[18] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tidak halal harta seorang Muslim melainkan dengan kerelaan hatinya"*.

---

15. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 234; *al-Hidayah*, III, hlm. 205; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 369.
16. *al-Umm*, III, hlm. 221; *Mukhtasar al-Mazni*, hlm. 106.
17. *Mukhtasar al-Mazni*, hlm. 105; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 221.
18. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 71.

14. Ja`fari: Tidak wajib bagi seorang rakan kongsi menyahuti rakan kongsinya bagi mendirikan dinding umpamanya.

    Syafi`i dan Malik: Wajib dan dipaksa ke atasnya.[19] Oleh itu kedua-duanya menyalahi akal kerana manusia tidak wajib keatasnya memajukan miliknya atau milik orang. Di atas dasar manakah ia wajib dimajukannya? Nabi s.`a.w. bersabda *"Orang ramai menguasai ke atas harta-harta mereka"*.[20]

15. Ja`fari: Jaminan boleh memindahkan hutang dan orang yang dijanjikan itu adalah terlepas dari hutangnya.

    Para imam mazhab empat: Tidak terlepas. Oleh itu mereka telah menyalahi sabda Nabi s.`a.w. kepada `Ali A.S. manakala beliau menjamin dua dirham untuk si mati dan bersabda *"Semoga Allah melimpahkan ganjaran yang setimpal. Dan pecahkanlah gadaian anda sebagaimana anda pecahkan gadaian saudara lelaki anda"*.[21] Dan ianya menunjukkan perpindahan hutang dari diri seseorang. Dan beliau bersabda kepada Abi Qatadah manakala dia menjamin dua dinar *"Kedua-duanya ke atas kepala kamu dan si mati terlepas daripada kedua-duanya"*.[22] Maka dia menjawab: Ya. Oleh itu ianya menunjukkan diri (dhimmah) yang dijamin.

16. Ja`fari: Jaminan seorang sukarela tidak dapat dirujukkan.

    Malik dan Ahmad: Dikembalikan kepadanya. Oleh itu kedua-duanya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Si mati telepas daripada kedua-duanya (hutang dan jaminan jika dijamin)"*. Sekiranya hutang itu kekal, nescaya tidak ada faedah menjamin si mati.

17. Ja`fari: Harus menjamin harta upahan al-Ja`alah selepas melakukannya.

    Syafi`i: Tidak harus.[23] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *Yusuf* 12:72 *"Dan sesiapa yang dapat mengembalikannya akan memperolehi bahan makanan (seberat) beban unta, dan aku menjamin terhadapnya"*. Dan sabda Nabi s.`a.w.

19. *Ibid*, hlm. 69-70.
20. *Ibid*, III, hlm. 192.
21. Ahmad, *al-Musnad*, V, hlm. 304.
22. *Ibid.*, hlm. 229.
23. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 196.

"Orang yang menjamin itu ada orang yang menanggung risiko".[24]

18. Ja`fari: Orang yang mewakilkan (seseorang) boleh menuntut dengan harga yang dijualkan oleh wakilnya.

    Abu Hanifah: Tidak harus. Oleh itu ianya menyalahi akal kerana manusia boleh mengambil apa yang dimilikinya dari tangan orang lain. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Manusia berkuasa diatas harta mereka"*.[25]

19. Ja`fari: Penjualan secara wakil hendaklah dilakukan secara tunai dengan mata wang tempatan serta ditetapkan harganya.

    Abu Hanifah: Bukan mesti, malah wakil boleh menjual barangan yang menyamai seratus ribu dengan satu dirham sehingga seribu tahun.[26] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana manusia meredhai pemindahan miliknya dengan ganjaran apabila ganjarannya sama dengan miliknya. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.*"Tidak ada bahaya dan membahayakan di dalam Islam"*.[27]

20. Ja`fari: Pelepasan wakil dari tanggungjawabnya tidak sah tanpa keizinan orang yang mewakilkannya.

    Abu Hanifah: Ianya adalah harus.[28] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana pelepasan diri merupakan satu pengurusan pada harta orang lain tanpa izinnya. Lantaran itu ianya adalah satu kajian yang batil. Dan pelepasan diri adalah mengikuti milik dan ianya tidak ada pada wakil. Dan ianya juga menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:29 *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka"*.

21. Ja`fari: Apabila seorang itu mewakilkan wakilnya di dalam pembelian, maka ia melakukan (pembelian)nya, maka ianya berlaku secara langsung kepada *al-Muwakkil* orang yang mewa-

---

24. *al-Tafsir al-Kabir*, XVIII, hlm. 180, *al-Taj al-Jami` Li l- Usul*, II, hlm. 228.
25. *Ibid*
26. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 254.
27. Lihat rujukan yang terdahulu.
28. Lihat buku-buku karangan al-Hanafiyyah.

kilkannya.

Abu Hanifah: Ianya berlaku kepada wakil kemudian kepada al-Muwakkil.[29] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana penyertaan milik bersama pemiliknya sehingga dihilangkannya oleh sebab pemindahan (milik). Dan sekiranya ia termasuk milik wakil nescaya ia memerlukan kepada pemindahannya.

22. Ja`fari: Apabila seorang Muslim mewakilkan seorang kafir *dhimmi* bagi membeli arak, maka perwakilannya (*al-Wakalah*) adalah tidak sah. Dan sekiranya orang kafir dhimmi tadi membelikan juga untuknya maka jual beli itu tidak sah.

    Abu Hanifah: Perwakilan dan penjualannya adalah sah kerana seorang Muslim tidak boleh memiliki arak apabila ia membeli nya sendiri. Tetapi ia boleh memilikinya (arak) dengan pembe lian wakilnya, kafir dhimmi.[30]

    Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:9 *"Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan, maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu"*. Iaitu ianya membawa kepada pengharaman segala jenis pengurusan yang berkaitan dengan arak. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sesungguhnya Allah apabila mengharamkan sesuatu, Dia mengharamkan harganya sekali"*.[31] Dan Rasulullah telah melaknati sepuluh perkara mengenai arak di antaranya penjualannya.[32] Dan beliau s.`a.w. tidak membezakan di antara *al-Wakil*, dan *al-Muwakkil*.

23. Ja`fari: Sekiranya al-Muwakkil mewakilkan wakilnya di dalam penjualan yang fasid, maka ia tidak memiliki penjualan yang sah.

    Abu Hanifah: Ia memiliki penjualan yang sah.[33] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana al-Wakalah mengandungi penjualan yang fasid.

    Oleh itu penjualan yang Sahih tidak diwakilkan kepadanya

---

29. *al-Hidayah*, III, hlm. 101; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 245
30. *al-Hidayah*, II, hlm. 32, 36; *al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al- Arba`ah*, II, hlm. 224, III, hlm. 171.
31. Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 122; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 232.
32. *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 322; *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 157; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 233.
33. *al-Hidayah*, II, hlm. 36.

(wakil). Sebagaimana ianya tidak harus menjual harta *ajnabi.* Begitu juga ia tidak boleh menjual harta tersebut kerana ianya asing baginya dan *`aqad al-Wakalah* tidak dilakukannya. Dan ianya juga menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:29 *"Kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu".*

24. Ja`fari: Tidak sah kanak-kanak menjadi wakil.

    Abu Hanifah: Ianya sah apabila ia mengerti apa yang diperka takan kepadanya.[34] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. "Diangkatkan qalam dari tiga: Kanak-kanak sehingga ia bermimpi (sampai umur)".[35] Pengangkatan qalam bererti percakapannya tidak membawa kepada hukum.

25. Ja`fari: Apabila seorang berkata: Aku mempunyai harta lebih banyak dari si fulan, maka ianya dikira lebih dari harta si fulan tersebut.

    Syafi`i: Tidak dikira lebih (*ziyadah*).[36] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Pengakuan orang-orang yang berakal mengenai diri mereka sendiri adalah harus".* Oleh itu ia telah mengakui banyak hartanya, maka pengakuannya itu tidak menjadi sia-sia.

26. Ja`fari: Apabila seseorang berkata: Di atas diriku seribu dirham dan seribu hamba, maka pentafsiran "seribu" itu dirujukkan kepadanya.

    Abu Hanifah: Pentafsiran "seribu" hendaklah dirujukkan kepa danya sekiranya ianya dikaitkan dengannya tanpa mengguna perkiraan timbangan atau ukuran. Sekiranya ia dari jenis kedua-duanya, maka apa yang dikaitkan dengannya (*al-Ma`tuf*) menjadi pentafsir seperti dirham. Oleh itu perkataan "seribu" itu adalah seribu dirham.[37] Oleh itu ianya menyalahi penggunaan akal, `urf dan bahasa kerana mereka mengaitkan (mengatafkan) *al-Mukhalif* dan *al-Mumathil* tanpa membezakan di

34. *al-Hidayah,* III, hlm. 100; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al- Arba`ah,* III, hlm. 168.
35. Lihat rujukan yang terdahulu.
36. *al-Umm,* III, hlm. 237-8.
37. *al-Hidayah,* III, hlm. 133.

antara timbangan dan ukuran dan selain daripada kedua-duanya. Lantaran itu bagaimana ia menyalahi di antara keduanya?

27. Ja`fari: Sah pengakuan (*iqrar*) pesakit kepada pewarisnya.

    Abu Hanifah, Malik dan Ahmad: Tidak sah.[38] Lantaran itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:135 *"Jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah ke atas dirimu sendiri"*. Oleh itu penyaksian ke atas diri sendiri ialah iqrar secara umum.

28. Ja`fari: Pengakuan (iqrar) seseorang yang membawa kepada hukuman had dan *Qisas* ke atas dirinya adalah diterima.

    Para imam mazhab empat: Ianya tidak diterima.[39] Oleh itu mereka menyalahi akal kerana pengakuan orang yang berakal diterima tentang dirinya dan bukan tentang orang lain. Dan mereka juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w..[40] Ini menunjukkan bahawa pengakuan mereka ke atas orang lain adalah tidak harus. Inikan pula pengakuan hamba tentang hak Allah S.W.T..

29. Ja`fari: Apabila seseorang berkata pada hari Sabtu: Di atasku satu dirham untuk si fulan. Kemudian pada hari Ahad ia berkata: Di atas diriku satu dirham untuk si fulan, maka apa yang dikira ialah satu dirham.

    Abu Hanifah: Dua dirham.[41] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana menurut asalnya seseorang itu adalah *Bara`ah dhimmah.*

38. *Ibid.*, hlm. 138.
39. *al-Umm*, III, hlm. 229; *al-Hidayah*, III, hlm. 132.
40. Lihat rujukan yang terdahulu.
41. *al-Hidayah*, III, hlm. 132.

BAB SIMPANAN (*AL-WADI`AH*)

Fasal kelapan mengenai simpanan *al-Wadi`ah* serta kaitannya. Dan ianya mengandungi 19 masalah:

1. Ja`fari: Apabila penyimpan (*al-Wadi`*) menyimpan barangnya (*al-Wadi`ah)* tanpa keuzuran, maka ia adalah penjaminnya.

   Malik: Sekiranya ia menyimpan isterinya, maka ianya tidak dijamin. Sekiranya ia menyimpan selain daripadanya adalah dijamin.

   Abu Hanifah: Sekiranya ia menyimpannya di sisi keluarganya, tidak dijamin, dan sekiranya ia menyimpan bukan di sisi keluarganya dijamin.[1] Oleh itu kedua-duanya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:58 *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Laksanakan amanah kepada orang yang mengamanahkan kamu"*.[2]

2. Ja`fari: Apabila seorang menyimpan seekor binatang, maka wajiblah baginya memberi makan dan minum kepadanya dan dikembalikan kepada tuannya.

   Abu Hanifah: Tidak wajib memberi makan dan minum.[3]

   Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:58 *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan*

---

1. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 261; *al-Hidayah*, III, hlm. 158
2. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 224.
3. *al-Hidayah*, III, hlm. 134.
4. *al-Hidayah*, IV, hlm. 10; *al-Tafsir al-Kabir*, X, hlm. 140.

amanah kepada yang berhak menerimanya". Dan ianya juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tangan dipertanggungjawabkan apa yang diambil sehingga ia menunaikannya"*[4]

3. Ja`fari: Sekiranya ia mencampuradukkan *al-Wadi`ah* dengan hartanya sehingga ia tidak dapat membezakannya, maka ianya dijamin.

   Malik: Sekiranya ianya mencampuradukkannya dengan hartanya yang kurang nilainya, dijamin dan sekiranya ia serupa (sama nilainya) maka ia tidak dijamin.[5]

   Oleh itu ianya menyalahi nas-nas yang menunjukkan jaminan jika ia melakukan (kerosakan) dengan sengaja. Dan di sini ianya dilakukan dengan sengaja.

4. Ja`fari: Apabila ia membelanjakan dirham dan dinar yangdisimpan di sisinya kemudian ia menggantikannya di tempatnya, ia mesti dijamin.

   Abu Hanifah: Tidak dijamin.[6] Oleh itu ianya menyalahi nas-nas yang menunjukkan jaminan.

5. Ja`fari: Apabila seorang menggunakan barang yang disimpan di sisinya dan mengambil faedah daripadanya kemudian ia meletakkannya di tempatnya, ia mesti dijamin.

   Abu Hanifah: Ia terlepas dari jaminan.[7]

6. Ja`fari: Jenayah yang dilakukan ke atas keldai al-Qadi sepertilah jenayah yang dilakukan ke atas keldai al-Syauki.

   Malik: Apabila dipotong ekor keldai al-Qadi dijamin nilai sepenuhnya dan apabila dipotong ekor keldai al-Syauki, dijamin kerugiannya. Lihat buku-buku rujukan karangan al-Malikiyyah.

   Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:194 *"Barangsiapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia seimbang dengan serangannya terhadapmu".* Dan firmanNya Surah *al-Syura* 42:40 *"Dan balasan sesuatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa".*

---

5. *al-Hidayah*, III, hlm. 158.
6. *al-Hidayah*, III, hlm. 158; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 265.
7. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 265; *al-Hidayah*, III, hlm. 158

7. Ja`fari: Manfaat adalah dijamin dengan rampasan seperti tanaman bumi dan menduduki rumah.

   Abu Hanifah: Tidak dijamin jika ia merampas tanah, kemudian menanamnya dengan tangannya, maka tidak ada upah ke atasnya. Dan sekiranya tanah menjadi kurang, maka ia mesti membayar nilai kerugiannya. Jika tidak, ia tidak perlu membayarnya[8]

   Oleh itu ianya menyalahi akal kerana akal menghukum bahawa pengurusan ke atas harta orang lain adalah suatu perkara yang keji. Dan ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:194 *"Barangsiapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu"*. Dan firmanNya Surah *al-Syura* 42:40 *"Dan balasan sesuatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa"*.

8. Ja`fari: Apa yang diterima dengan jualan yang fasid, tidak boleh dimiliki dengan `aqad dan penerimaan.

   Abu Hanifah: Ianya boleh dimiliki dengan penerimaan.[9] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:29 *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil"*.

9 Ja`fari: Apabila seorang merampas seseorang hamba wanita yang sedang hamil, maka ia menjamin anaknya seperti ibunya.

   Abu Hanifah: Anaknya tidak dijamin tetapi ibunya dijamin.[10]

   Oleh itu ianya menyalahi akal kerana ia menetapkan wajib dibayar ganti rugi bagi setiap kezaliman yang dilakukan. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tangan dipertanggungjawabkan apa yang diambilnya sehingga ia menunaikannya"*.[11]

10. Ja`fari: Wajib pemotongan tangan (jari) dan denda ke atas pencuri.

    Abu Hanifah: Kedua-duanya tidak boleh berhimpun pada pen-

---

8. *al-Hidayah*, IV, hlm. 10.
9. *ibid*, II, hlm. 21.
10. *ibid*, III, hlm. 14.
11. *ibid*, IV, hlm. 10; *al-Tafsir al-Kabir*, X, hlm. 140.

curi. Malah wajib dilakukan salah satu daripadanya. Jika ia didenda, maka ia tidak dipotong tangannya dan jika ia dipotong tangannya maka ia tidak didenda.[12]

Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:38 *"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya"*. Sabda Nabi s.`a.w. *"Tangan dipertanggungjawabkan apa yang diam*bil sehingga ia menunaikannya"[13]

11. Ja`fari: Boleh merampas harta *`Aqqar* (harta yang tidak boleh dipindah) dan dijamin (jika dilakukan ke atasnya terlebih dahulu).

    Abu Hanifah: Ianya tidak boleh dilakukan dan tidak boleh dijamin.[14] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:194 *"Barangsiapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu"*.

12. Ja`fari: Perampas (*al-Ghasib*) apabila mencelup kain, maka ia berhak mendapat upah. Dan jika ia melakukan kecacatan kepadanya, maka ia wajib membayar ganti ruginya.

    Abu Hanifah: Jika ia membuat celupan puteh tanpa warna kehitaman, maka pemilik boleh memilih di antara memberi kain kepadanya dan memintanya dengan nilai yang puteh dan di antara mengambil kainnya dan membayar niali celupan kepadanya. Dan jika ia telah melakukan celupan hitam, maka pemilik membuat pilihan di antara memberi kainnya dan menuntutnya supaya membayar dengan nilai yang puteh. Atau mengambil kain yang dicelup tanpa sesuatupun di atasnya.[15]

    Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Manusia adalah menguasai ke atas hartanya"*. Lantaran itu perampas mengambil celupannya sementara pemilik pula mengambil kainnya kemudian apakah perbezaan di antara warna hitam dan lain-lainnya?

13. Ja`fari: Perampas tidak boleh memiliki rampasan den-

---

12. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 377; *al-Tafsir al-Kabir*, XI, hlm. 226.
13. *al-Hidayah*, IV, hlm. 10.
14. *ibid*, hlm. 10; *Bidayah al-Mujtahid*, III, hlm. 265.
15. *al-Hidayah*, IV, hlm. 13-14.

ganmelakukan perubahan kepada sifat (barang rampasan).

Abu Hanifah: Apabila ia melakukan perubahan kepadanya, dan menghilangkan nama dan manfaat yang dimaksudkan dengan perbuatannya, maka ia boleh memilikinya. Jika seorang pencuri memasuki rumah kepunyaan seorang lelaki, maka ia mendapati di dalamnya binatang, makanan dan alat pengisar gandum, kemudian ia mengisar makanan dengan alat tersebut dengan menggunakan binatang itu, maka ia boleh memiliki gandum yang dikisarkannya itu.[16]

Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:29 *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil".* Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Tidak halal harta seseorang melainkan dengan kerelaan hati".*[17]

14. Ja`fari: Apabila seseorang merampas kayu, kemudian mendiri binaan di atasnya, maka ia wajib dikembalikan kepada pemiliknya. Sekalipun ia terpaksa merosakkan binaan tersebut.

    Abu Hanifah: Jika ia mendirikan binaan di atas kayu itu secara khusus, hendaklah ia mengembalikannya. Dan jika ia mendirikan binaan di tepinya tetapi ia tidak dapat mencabutnya melainkan dengan mengangkatnya, maka ia tidak wajib mengembalikannya.[18] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Janganlah seorang daripada kamu mengambil barang saudara kamu dengan paksaan atau bergurau senda, maka sesiapa yang mengambil sesuatu (`ainan) hendaklah ia mengembalikannya".*[19]

15. Ja`fari: Apabila seseorang itu melepaskan seekor binatang (milik orang lain) atau membuka sangkar burung, kemudian binatang itu lari akibat perbuatannya, maka ia hendaklah menggantikannya.

    Abu Hanifah: Ia tidak menggantikannya.[20] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana ia menyebabkannya lari dan ianya juga

16. *Ibid.*
17. *al-Tafsir al-Kabir*, X, hlm. 232.
18. *al-Hidayah*, IV, hlm. 13.
19. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, IV, hlm. 96.
20. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 265, 271.

menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:194 *"Barangsiapa yang menyerang kamu maka seranglah ia seimbang dengan serangannya terhadapmu".*

16. Ja`fari: Apabila perampas melakukan jenayah ke atas rampasannya yang mengandungi unsur riba seperti mencairkan dirham dan membasahkan makanan, maka ianya wajib dikembalikan kepada pemiliknya dan membayar ganti rugi.

    Abu Hanifah: Pemilik membuat pilihan di antara mengembalikan barang itu kepada perampas dan menuntut ganti seumpamanya atau ia (perampas) memiliki secara percuma tanpa membayar ganti rugi.[21]

    Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:194 *"Barangsiapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia seimbang dengan serangannya terhadapmu".* Dan firmanNya Surah *al-Syura* 42:40 *"Dan balasan suatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa".*

17. Ja`fari: Apabila seseorang itu merampas seorang hamba perempuan kemudian ia melahirkan seorang anak yang dimiliki. Kemudian nilainya kurang disebabkan "melahirkan anak" maka ia wajib mengembalikannya dan anaknya serta membayar ganti rugi.

    Abu Hanifah: Anak menanggung kekurangan nilai ibunya jika nilai kedua-duanya sama ataupun lebih. Dan jika ia kurang nilainya, maka dibayar gantirugi di atas kekurangan nilai harga itu.[22] Oleh itu ianya menyalahi nas sebagaimana telah disebutkan terlebih dahulu.

18. Ja`fari: Apabila seseorang itu merampas dari dua lelaki dan setiap seorang seribu kemudian mencampuradukkan dua ribu tersebut, dan dua ribu itu adalah milik bersama dua lelaki tersebut, maka ianya tidak berpindah kepada perampas.

    Abu Hanifah: Ianya berpindah kepada perampas. Dan setiap orang diganti seribunya di atas asas perampas memilikinya

---

21. *al-Hidayah,* IV, hlm. 12.
22. *ibid,* IV, hlm. 15.

dengan melakukan perubahan.[23] Oleh itu ianya menyalahi nas sebagaimana telah disebutkan terlebih dahulu.

19. Ja'fari: Tidak boleh bagi pekerja menjual barang di dalam pinjaman, kemudian menjualnya secara hutang.

    Abu Hanifah: Boleh.[24] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.'a.w. *"Tidak ada bahaya dan merbahaya di dalam Islam"*.[25]

23. *ibid*, IV, hlm. 11.
24. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 202.
25. Lihat rujukan yang terdahulu.

BAB SEWAAN (*AL-IJARAT*)

Fasal kesembilan mengenai sewaan (*al-Ijarat*) serta kaitannya. Ia mengandungi 11 masalah:

1. Ja`fari: Apabila seseorang menyewa seekor binatang untuk pergi ke tempat tertentu kemudian melintasinya ke tempat lain, maka ia mesti membayar harga yang dinamakannya untuk ke tempat tersebut dan membayar harga seumpamanya apabila ia pergi lebih jauh dari tempat yang ditetapkan.

   Abu Hanifah: Tidak wajib membayar harga yang lebih.[1] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:194 "*Barangsiapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia simbang dengan serangannya terhadapmu*". Dan firmanNya Surah *al-Syura* 42:40 "*Dan balasan sesuatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa*". Dan sabda Nabi s.`a.w. "*Tangan dipertanggungjawabkan apa yang diambil sehingga ia menunaikannya*".

2. Ja`fari: Hari menyewa sehingga masa yang dikehendakinya.

   Syafi`i: Pendapat pertama: Tidak harus lebih daripada satu tahun. Dan pendapat kedua: Sehingga tiga puluh tahun.[2] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Qasas* 28:27 "*Di atas dasar kamu bekerja denganku selama lapan tahun*". Dan ianya menyalahi akal kerana ia mengharuskannya.

1. *al-Bidayah al-Mujtahid, II, hlm.* 193; *al-Umm*, IV, hlm. 32, V, hlm. 139.
2. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 182.

3. Ja`fari: Harus menyewa (mengupah) seorang lelaki bagi menjual dan membeli sesuatu untuknya. Dan menyewa "buku-buku" tidak ada padanya unsur kekufuran.

   Abu Hanifah: Ianya tidak harus.[3] Oleh itu ianya menyalahi akal yang mengharuskannya.

4. Ja`fari: Harus menyewa rumah untuk dijadikan masjid dan dilakukan sembahyang di dalamnya. Tetapi ia tidak harus menyewanya untuk maksiat menjual arak umpamanya atau menjadikannya gereja atau rumah api (bagi orang Majusi).

   Abu Hanifah: Tidak harus pada yang pertama, tetapi ianya harus pada keduanya.[4] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana ia (Abu Hanifah) menegah penyewaan untuk melakukan perkara ta`at dan mengharuskan sewaan untuk perkara maksiat.

5. Ja`fari: Apabila seorang menyewa atau mengupah seorang lelaki supaya memindahkan arak untuknya bagi tujuan minuman, maka ianya tidak harus.

   Abu Hanifah: Harus.[5] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. yang melaknati pemindah atau pembawanya.[6]

6. Ja`fari: Harus secara *al-Musaqat.* Saham tertentu akan diberikan kepada pekerja jika ia memperbaiki pokok kurma.

   Abu Hanifah: Tidak harus.[7] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. yang dilakukan ke atas Ahli Khaibar dengan syarat hasil buah-buahan dan tanaman.[8]

7. Ja`fari: Harus berlaku di masa yang berlainan dinisbahkan kepada buah-buah yang bermacam-macam.

   Malik: Wajib sama di dalam semua segi. Lihat buku-buku karangan al-Malikiyyah. Oleh itu ianya menyalahi akal yang menunjukkan bahawa ianya harus. Dan ianya juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Mukminun di sisi syarat-syarat mereka".*

---

3. Lihat buku-buku karangan al-Hanafiyyah.
4. *Ibid*
5. *Ibid*
6. *Muntakhab Kanz al-`Ummal,* III, hlm. 233.
7. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* II, hlm. 232; *Tafsir al-Khazin,* IV, hlm. 164.
8. *Muntakhab Kanz al-`Ummal,* III, hlm. 233.

8. Ja`fari: Harus seorang itu menysaratkan kepada pekerja supaya seorang budak (penternak lebah) bekerja bersamanya sama ada ianya pandai tentang (memasang) dinding ataupun tidak.

   Malik: Tidak harus kecuali budak itu pandai melakukan pekerjaan tersebut.[9] Lantaran itu ianya menyalahi akal yang menunjukkan keharusannya. Dan ianya juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Mukminun di sisi syarat-syarat mereka".*

9. Ja`fari: Tanaman harus dibahagi dua, satu pertiga dan lain-lain.

   Abu Hanifah dan Malik: Tidak harus.[10] Oleh itu kedua-duanya menyalahi akal yang menunjukkan keharusannya. Dan ianya juga menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. ke atas Ahli Khaibar dengan syarat hasil buah dan tanaman. Ibn `Abbas meriwayatkan bahawa Nabi s.`a.w. membahagi dua hasil tanaman dan buahan Khaibar kepada penduduknya.[11]

10. Ja`fari: Sah sewaan tanah dengan makanan.

    Malik: Tidak harus.[12] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana ia menunjukkan keharusannya. Dan ia juga menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:1 *"Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah `aqad-`aqad itu".*

11. Ja`fari: Harus menyewakan tanahnya supaya ditanam makanan gandum umpamanya.

    Para imam mazhab empat: Apabila ia menetapkan makanan (tertentu) maka ianya terbatal.[13] Oleh ianya menyalahi akal yang menunjukkan keharusannya. Dan ianya juga menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:1 *"Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah `aqad-`aqad itu"*

---

9. *al-Hidayah*, IV, hlm. 40.
10. *al-Hidayah*, IV, hlm. 40.
11. *Tarikh al-Kamil*, II, hlm. 184; *al-Muwatta'*, II, hlm. 192.
12. *al-Muwatta'*, II, hlm. 192.
13. *al-Muwatta'*, II, hlm. 192; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 184

BAB PEMBERIAN (*AL-HIBAT*)

Fasal kesepuluh mengenai pemberian (*al-Hibat*) serta kaitannya. Ia mengandungi 5 masalah.

1. Ja`fari: "Penerimaan" tanpa izin pemberi adalah *fasid*.

   Abu Hanifah: Jika penerimaan itu dilakukan di dalam majlis tertentu maka ianya sah.[1]

   Oleh itu ianya menyalahi akal kerana ianya menunjukkan persamaan sama ada di dalam majlis ataupun tidak.

2. Ja`fari: Sah pemberian harta milik bersama.

   Abu Hanifah: Tidak harus melainkan dengan kebenaran hakim.[2] Lantaran itu ianya menyalahi akal yang menunjukkan ianya harus. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w.. kepada juru timbang *"Timbanglah dan perbetulkanlah timbangan itu kerana ianya adalah pemberian milik umum"*.

3. Ja`fari: Harus dilakukan wakaf dengan `aqad dan penerimaan.Abu Hanifah: Tidak harus melainkan ianya dilakukan oleh pemerintah.[3] .Lantaran itu ianya menyalahi Sunnah Nab s.`a.w. yang membenarkannya.[4]

4. Ja`fari: Sah wakaf kepada Bani Hasyim dan Bani Tamim.

---

1. *al-Hidayah*, II, hlm. 192; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 184.
2. *al-Hidayah*, III, hlm. 164; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 276; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, III, hlm. 295..
3. *al-Hidayah*, III, hlm. 11
4. *al-Umm*, IV, hlm. 58; *Ibn Majah, Sunan*, II, hlm. 801.
5. *al-Tadhkirah*, II, hlm. 445.

Syafi`i: Tidak harus kerana ianya bukanlah diperuntukkar untuk mereka sahaja.[5] Lantaran itu ianya menyalahi ijmak yang menunjukkan harusnya wakaf ke atas fakir miskin.

5. Ja`fari: Apabila seseorang membina sebuah masjid atau kubur kemudian ia membenarkan orang ramai mengerjakan sembahyang atau pengkebumian tetapi ia tidak berkata: "Ia telah mewakafkannya atau aku mewakafkannya", maka ianya masih menjadi miliknya.

   Abu Hanifah: Apabila mereka mengerjakan sembahyang atau pengkebumian, maka miliknya hilang.[6] Lantaran itu ianya menyalahi akal yang menunjukkan kekal hak milik pada asal.

6. *al-Hidayah*, III, hlm.15-16.

BAB PUSAKA (*AL-MAWARITH*)

Fasal kesebelas mengenai harta pusaka *al-Mawarith* serta kaitannya dan ianya mengandungi 13 masalah:

1. Ja`fari: Lima belas orang yang menerima harta pusaka: Anak-anak lelaki dari anak-anak perempuan, anak-anak lelaki dari saudara-saudara perempuan, anak-anak lelaki saudara-saudara lelaki dan sebelah ibu, anak-anak perempuan saudara lelaki di sebalah bapa, ibu saudara sebelah bapa, dan anak-anaknya, bapa saudara di sebelah ibu dan anak-anak lelakinya, ibu saudara sebelah ibunya dan anak-anak lelakinya, bapa saudara lelaki sebelah bapa saudara bapa sebelah ibu dan anak-anaknya, anak-anak perempuan bapa saudara sebelah bapa, dan anak-anak mereka. Datuk sebelah ibu, nenek sebalh ibu dan anak-anak lelakinya menurut susunan di dalam buku-buku mereka sama ada mahjub ataupun tidak.

   Abu Hanifah: *Dhawi l-Arham* mewarisi pusaka tetapi ianya di-dahului oleh yang paling akrab menurut susunan tertentu-umpamanya jika seorang meninggalkan seorang anak perem-puan dan ibu saudara sebelah bapa, maka harta itu menjadi milikanak perempuannya (ṣi mati). Separuh secara fardu dan separuh lagi secara pemberian sebagaimana pendapat kami(Ja`fariyyah). Tetapi ia (Abu Hanifah) menyalahi "kami" pada mewariskan *al-Maula* bersama mereka. Dan di dalam masalah lain adalah sama.[1]

1. *Bidayah al-Mujtahid*, III, hlm. 303.

Syafi`i: Mereka tidak mewarisi harta pusaka dan tidak terlindung *mahjub*. Jika si mati mempunyai kerabat, maka harta tersebut adalah untuknya sekalipun yang paling akrab bersamanya. Jika tidak, harta peninggalan tersebut menjadi milik Baitu l-Mal.[2] Oleh itu kedua-duanya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:11 *"Allah mengsyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan"*. Oleh itu anak lelaki kepada anak perempuan adalah dikira anak lelaki kerana sudah ijmak bahawa Isa adalah anak lelaki Adam. Rasulullah s.`a.w. bersabda: *"Dua anak "lelakiku" ini adalah penghulu pemuda Ahli Syurga"*.[3] .Dan beliau bersabda: *"Janganlah kalian menghantar anakku dengan tergesa-gesa. Maka beliau meninggalkannya sehingga "dia" membuang air kencingnya"*.[4] Iaitu janganlah kalian memberhentikannya. Hasan A.S. telah membuang kencingnya di biliknya, maka mereka ingin mengambilnya supaya tidak melakukannya tetapi Nabi s.`a.w. melarang mereka. Dan beliau juga bersabda *"Anakku ini adalah penghulu di mana Allah melakukan Islah dengannya di antara dua golongan Muslimin"*.[5] Dan Allah S.W.T. berfirman Surah *al-Anfal* 8:75 *"Orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat)"*. Dan Dia berfirman Surah *al-Nisa'* 4:7 *"Bagi orang lelaki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya dan bagi orang wanita ada hak bahagian (pula) dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya"*. Lantaran itu Dia tidak membezakan di antara lelaki dan perempuan. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Bapa saudara sebelah ibu adalah pewaris bagi mereka yang tidak ada waris"*.[6]

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Nabi s.`a.w. bersabda

---

2. *al-Umm*, IV, hlm. 76.
3. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, V, hlm. 105; *al-Isabah*, I, hlm. 329
4. *Majma` al-Zawa'id*, I, hlm. 285.
5. Ahmad, *al-Musnad*, V, hlm. 44; *Usd al-Ghabah*, II, hlm. 11; *al-Isabah*, I, hlm. 330.
6. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 248; Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 914.

"Bapa saudara sebelah ibu boleh menerima pusaka".

2. Ja`fari: Ibu diberikan kepadanya, demikian juga anak perempuan.

   Syafi`i: Bagi anak perempuan separuh. Dan yang bakinya untuk Baitu l-Mal.[7] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Anfal* 8:75 *"Orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat)".* Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Perempuan yang dapat mewarisi ialah tiga: orang yang dimerdekakannya, orang yang dipungutnya dan anaknya".*[8] Dia telah menjadikan anak lelaki *al-mula`anah* untuk ibunya. Dan Nabi s.`a.w. bersabda *"Anak al- Mula`anah ialah ibunya, bapanya dan ibunya".* Maka beliau telah menjadikannya (ibunya) seperti dua ibu bapanya.[9] Rasulullah telah menjadikan pusaka anak *al-Mula`anah* untuk ibunya dan pewarisnya selepasnya.

3. Ja`fari: Muslim mewarisi orang kafir.

   Para imam mazhab empat: Muslim tidak mewarisi orang kafir.[10] Oleh itu mereka menyalahi umum firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:11 *"Allah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu".* Dan mereka juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya".*[11] Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Islam itu bertambah dan tidak berkurangan".*[12]

4. Ja`fari: Pusaka (*mirath*) tidak dilakukan dengan `asabah malah mereka mewarisinya dengan fardu yang ditetapkan seperti kerabat, sebab perkahwinan dan perhambaan.

   Para imam mazhab empat: Pusaka dilakukan dengan `asabah.[13] Oleh itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'*

---

7. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 295.
8. Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 916; *Masabih al-Sunnah*, II, hlm. 16.
9. Abu Daud, *Sunan*, II, hlm. 125.
10. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 295; *al-Tafsir al-Kabir*, IX, hlm. 209; *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 350.
11. *al-Tafsir al-Kabir*, IX, hlm. 209; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, I, hlm. 56.
12. *Ibid.*
13. *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 137.

4:7 *"Bagi orang lelaki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, dan bagi orang wanita ada hak bahagian (pula) dari harta* peninggalan ibu bapa dan kerabatnya. Dan firmanNya *"dan bagi orang wanita ada hak bahagian (pula) dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya"* sepertilah lelaki. Jabir berkata daripada Zaid bin Thabit: Menurut jahiliah lelaki mewarisi harta pusaka dan bukan perempuan.[14] Dan firman Allah S.W.T. Surah *al-Anfal* 8:75 *"Orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya di dalam kitab Allah".* Lantaran itu Allah menghendaki kerabat yang terdekat kemudian yang terdekat. Oleh itu anak perempuan lebih akrab daripada sepupu dan bapa saudara.

5. Ja`fari: *`Aul* adalah tidak sah.

   Para imam mazhab empat: *`Aul* adalah sah.[15] Oleh itu ianya menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. yang tidak melakukannya. Ibn `Abbas ditanya tentang *`Aul*: Siapakah orang yang pertama melakukannya? Dia menjawab: `Umar.[16]

6. Ja`fari: Harus meninggalkan wasiat untuk pewaris.Para imam mazhab empat: Tidak harus.[17] Lantaran itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:180 *"Diwajibkan ke atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabatnya secara ma`ruf".* Nabi s.`a.w. bersabda *"Mulailah dengan keluargamu yang lebih dekat".*[18] Dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:181 *"Maka barangsiapa yang mengubah wasiat itu, setelah ia mendengarnya, maka sesungguhnya dosanya adalah bagi orang-orang yang mengubahnya".* Kerana pewaris kadang-kadang berhak diutamakan sama ada disebabkan kemiskinannya atau disebabkan banyak tanggungannya. Atau disebabkan kelebihan-

---

14. *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 79; *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 123.
15. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 292.
16. *Tarikh al-Khulafa'*, hlm. 137; *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 91.
17. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 280; *Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 266.
18. Ibn al-Athir, *al-Nihayah*, III, hlm. 321.

nya dan keilmuannya, dan usahanya yang sedikit tentang urusan dunia. Oleh itu ianya layak diutamakan. Dan ini tidak berlaku melainkan dengan wasiat. Sebagaimana ianya harus mengutamakannya semasa hidup, maka ianya harus diutamakan selepas mati.

7. Ja`fari: Apabila seseorang mewasiatkan untuk kerabat-kerabatnya, maka ia hendaklah dibayar kepada orang yang dikenali di kalangan orang ramai bahawa ia adalah kerabatnya.

   Abu Hanifah: Diberi kepada yang muhrim secara khusus. Dan bukan kepada orang yang bukan muhrim seperti sepupu lelaki.

   Malik: Wasiat ini adalah untuk waris yang akrab sahaja.[19] Oleh itu ianya menyalahi *`urf* tanpa dalil.

8. Ja`fari: Tidak sah wasiat untuk orang yang telah mati.

   Malik: Sah, tetapi ianya untuk pewarisnya.[20] Oleh itu ianya menyalahi akal yang menegah sahnya orang yang telah mati memiliki sesuatu.

9. Ja`fari: Apa yang telah ditinggalkan oleh Nabi s.`a.w. berpindah kepada pewarisnya.

   Para imam mazhab empat: Tidak berpindah kepada pewarisnya. Tetapi ianya berpindah sebagai sadqah kepada selain dari pewarisnya.[21] Oleh itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:11 *"Allah mensyariatkan pada anak-anak kamu"*. Ayat di atas adalah umum dan firmanNya Surah *al-Nisa'* 4:7 *"Bagi orang lelaki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya"*. Ayat ini juga adalah umum. Lantaran itu riwayat Abu Bakr bahawa "Kami para Nabi tidak meninggalkan pusaka, apa yang kami tinggalkan ialah sadqah" adalah tidak Sahih kerana ianya bertentangan dengan firmanNya Surah *al-Naml* 27:16 *"Dan Sulaiman telah mewarisi Daud"*. FirmanNya tentang Zakaria Surah *Maryam* 19:6 *"Yang akan mewarisi aku dan mewarisi sebahagian keluarga Ya`qub"*. FirmanNya Surah *Maryam* 19:5 *"Dan*

---

19. *al-Hidayah*, IV, hlm. 184; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al- Arba`ah*, III, hlm. 336, 340
20. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 280.
21. *Ruh al-Ma`ani*, IV, hlm. 194.

sesungguhnya aku khuatir terhadap mawaliku sepeninggalanku". Dan kata-kata Fatimah A.S. kepada Abu Bakr: Adakah anda mewarisi (pusaka) bapa anda dan aku tidak mewarisi pusaka bapaku?[22]

10. Ja`fari: Orang tahanan apabila diambil selepas selesai peperangan, imam boleh membuat pilihan sama ada membebaskannya, menawannya atau menjadikannya hamba.

    Abu Hanifah: Dipilih di antara membunuhnya atau menjadikannya hamba.[23] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *Muhammad* 47:4 *"Sama ada membebaskan mereka atau menerima tebusan".* Sabda Nabi s.`a.w. tentang orang-orang tawanan Badar *"Sekiranya Mut`am bin `Adi masih hidup dan ia bercakap kepadaku tentang mereka (orang-orang tawanan), nescaya aku membebaskan mereka kerananya".*[24] Di dalam riwayat yang lain Rasulullah s.`a.w. memerintahkan kaum Muslimin supaya membebaskan Thumamah bin Athal al-Hanafi yang ditawan di Najd. Lalu mereka membebaskannya kemudian ia memeluk Islam.[25] Ini menunjukkan pengharusan membebaskan tawanan perang.

11. Ja`fari: Saham kerabat Rasulullah s.`a.w. tidak luput dengan kematian Rasulullah s.`a.w..

    Abu Hanifah: Luput.[26] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Anfal* 8:41 *"Bagi kerabat Rasul".* Dia mengatafkannya dengan *Lam* untuk pemilikan dan dengan *al-Wau* untuk perkongsian (dengan Rasulullah s.`a.w.).

12. Ja`fari: Tidak harus memberi zakat fitrah kepada Yahudi dan *Kaffarah.*

    Abu Hanifah: Ianya harus.[27] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Mujadalah* 58:22 *"Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari*

22. *Syarh Nahj al-Balaghah*, IV, hlm. 79, 92; *A`lam al-Nisa'*, III, hlm. 208.
23. *al-Hidayah*, II, hlm. 105; *Tafsir al-Khazin*, IV, hlm. 143.
24. *Syarh Nahj al-Balaghah*, III, hlm. 254.
25. *Usd al-Ghabah*, I, hlm. 246; *al-Isabah*, I, hlm. 203.
26. *al-Hidayah*, II, hlm. 110; *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 62.
27. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 256.

akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan RasulNya".

13. Ja`fari: Apabila seorang itu memberi zakat kepada seorang yang zahirnya muslim tetapi ternyata ia seorang kafir atau pada zahirnya ia seorang yang merdeka, tetap ternyata ia seorang hamba, maka tidak wajib ke atasnya sesuatu.

    Abu Hanifah: Wajib "jaminan" ke atasnya.[28] Abu Hanifah sepakat dengan kami bahawa apabila seorang memberi zakat kepada seseorang yang pada zahirnya miskin tetapi ternyata ianya seorang yang kaya, maka ianya tidak dijamin (atau memberikannya kembali). Oleh itu tidak ada perbezaan di antara dua perkara tersebut kerana ia telah menunaikannya.

28. *al-Hidayah*, I, hlm. 81.

BAB NIKAH (*AL-NIKAH*)

Fasal kedua belas mengenai Nikah (*al-Nikah*). Ianya mengandungi 13 masalah.

1. Ja`fari: Apabila suami isteri mengadakan pakatan untuk menyembunyikan (pernikahan), maka nikahnya tidaklah batal.

   Malik: Ianya terbatal sekalipun dengan kehadiran saksi-saksi.[1] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:1 *"Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad itu"*. Dan firmanNya Surah *al-Nisa'* 4:3 *"Maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi"*.

2. Ja`fari: Nikah tidak sah dengan lafaz jual beli, milik, hibah, sadqah, pinjaman dan sewaan. Sekiranya ia berkata: Aku menjualkannya (perempuan) kepada anda atau aku memilikkannya kepada anda atau aku memberikannya kepada anda, maka ianya adalah tidak sah sama ada ia menyebutkan maharnya ataupun tidak.

   Abu Hanifah: Ianya harus.

   Malik: Sekiranya ia menyebutkan maharnya dan berkata: Aku menjualkannya atau aku memilikkannya kepada anda dengan mahar tertentu, maka ianya sah jika ia tidak menyebutkan maharnya, maka ianya adalah tidak sah.[2] Oleh itu kedua-duanya telah menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Ahzab*

---

1. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 14.
2. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 4; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, IV, hlm. 24.

33:50 *"Dan mukmin yang menyerahkan dirinya kepada Nabi jika Nabi mahu mengahwininya sebagai pengkhususan bagimu, bukan untuk semua orang mukmin".*

3. Ja`fari: Ibu saudara sebelah bapa dan ibu saudara sebelah ibu jika kedua-duanya meridhai mengadakan aqad anak perempuan saudara lelaki atau anak perempuan saudara perempuan, maka ianya adalah sah.

   Para imam mazhab empat: Ianya tidak sah.[3] Lantaran itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:24 *"Dan dihalalkan bagi kamu selain yang demikian".* Dan firmanNya Surah *al-Nisa'* 4:3 *"Maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi".*

4. Ja`fari: Haram berkahwin dengan anak zina oleh bapanya, saudaranya, bapa saudara sebelah bapa, bapa saudara sebelah ibu.

   Syafi`i: Ianya harus. Seorang itu boleh mengahwini anak perempuan zinanya, ibunya, saudara perempuannya, bapa saudara sebelah bapanya, bapa saudara sebelah ibunya dan setiap orang yang diharamkan oleh Allah di dalam kitabNya.[4] Ini samalah dengan mazhab Majusi *Na`udhu billah.* Allah S.W.T. berfirman Surah *al-Nisa'* 4:23 *"Diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan".* Ini adalah sifat yang sebenar yang tidak berubah dengan perubahan syari`at dan agama. Lantaran itu halangan untuk mengaitkan mereka dengan nasab keturunan dan lain-lain hak syarak, tidak mengeluarkan mereka daripada sifat-sifat yang hakiki.

   Oleh itu ianya dikaitkan kepadanya (bapa zinanya). Mereka berkata anak perempuannya, ibunya atau saudara perempuan zinanya. Dan kaitan ini bukanlah secara kiasan sebagaimana kita berkata: Saudara perempuan kandungnya iaitu bagi membezakannya dengan saudara perempuan sesusu. Kerana pengharaman adalah menyeluruh bagi mereka yang membenarkan ayat ini sama ada secara hakiki atau kiasan kerana nenek

3. *al-Hidayah*, I, hlm. 139; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 24.
4. *al-Umm*, V, hlm. 25; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 29.

termasuk di bawah ibu dari segi kiasan (*majaz*) begitu juga cucu perempuan daripada anak perempuan. Lantaran itu tidak ada *khilaf* tentang pengharaman kedua-duanya.

5. Ja`fari: Apabila seseorang itu secara terus terang berkata kepada perempuan yang masih di dalam `iddahnya tentang kahwin, maka ia tidak melakukan perbuatan yang haram. Dan apabila ia selesai `iddahnya nikah adalah harus baginya.

   Malik: Tidak harus. Dan dibatalkan nikah di antara keduanya.[5] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:24 *"Dan dihalalkan bagi kamu selain yang demikian"*. Dan firmanNya Surah *al-Nisa'* 4:3 *"Maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi"*.

6. Ja`fari: Apabila seorang memeluk Islam dan mempunyai isteri melebihi empat orang kitabiyat, ia boleh memilih empat daripada mereka dan meneruskan aqad ke atas mereka secara tertib. Demikian juga keadaannya jika mereka (perempuan) penyembah berhala kemudian memeluk Islam.

   Abu Hanifah: Nikah semuanya terbatal, tanpa memulakan aqad yang tersusun. Dan sah nikah empat isteri yang pertama sahaja.[6] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. kepada Filan bin Salmah al-Thaqafi manakala ia memeluk Islam dengan sepuluh isteri. Maka Nabi s.`a.w. bersabda *"Pilih empat daripada mereka dan pisahkan yang lainnya"*.[7]

7. Ja`fari: Nikah orang kafir adalah harus.

   Malik: Ianya terbatal.[8] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Lahab* 111:4 *"Dan (begitu pula) isterinya, pembawa kayu api"*. Dan Nabi s.`a.w. memperakukan (nikah) Abu Sufyan dengan Hindun manakala ia memeluk Islam. Kemudian diikuti pula oleh isterinya Hindun.[9] Sekiranya nikah itu *fasid*, nescaya beliau tidak memperakui nikah mereka

5. *al-Muwatta'*, II, hlm. 62.
6. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 40; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 355.
7. *Mukhtasar al-Mazni*, hlm. 171; Ibn Majah, *Sunan*, I, hlm. 628.
8. *al-Muwatta'*, II, hlm. 76; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 41.
9. *Usd al-Ghabah*, V, hlm. 562; *al-Isabah*, V, hlm. 624.

berdua begitu juga nikah orang lain. Dan beliau tidak menyuruh seorangpun memperbaharui nikahnya.

8. Ja`fari: Nikah mut`ah adalah harus.

   Malik: Nikah mut`ah adalah harus sehingga wujudnya ayat yang memansuhkan Surah *al-Nisa'* 4:24. Dan sekarang tidak ada ayat yang memansuhkannya.[10]

   Abu Hanifah, Syafi`i dan Ahmad bin Hanbal: Ianya haram.[11]

   Oleh itu mereka menyalahi al-Qur'an, ijmak dan Sunnah Nabi s.`a.w. yang mengharuskannya. Adapun al-Qur'an firmanNya S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:24 *"Isteri-isteri yang telah kamu nikmati (nikah mut`ah) di antara mereka, berilah kepada mereka maharnya sebagai satu kewajipan".* Hakikat ayat ini adalah tentang halalnya nikah mut`ah. Ibn `Abbas juga membaca ayat tersebut *ila ajalin* musamma (kepada masa yang ditentukan).[12] Adapun ijmak, maka tidak ada *khilaf* tentang harusnya mut`ah. Dan pengharusannya berterusan pada masa Nabi s.`a.w., Khalifah Abu Bakr dan permulaan Khilafah `Umar. Kemudian dia menaiki mimbar masjid dan berucap: Wahai manusia, dua mut`ah (halal) pada masa Rasulullah s.`a.w. tetapi aku melarang kedua-duanya dan akan menyiksa orang yang melakukan kedua-duanya.[13]

   Adapun Sunnah Nabi s.`a.w. telah diriwayatkan daripadanya secara mutawatir bahawa beliau s.`a.w. telah mengizinkan para sahabatnya melakukan nikah mut`ah, lantas mereka melakukannya pada masanya.[14] Amir al-Mukminin `Ali A.S. telah memberi fatwa tentang harusnya mut`ah. Begitu juga Ibn Mas`ud, Jabir b. `Abdullah, Salmah al-Akwa`, Ibn `Abbas, al-Mughirah b. Syu`bah, Mu`awiyah b. Abi Sufyan, Ibn Juraij, Sa`id b. Jubair, Mujahid; `Ata', Ibn `Umar dan lain-lain.[15]

---

10. Al-Sarkhasi, *al-Mabsut*, V, hlm. 158.
11. *Ibid* dan lain-lain.
12. *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 148; *al-Tafsir al-Kabir*, X, hlm. 51; al-Sunan al-Kubra, VII, hlm. 205.
13. al-Baihaqi, *al-Sunan*, V, hlm. 206.
14. Muslim, *Sahih*, I, hlm. 623; Ahmad, *al-Musnad*, II, hlm. 95, IV, hlm. 252; *al-Sunan al-Kubra*, IV, hlm. 244 dan lain-lain.
15. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 58; *al-Tafsir al-Kabir*, X, hlm. 51; Ahmad, *al-Musnad*, II, hlm. 95.

9. Ja`fari: Nikah yang *fasid* tidak menghalalkan isteri yang dicerai sebanyak tiga kali.

   Syafi`i: Ianya dapat menghalalkannya.[16] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:230 "*Dan jika ia (suami) mentalaknya (sesudah talak kedua), maka perempuan itu tidak halal lagi baginya hingga dia kahwin dengan suami yang lain*".

10. Ja`fari: Mahar menurut keredhaan suami isteri sedikit ataupun banyak.

    Malik: Dinilai sebanyak tiga dirham.

    Abu Hanifah: Dinilai sebanyak sepuluh dirham. Jika mahar diaqad kurang dari sepuluh dirham maka ia wajib (diberi)sepuluh dirham.[17] Lantaran itu kedua-duanya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:237 "*Jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka, padahal sesungguhnya kamu telah menentukan maharnya, maka bayarlah seperdua dari mahar yang telah kamu tentukan itu*".

    Menurut Abu Hanifah, jika ia menamakan maharnya lima dirham,maka wajib baginya menyempurnakan apa yang ditetapkan bukannya separuh.[18] Sabda Nabi s.`a.w. "*Laksanakanlah al-`Ala'iq*". Ditanya Rasulullah s.`a.w. apakah *al-`Ala'iq*, beliau menjawab: "*Apa yang diredai oleh keluarga*".[19] Kemungkinan satu dirham dapat diredai oleh mereka. Rasulullah s.`a.w. bersabda: "*Sesiapa yang meredai dengan dua dirham, maka ia telah mencapai keredaan tersebut*".[20] Dan sabdanya s.`a.w. "*Tidak berdosa bagi seseorang itu jika ia memberi mahar perempuan sedikit ataupun banyak*".[21] Dan beliau telah menghawinkan seorang perempuan di mana ma-

---

16. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 48; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-*Arba`ah, IV, hlm. 117.
17. *al-Hidayah*, I, hlm. 148; *al-Muwatta'*, II, hlm. 65; *Bidayah al-Mujtahid*. II, hlm. 15.
18. *al-Hidayah*, I, hlm. 148.
19. *al-Nihayah*, III, hlm. 286.
20. *al-Durr al-Manthur*, II, hlm. 120.
21. Ahmad, *al-Musnad*, V, hlm. 336; *Masabih al-Sunnah*, II, hlm. 23; al-Syafi`i, *al-Musnad*, hlm. 425.

harnya ialah "mengajar al-Qur'an kepadanya" selepas beliau meminta suaminya sebentuk cincin besi, tetapi ia tidak mampu mengadakannya sebagai mahar.[22]

11. Ja`fari: Isteri yang belum ditentukan maharnya dan belum-disetubuhi, apabila ia dicerai, maka ia wajib diberi keselesaan (*al-Mut`ah*).

    Malik: Tidak wajib.[23] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:236 *"Tidak ada sesuatupun (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isterimu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. Dan hendaklah kamu berikan suatu mut`ah (pemberian) kepada mereka. Orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), iaitu pemberian menurut yang patut. Yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebajikan"*.

    Dia memerintahkannya supaya memberi kepadanya suatu pemberian (mut`ah) iaitu suatu kewajipan. Dan Dia telah memisahkan orang yang mampu dengan orang yang miskin. Jika ianya tidak wajib tentu Dia tidak memisahkan mereka. Dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:241 *"Kepada wanita-wanita yang diceraikan (hendaklah diberikan oleh suaminya) mut`ah menurut yang ma`ruf, sebagai suatu kewajipan bagi orang-orang yang bertakwa"*.

12. Ja`fari: Apabila mengahwini seorang perempuan dan mencampurinya kemudian mengkhalakkannya, maka harus bagi suaminya mengahwininya pada masa `iddah. Dan sekiranya ia mengahwininya dengan mahar, dan mencampurinya, maka maharnya menjadi haknya. Jika ia menceraikannya sebelum mencampurinya, maka ia berhak separuh.

    Abu Hanifah: Wajib semua mahar.[24] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:237 *"Maka bayarlah separuh dari mahar yang telah kamu tentukan"*.

---

22. *al-Hidayah*, I, hlm. 148; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 80.
23. *al-Hidayah*, I, hlm. 80.
24. *al-Hidayah*, II, hlm. 23.

13. Ja`fari: Majlis kenduri (*al-Walimah*) adalah sunnat bukannya wajib. Dan menghadiri majlis tersebut adalah sunnat begitu juga memakannya.

    Syafi`i: Ianya adalah wajib.[25] Lantaran itu ianya menyalahi *bara`ah dhimmah* seseorang. Dan ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tidak ada pada harta hak selain daripada zakat"*.[26]

25. *al-Umm*, V, hlm. 181; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 303.
26. Ibn Majah, *Sunan*, I, hlm. 570.

BAB TALAQ (*AL-TALAQ*)

Fasal ketiga belas mengenai *Talaq* dan kaitannya. Ianya mengandungi 28 masalah.

1. Ja`fari: Talaq yang diharamkan ialah talaq yang dilakukan ke atas isteri pada masa haid atau pada masa suci yang dicampuri, maka ianya tidak jatuh.

   Para imam mazhab empat: Ianya jatuh.[1] Lantaran itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Talaq* 65:1 "*Maka cerailah pada masa `iddah mereka*". Oleh itu ianya menunjukkan haram talaq pada masa yang tidak suci. Lantaran itu ianya dilarang dan larangan itu menunjukkan kefasa-dannya.

   Ibn `Umar telah menceraikan isterinya dengan talaq tiga sekaligus sedangkan isterinya masih di dalam haid, maka Nabi s.`a.w. memerintahkannya supaya merujukkan kepada isterinya. Maka `Abdullah berkata: Beliau s.`a.w. mengembalikannya kepadaku tanpa melihat sesuatupun padanya.[2]

   Di dalam riwayat yang lain daripada Ibn `Umar: Dia (isterinya) dicerai di dalam keadaan haid. Maka Nabi s.`a.w. bersabda "*Bukan begini suruhan Tuhanmu. Sesungguhnya Sunnah ialah anda menghadapinya pada masa suci. Dan anda menceraikannya pada setiap kali suci, satu talaq*".[3]

---

1. *al-Hidayah*, I, hlm. 167; II, hlm. 21; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 56.
2. *al-Muwatta'*, II, hlm. 96; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, III, hlm. 483.
3. *Ruh al-Ma`ani*, XXVIII, hlm. 114, 117.

2. Ja`fari: Apabila seorang itu menceraikan isterinya tiga talaq dengan satu lafaz seperti anda berkata: Aku menceraikan anda dengan talaq tiga, maka ianya jatuh satu.

   Syafi`i dan Ahmad: Ianya jatuh tiga talaq dan ianya tidaklah diharamkan selama-lamanya.

   Abu Hanifah dan Malik: Jatuh tiga dan diharamkannya selama-lamanya.[4] Lantaran itu mereka menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:229 *"Talaq (yang dapat dirujukkan) dua kali".*

   `Umar telah bertanya Nabi s.`a.w.: Jika ia menceraikan isterinya tiga kali? Beliau s.`a.w. bersabda: *Anda telah menderhakai Tuhan anda".*[5] Ianya menunjukkan pengharamannya, oleh itu ianya dilarang. Ibn `Abbas meriwayatkan bahawa talaq tiga pada masa Rasulullah s.`a.w., Abu Bakr dan dua tahun di dalam pemerintahan `Umar, jatuh satu, kemudian dia memberi hukum jatuh tiga talaq dengan satu lafaz kerana orang ramai ingin menyegerakannya.[6]

   Ibn `Abbas berkata: Rakanah bin `Abd Yazid telah menceraikan isterinya sebanyak tiga kali di dalam satu majlis. Maka iapun berdukacita dengan amat sangat. Lalu Rasulullah s.`a.w. bertanya kepadanya: Bagaimana anda menceraikannya? Dia berkata: Aku telah menceraikannya tiga kali dalam satu majlis. Rasulullah s.`a.w. bersabda: Ianya jatuh satu sahaja. Oleh itu rujuklah kepadanya jika anda mahu. Maka diapun merujukkannya.[7]

3. Ja`fari: Saksi di dalam talaq adalah wajib dan ianya menjadi syarat.

   Para imam mazhab empat: Ianya tidak menjadi syarat dan tidak pula menjadi wajib.[8]

   Lantaran itu mereka telah menyalahi firman Allah S.W.T.Surah *al-Talaq* 65:2 *"Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kamu".* Ayat ini tidak harus difahami

4. *Bidayah al-Mujtahid,* II, hlm. 50; *Ahkam al-Qur'an,* III, hlm. 254; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* II, hlm. 240.
5. *A`lam al-Muwaqqa`in,* IV, hlm. 349.
6. *Bidayah al-Mujtahid,* II, hlm. 50; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* II, hlm. 339.
7. *Ibid.*
8. *Ahkam al-Qur'an,* III, hlm. 454; *al-Tafsir al-Kabir,* XXX, hlm. 34; *Ruh al-Ma`ani,* II, hlm. 118.

sebagai rujukan kepada "rujuk" kerana "pelepasan" lebih hampir sebagaimana firmanNya Surah *al-Talaq* 65:2 *"Lepaslah mereka dengan baik"* iaitu talaq. Kerana saksi di dalam "rujuk" tidaklah wajib dan ianya bukanlah syarat pengesahannya. Lantaran itu ianya syarat bagi menjatuhkan talaq, maka ia wajiblah dirujukkan kepada talaq.

4. Ja`fari: Talaq yang dipaksa adalah batal. Demikian juga `aqad-`aqad yang lain.

   Abu Hanifah: Talaqnya jatuh. Dan setiap `aqad yang dikaitkan dengan fasakh. Adapun `aqad yang tidak dikaitkan dengannya seperti jual beli dan perdamaian, maka ianya sah apabila ia mengharuskannya. Jika tidak, ianya terbatal.[8] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Diangkat daripada ummatku kesalahan yang tidak disengajakan, keterlupaan dan apa yang dipaksakan ke atasnya"*.[10] Dan sabdanya *"Tidak ada talaq dan tidak ada pelepasan dengan paksaan"*.[911]

5. Ja`fari: Tidak harus menggunakan helah yang diharamkan bagi tujuan yang haram.

   Abu Hanifah: Ianya harus.[12]

   Ibn al-Mubarak berkata: Seorang perempuan telah merayu kepada Abu Hanifah tentang suaminya, dan ia ingin menceraikannya (suaminya)? Maka ia berkata kepadanya: Murtadlah sekarang, maka nikah menjadi fasakh. Dan ia berkata kepada suami perempuan tersebut: Kucuplah ibunya dengan penuh keberahian. Dengan itu nikah isteri anda menjadi fasakh.

   Nadr bin Syamil berkata di dalam kitab *al-Hiyal*: Tiga ratus dua puluh masalah semuanya kufr, iaitu siapa yang mengharuskannya menjadi kafir.[13] Oleh itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. surah *al-A`raf* 7:166 *"Maka tatkala mereka bersikap sombong terhadap apa yang dilarang mereka mengerjakannya, kami katakan kepadanya "jadilah kamu kera yang hina""*.

---

9. *Al-Hidayah*, I, hlm. 167.
10. Lihat rujukan yang lalu.
11. *A`lam al-Muwaqqa`in*, IV, hlm. 16.
12. *Ibid.*
13. *Tarikh Baghdad*, V, hlm. 351.

Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Diharamkan ke atas mereka lemak maka merekapun menjualnya dan memakan harganya".*[14]

6. Ja`fari: Bilangan talaq yang dikira apabila ianya dikaitkan dengan isteri. Jika ianya seorang yang merdeka, maka talaqnya adalah tiga sekalipun suaminya seorang hamba. Dan jika ianya seorang hamba, maka talaqnya adalah dua sekalipun suaminya seorang yang merdeka.

   Syafi`i: Bilangan talaq dikira apabila ianya dikaitkan dengan suami. Jika ianya seorang yang merdeka, maka talaqnya adalah tiga. Dan jika ianya seorang hamba maka talaqnya adalah dua.[14]

   Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:229 *"Talaq (yang dapat dirujukkan) dua kali, setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma`ruf atau mencerai dengan cara yang baik".* Maka Dia telah menjadikan bagi suami tiga talaq. Dan ayat ini diturunkan tentang perempuan yang merdeka kerana firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:229 *"Maka tidak ada dosa ke atas kedua-duanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebuskan dirinya".* Oleh itu hanya perempuan yang merdeka sahaja yang menebus dirinya, bukan hamba kerana ia tidak memiliki sesuatu.

   `Aisyah berkata: Nabi s.`a.w. bersabda: *"Talaq hamba (perempuan) ialah dua, dan `iddahnya dua kali haid".*[15]

   Dua orang lelaki mendatangi `Umar bin al-Khattab pada masa pemerintahannya. Mereka berdua bertanyakan kepadanya tentang talaq hamba, maka ia (`Umar) tidak mengetahuinya. Maka kedua- duanya berjalan menuju Amiru l-Mukminin `Ali (A.S.) dan `Umarpun ikut bersama. Maka ia (`Ali) mengisyaratkan kepadanya (`Umar) dengan dua anak jari tangannya. Maka iapun berkata kepadanya: Dua. Lalu `Umarpun memberitahukan kedua-duanya mengenainya. Dan salah seorang berkata: Kami bertanya kepada anda, sedangkan anda bertanyakannya

14. Ibn al-Athir, *Al-Nihayah*, II, hlm. 449.
15. *al-Umm*, V, hlm. 244; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 51.
16. Ibn Majah, *Sunan*, I, hlm. 672; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 241.
17. *Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 156; *al-Riyad al-Nadirah*, II, hlm. 226 dan lain-lain.

pula dan meredhainya? Dia menjawab: Celaka anda! Adakah anda mengetahui siapa itu? Itu adalah `Ali bin Abi Talib.[17]

7. Ja`fari: Apabila akhlak tidak sesuai di antara suami isteri dan keadaan menjadi runcing, maka ia (isteri) memberikan kepadanya sesuatu supaya ia menceraikannya, maka ia tidak halal baginya mengambilnya.

   Abu Hanifah, Malik dan Syafi`i: Ianya halal.[18]

   Oleh itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:229 *"Tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu dari yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali jikalau keduanya khuatir tidak akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah"*. Dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:229 *"Jika kamu khuatir bahawa keduanya (suami isteri) tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas keduanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya"*.

8. Ja`fari: Tidak sah talaq sebelum nikah. Jika ia berkata: Setiap perempuan adalah tertalaq, maka ianya terbatal dan tidak diambil kira dengannya. Dan jika berkahwin, maka isterinya tidak tertalaq.

   Abu Hanifah: Talaqnya sah. Dan apabila ia mengahwini perempuan, maka ianya tertalaq.[19] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tidak ada talaq sebelum nikah"*[20] Dan sabdanya s.`a.w. *"Tidak ada talaq pada apa yang ia tidak memilikinya, tidak ada jual beli dan pelepasan pada apa yang ia idak memilikinya"*[21] . kerana talaq menghilangkan ikatan nikah. Oleh itu ianya terlaksana selepasnsya dan bukan sebelumnya.

9. Ja`fari: Tidak sah talaq seorang wali ke atas orang yang ada baginya hak wilayah tanpa ganti rugi atau sebagainya.

   Malik: Sah dengan ganti rugi.[22] Lantaran itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Talaq adalah bagi orang yang telah*

---

18. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 56; *al-Muwatta'*, II, hlm. 88; al-*Tafsir al-Kcbir*, VI, hlm. 102.
19. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 69; *al-Hidayah*, I, hlm. 182.
20. Ibn Majah, *Sunan*, I, hlm. 660; *al-Hidayah*, I, hlm. 182; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 69.
21. *Ib'd*
22. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 56.
23. *A`lam al-Muwaqqa`in*, IV, hlm. 351.

mengambil dengan "kesulitan.[23]

10. Ja`fari: Disyaratkan masa mengilakkan isterinya melebihi empat bulan.

    Abu Hanifah: Harus pada masa empat bulan.[24] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:226 *"Kepada orang-orang yang mengilakkan isterinya diberi tangguh empat bulan (lamanya)".* Maka Dia telah menjadikan masa untuk tangguh ialah empat bulan.

11. Ja`fari: Tidak jatuh talaq semata-mata keluar masa tangguh. Malah apabila ianya tamat, maka hakim menuntutnya kembali kepada isterinya atau menceraikannya. Lantaran itu tuntutan supaya kembali kepada isteri atau menceraikannya adalah selepas masa empat bulan.

    Abu Hanifah: Tuntutan adalah pada masa tersebut. Jika ia melebihi masa, maka ia tertalaq dengan talaq bain.[25]

    Lantaran itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:226-227 *"Kepada orang-orang yang mengilakkan isterinya diberi tangguh empat bulan (lamanya). Kemudian jika mereka kembali (kepada isterinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Dan jika mereka berazam (bertetap hati untuk) talaq, maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".*

12. Ja`fari: Apabila suami berpanjangan selepas masa tangguh dan mempertahankannya tanpa melakukan rujuk atau talaq, maka ketika itu ia dipaksa sama ada merujuk kepada isterinya atau menceraikannya.

    Syafi`i: Ia dipaksa menceraikannya.[26] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:227 *"Dan jika mereka berazam (bertetap hati untuk) talaq".* Dia telah menjadikan `azm untuk mentalaqnya. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Talaq adalah bagi orang yang mengambilnya dengan "kesulitan"*[27]

---

24. *Bidayah al-Mujtahid,* II, hlm. 84.
25. *Ahkam al-Qur'an,* I, hlm. 360; *al-Hidayah,* II, hlm. 9.
26. *al-Umm,* V, hlm. 171.
27. *Muntakhab Kanz al-`Ummal,* III, hlm. 479.

13. Ja`fari: *Zihar* tidak berlaku sebelum berkahwin.

    Abu Hanifah dan Malik: Sah *zihar* sebelum berkahwin.[28] Lantaran itu kedua-duanya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Mujadalah* 58:3 *"Orang-orang yang menzihar isteri mereka".*

14. Ja`fari: Wajib memberi makan enam puluh fakir miskin di dalam *zihar* dan tidak memadai memberi makan seorang fakir miskin selama enam puluh hari.

    Abu Hanifah: Ianya memadai.[29] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Mujadalah* 58:4 *"Memberi makan enam puluh orang miskin".* Apa yang diambil kira di dalam ayat ini ialah bilangan.

15. Ja`fari: Tidak harus memberi *kaffarah* kepada orang kafir.

    Abu Hanifah: Ianya memadai.[30] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Mujadalah* 58:22 *"Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan RasulNya".*

16. Ja`fari: Apabila ia memberi makan enam puluh orang dengan sewajarnya, maka ianya sudah memadai.

    Syafi`i: Wajib ia memberi hak milik kepada mereka. Dan memberi makan sahaja tidak mencukupi.[31] Lantaran itu ianyamenyalahi firmanNya Surah *al-Mujadalah* 58:4 *"Memberi makan enam puluh orang miskin".*

17. Ja`fari: Roti sudah memadai.

    Syafi`i: Wajib memberi bijian.[32] Lantaran itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Mujadalah* 58:4 *"Memberi makan enam puluh orang miskin"* iaitu termasuk roti.

18. Ja`fari: Apabila ia memberi makan kepada lima orang dan memberi pakaian kepada lima orang, adalah tidak memadai.

---

28. *al-Muwatta'*, II, hlm. 85; *Ruh al-Ma`ani*, XXVIII, hlm. 10
29. *al-Hidayah*, II, hlm. 17; *al-Tafsir al-Kabir*, II, hlm. 79.
30. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 339; *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 523.
31. *al-Hidayah*, II, hlm. 17; *al-Tafsir al-Kabir*, XII, hlm. 75.
32. *al-Umm*, VII, hlm. 64.

Malik: Ianya sudah memadai.

Abu Hanifah: Jika ia memberi makan lima orang miskin da memberi pakaian kepada lima orang miskin dengan nilai harg pemberian makan lima orang, tidak memadai. Dan jika i memberi pakaian kepada lima orang dan memberi maka kepada lima orang miskin dengan nilai harga lima pakaiar maka ianya memadai.[33]

Lantaran itu kedua-duanya telah menyalahi firmanNya Sura *al-Maidah* 5:89 *"Memberi makan sepuluh orang miskin, ia it dari makanan yang kamu berikan kepada keluargamu, ata memberi pakaian kepada mereka".* Dia telah memberi piliha di antara dua perkara sahaja.

19. Ja`fari: Isteri apabila menegah dari melakukan *li`an*, i dijalankan hukum had.

    Abu Hanifah: Ianya ditahan sehingga ia melakukan *li`an.*[3] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Nur* 24:8 *"Isterinya itu dihindarkan dari hukuman oleh sumpahnya, empa kali atas nama Allah".* Ianya menunjukkan bahawa ister dihindarkan dari hukuman dengan *li`an*nya. Dan hukuman iti adalah had kerana firmanNya Surah *al-Nur* 24:2 *"Dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman".* Dan firmanNya Surah *al-Nisa'* 4:25 *"Maka atas mereka separuh hukuman dar hukuman wanita-wanita merdeka yang bersuami".* Ia mungkir pembohong, maka li`an menjadi haram. Oleh itu ianya tidal boleh dikenakan dengan perbuatannya (suaminya).

20. Ja`fari: Apabila sebahagian *li`an* berkurangan, maka ianya tidak dikira sekalipun hakim telah memberi hukuman.

    Abu Hanifah: Jika hakim telah memberi hukuman, maka ianya dilaksanakan sekalipun ia meninggalkan apa yang paling kurang.[35] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nur* 24:6 *"Maka persaksian orang itu ialah empat kali ber-*

---

33. *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 459.
34. *al-Hidayah*, II, hlm. 18; *Bidayah al-Mujtahid, Tafsir al- Khazin*, III, hlm. 338.
35. *Tafsir al-Khazin*, III, hlm. 339; *al-Tafsir al-Kabir*, XXIV, hlm. 171.
36. *Ahkam al-Qur'an*, III, hlm. 270.

sumpah dengan nama Allah". Dan ianya juga menyalahi perbuatan Nabi s.`a.w. kerana beliau melakukan sedemikian.[36]

21. Ja`fari: Wajib tertib di dalam *li`an*. Ianya dimula dengan *li`an* lelaki kemudian diikuti dengan *li`an* perempuan. Jika ia menyalahinya maka *li`an*nya terbatal. Dan jika hakim telah memberi hukuman, maka ianya tidak terlaksana.

    Abu Hanifah dan Malik: Tidak wajib tertib. Mereka berdua berkata: Jika hakim memberi hukuman, ianya dikira.[37] Oleh itu mereka berdua telah menyalahi firmanNya Surah *al- Nur* 24:6 *"Maka persaksian orang itu"* tertib *li`an* itu ialah selepas penyaksian lelaki. Kemudian Dia berfirman *"isterinya itu dihindarkan dari hukuman"* iaitu had yang wajib dengan *li`an* lelaki, atau wajib menahannya menurut Abu Hanifah dengan li`annya ianya berlaku selepas *li`an* lelaki.

22. Ja`fari: Apa yang dikira ialah kaitannya dengan anak-anak dan kemampuannya bersetubuh. Dan ianya tidak memadai kemampuannya sebagai lelaki sahaja tanpa perlakuannya.

    Abu Hanifah: Apa yang dikira ialah kemampuannya bersetubuh dan bukan perlakuannya.[38] Oleh itu ianya bertentangan dengan darurah.

23. Ja`fari: Perempuan kafir adalah di bawah (kekuasaan) lelaki kafir. Dan apabila lelaki tersebut meninggal dunia, perempuannya wajib beriddah.

    Abu Hanifah: Tidak ada iddah baginya.[39] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:234 *"Orang-orang yang meninggal dunia antaramu dengan meninggalkan isteri-isteri (hendaklah para isteri itu) menangguhkan dirinya (beriddah) empat bulan"*.

24. Ja`fari: Masa hamil yang paling lama ialah satu tahun.

    Syafi`i: Lebih dari empat tahun. Malik: Lima tahun.

    Abu Hanifah: Dua tahun.[40] Oleh itu mereka semua telah men-

---

37. *al-Tafsir al-Kabir*, XXIV, hlm. 171.
38. Lihat umpamanya *al-Hidayah*, II, hlm. 26 dan lain-lain.
39. *al-Hidayah*, I, hlm. 24.
40. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, IV, hlm. 521.

yalahi perasaan dan hati kecil mereka sendiri.

25. Ja`fari: Satu atau dua kali penyusuan tidak membawa kepadap-engharaman.

    Abu Hanifah : Satu kali penyusuan sekalipun satu titik susu telah membawa kepada pengharaman.[41] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Penyusuan al-Rada` adalah apabila dapat menumbuhkan daging dan menguatkan tulang"*.[42] Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Satu kali atau dua kali hisap,satu atau dua kali penyusuan tidaklah haram"*.[43]

26. Ja`fari: Apabila ia berkata kepada orang yang lebih tua daripadanya: Ini adalah anak lelaki dari keturunanku atau anak lelaki dari penyusuan, maka ianya tidak diterima.

    Abu Hanifah: Ianya diterima jika seorang yang berumur lima belas tahun mengakui bahawa anak lelaki yang berumur seratus tahun itu adalah anaknya dan anak perempuan yang berumur seratus tahun itu adalah anaknya.[44] Oleh itu ianya adalah suatu pembohongan.

27. Ja`fari: Wajib nafqah ke atas ibu sekalipun keperluan dan kemiskinannya.

    Malik: Tidak wajib dibelanjakan ke atasnya. Lihat buku-buku yang dikarang oleh pengikut-pengikut Malik. Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *Luqman* 31:15 *"Pergaulilah keduanya di dunia dengan baik"*. Ditanya Nabi s.`a.w.: Siapakah orang yang patut aku membuat baik kepadanya? Beliau bersabda: *Ibumu.* Dia berkata: Kemudian siapa? Beliau bersabda: *Ibumu.* Dia berkata lagi: Siapa? Beliau bersabda: *Ibumu.* Dia berkata: Selepas itu siapa? Beliau bersabda: *Bapa anda.*[45] Dia menjadikan bapa peringkat keempat.

---

41. *Ahkam al-Qur'an* II, hlm. 124; *al-Tafsir al-Kabir*, X, hlm. 30.
42. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 483; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, II, hlm. 291.
43. Muslim, *Sahih*, II, hlm. 656; *Masabih al-Sunnah*, II, hlm. 21.
44. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 312; *al-Hidayah*, II, hlm. 39.
45. Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 1206; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, V, hlm. 4

28. Ja`fari: Nafqah ke atas isteri tidak luput dengan berlalunya masa.

    Abu Hanifah: Ianya luput.[46] Oleh itu ianya menyalahi akal kerana apa yang sabit pada diri seseorang itu tidak akan luput melainkan dengan sebab yang tertentu. Dan berlalunya masa bukanlah menjadi sebab sepertilah hutang.

46. *al-Hidayah*, II, hlm. 21.

BAB JENAYAH (*AL-JINAYAT*)

Fasal keempat belas mengenai jenayah (*al-Jinayat*) serta kaitannya. Ianya mengandungi 23 masalah.

1. Ja`fari: Seorang lelaki yang merdeka hanya dibunuh balas jika ia membunuh seorang perempuan yang merdeka apabila para wali perempuan tersebut mahu mengenakan diyyah ke atasnya.

   Para imam mazhab empat: Tidak dikenakan sesuatupun ke atasnya.[1] Oleh itu mereka telah menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:178 *"Wanita dengan wanita"*. Ayat ini menunjukkan bahawa seorang lelaki tidak dibunuh balas jika ia membunuh seorang wanita.

2. Ja`fari: Seorang muslim tidak akan dibunuh jika ia membunuh seorang kafir *dhimmi*.

   Abu Hanifah: Ianya dibunuh.[2] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. surah *al-Nisa'* 4:141 *"Allah sekali-kali tidak memberi jalan kepada orang-orang kafir"*. Dan firmanNya Surah *al-Hasyr* 59:20 *"Tiada sama penghuni-penghuni neraka dengan penghuni-penghuni syurga"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Seorang mukmin tidak dibunuh jika ia membunuh seorang kafir, begitu juga seorang yang bertanggungjawab ke atas*

1. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 235; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, V, hlm. 287.
2. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, V, hlm. 284.

orang yang "dipertanggungjawab"kan kepadanya".[3]

3. Ja`fari: Seorang yang merdeka tidak dibunuh balas kerana membunuh seorang hamba.

   Abu Hanifah: Dibunuh dengan hamba lain.[4] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. surah *al-Baqarah* 2:178 *"Orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Seorang yang merdeka tidak dibunuh dengan seorang hamba".*[5]

4. Ja`fari: Bapa tidak akan dibunuh jika ia membunuh anaknya.

   Malik: Jika ia membunuh anak lelakinya dengan pedang, ia tidak dibunuh balas. Tetapi jika ia menyembelihkannya atau membelahkan perutnya, ia dibunuh balas.[6] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Bapa tidak dibunuh balas jika ia membunuh anak lelakinya".*[7]

5. Ja`fari: Pembunuhan dengan barang yang berat sama sahaja dengan pembunuhan dengan barang yang tajam.

   Abu Hanifah: Tidak wajib dilakukan Qisas.[8] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:45 *"Jiwa (dibalas) dengan jiwa"*. Dan firmanNya Surah *al- Baqarah* 2:178 *"dan wanita (dibalas) dengan wanita"*. Dan firmanNya Surah *al-Isra'* 17:33 *"Dan sesiapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya"*.

6. Ja`fari: Apabila ia membunuh atau memotong (seseorang) di luar tanah haram, kemudian berlindung di haram, maka ianya tidak dibunuh dan dipotong selama berada di tanah haram. Tetapi dipersulitkan makanan dan minuman ke atasnya sehingga ia keluar dan dibunuh.

   Syafi`i: Dipaksa keluar untuk dilaksanakan hukuman bunuh

---

3. Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 888; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 133; *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 166.
4. *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 166; *Ahkam al-Qur'an*, I, hlm. 135
5. *al-Umm*, VI, hlm. 25; *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 133.
6. *Ahkam al-Qur'an*, I, hlm. 144; *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 235.
7. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 133; Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 888.
8. *al-Hidayah*, IV, hlm. 117.

dan sebagainya.[9] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *`Ali Imran* 3:97 *"Barangsiapa yang memasukinya (Baitullah) menjadi amanlah dia"*. Dan firmanNya Surah *al-Ankabut* 29:67 *"Dan apakah mereka tidak memperhatikan bahawa sesungguhnya Kami telah menjadikan tanah suci yang aman?"*.

7. Ja`fari: Dua telinga dibayar *diyyah.*

   Malik: Pemerintah melaksanakannya.[10] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Pada dua telinga dibayar diyyah"*.[11]

8. Ja`fari: Jika ia melakukan jenayah ke atas dirinya secara tidak sengaja, maka "dirinya" adalah sia-sia tanpa mendapat ganti rugi.

   Ahmad: Jika ia memotong tangannya sendiri, maka ia boleh menuntut ganti rugi dengan *diyyah*nya.Pendapatnya telah diketahui di dalam buku-buku karangan mereka. Oleh itu ianya menyalahi ijmak dan akal yang menunjukkan *bara`ah dhimmah.* Dan jenayah tidak mewajibkan mengambil harta penjenayah.

9. Ja`fari: Tidak wajib *diyyah* dengan pembunuhan kafir *dhimmi.*

   Para imam mazhab empat: Wajib *diyyah.* Oleh itu mereka telah menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:93 *"Jika ia (yang terbunuh) dari kaum yang memusuhimu pada hal ia mukmin, maka (hendaklah si pembunuh) memerdekakan hamba sahaya yang beriman"*.

10. Ja`fari: Apabila ia membunuh seorang tawanan yang berada di dalam penguasaan orang-orang kafir, sedangkan ia seorang mukmin, maka wajib ke atasnya *diyyah* dan kaffarah sama ada ia berniat melakukannya ataupun tidak.

    Abu Hanifah: Tidak ada jaminan ke atasnya.

    Syafi`i: Jika ia berniat melakukannya, maka ia wajib membayar kaffarah dan *diyyah.* Dan jika ia tidak berniat melakukannya, maka ia wajib membayar kaffarah sahaja tanpa *diyyah.*[12] Oleh

---

9. *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 276; *al-Tafsir al-Kabir*, VIII, hlm. 151.
10. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 352; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, V, hlm. 342
11. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 154.
12. *al-Umm*, II, hlm. 35; *al-Hidayah*, II, hlm. 114.

itu mereka berdua telah menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nisa'* 4:92 *"Dan barangsiapa membunuh seorang mukmin kerana tersalah (hendaklah) ia memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman".*

11. Ja`fari: Orang yang hamil apabila tidak mempunyai suami tetapi ia mengingkari bahawa kehamilannya itu hasil dari zina, maka ianya tidak dihadkan.

    Malik: Wajib dihadkan ke atasnya.[13] Oleh itu ianya menyalahi akal dan kesahihan pengurusan muslim. Dan pada asalnya tidak melakukan zina. Dan ianya juga menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Tolakkan hudud dengan syubahat".*[14]

12. Ja`fari: apabila ia membeli muhrimnya seperti ibunya, saudara perempuannya, ibu saudara sebelah bapa dan sebelah ibu atau sesusu, kemudian ia melakukan persetubuhan dengan engetahui tentang pengharaman trsebut, maka wajib ke atasnya had.

    Abu Hanifah: Tidak ada had ke atasnya.[15] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nur* 24:2 *"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina maka deralah".* Dan ini adalah penzina.

13. Ja`fari: Apabila empat orang yang adil memberi keteranganmereka tentang perzinaan seseorang, maka wajib ke atasnya had, sama ada tertuduh itu membenarkan mereka atau membohongi mereka.

    Abu Hanifah: Jika ia membenarkan mereka (berempat), maka had luput daripadanya. Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Nur* 24:4 yang mewajibkan had dengan empat orang saksi.

14. Ja`fari: Liwat mewajibkan pembunuhan.

    Abu Hanifah: Tidak dikenakan had ke atasnya, malah dilakukan *ta`zir* ke atasnya.[16] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sesiapa yang melakukan amalan Nabi Lut, maka*

---

13. *al-Muwatta'*, III, hlm. 45; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al- `Arba`ah*, V, hlm. 95.
14. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 362; *al-Nihayah*, II, hlm. 109.
15. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, V, hlm. 98.
16. *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 98.

kalian bunuhlah kedua-duanya (al-fa`il wa l-maf`ul)".[17]

15. Ja`fari: Penyewaan untuk persetubuhan adalah terbatal. Apabila ia menyewa seorang perempuan untuk disetubuhi kemudian ia melakukan persetubuhan dengannya, sedangkan ia mengetahui tentang pengharamannya, maka had diwajibkan ke atasnya. Demikian juga jika seorang perempuan menyewa lelaki supaya melakukan zina dengannya kemudian melakukannya.

    Abu Hanifah: Tidak wajib di dalam kedua-dua masalah.[18] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Nur* 24:2 *"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka deralah".*

17. Ja`fari: Apabila cukup empat orang saksi zina dan dilakukan penyaksian tersebut di hadapan hakim. Kemudian mereka menghilangkan diri atau mati, maka hakim memberi hukuman berdasarkan penyaksian mereka dan had wajib dilakukan.

    Abu Hanifah: Tidak harus memberi hukuman berdasarkan penyaksian mereka.[19] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Nur* 24:2 *'Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina maka deralah".*

18. Ja`fari: Sunnat memisahkan saksi-saksi tentang zina selepas pertemuan mereka.

    Abu Hanifah: Apabila mereka memberi penyakisan mereka di dalam satu majlis, maka sabitlah had. Dan jika memberi saksian mereka di dalam dua majlis yang berasingan, maka mereka adalah penuduh dan akan dikenakan had ke atas mereka. Menurut Abu Hanifah majlis yang dimaksudkannya ialah majlis yang dihadiri oleh seorang hakim. Jika seorang hakim duduk dari pagi hingga ke petang tanpa berdiri, maka majlis itu dikira satu majlis. Jika dua orang memberi penyaksian di dalam satu majlis di waktu pagi dan dua orang lagi di waktu petang, maka hadnya sabit sekalipun ia duduk sekejap pergi dan

---

17. *al-Tafsir al-Kabir,* XXIII, hlm. 132; *Masabih al-Sunnah,* VI, hlm. 46; Ibn Majah, *Sunan,* II, hlm. 856.
18. *Ahkam al-Qur'an,* II, hlm. 146; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al- Arba`ah,* VI, hlm. 96.
19. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah,* V, hlm. 75.

kembali, maka ianya dikira dua majlis.[20] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nur* 24:4 *"Kemudian mereka tidak membawa datang dengan empat orang saksi"* kerana seorang apabila ia memberi saksian, bukanlah ia penuduh (*Qadhifan*). Jika tidak ia tidak menjadi saksi di samping penyaksian orang lain selain daripadanya. Apabila sabit ianya bukan penuduh, maka ia adalah seorang saksi (*syahidan*). Dan apabila ia seorang saksi, maka ia tidak menjadi penuduh dengan sebab terlewatnya penyaksian orang lain dari majlis kepada majlis yang lain

19. Ja`fari: Apabila empat orang memberi penyaksian mereka,kemudian seorang daripada mereka menarik diri, maka ketiganya yang masih tetap dengan penyaksian mereka tidak dijalankan hukum had.

    Abu Hanifah: Mereka dihadkan.[21] Lantaran itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Nur* 24:4 *"Kemudian mereka tidak membawa datang dengan empat orang saksi"*. Oleh itu mereka telah datang dan kembali seorang daripada mereka tidak memberi kesan kepada apa yang telah ditetapkan.

20. Ja`fari: Wajib dipotong dengan sebab mencuri barang yangkekal seperti bijian, pakaian dan lain-lain.

    Abu Hanifah: Tidak wajib dipotong melainkan barang yang boleh kekal.[22] Oleh itu ianya menyalahi umum firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:38 *"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya"*.

21. Ja`fari: Apabila ia mencuri buku-buku fiqh, sastera atau al-Qur'an, maka ianya wajib dipotong apabila cukup nisab.

    Abu Hanifah: Tidak ada potongan.[23] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:38 *"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri"*.

---

20. *al-Tafsir al-Kabir*, XXIII, hlm. 158; *al-Fiqh `Ala al- Madhahib al-Arba`ah*, V, hlm. 71, 219.
21. *al-Hidayah*, II, hlm. 81; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, V, hlm. 71.
22. *al-Hidayah*, II, hlm. 89; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, V, hlm. 176.
23. *Ibid*

22. Ja`fari: Setiap orang yang wajib dikenakan ke atasnya hadhukuman seperti meminum arak, berzina, mencuri tanpa menyerang, kemudian ia bertaubat sebelum dilakukan penyaksian ke atasnya, maka ianya luput.

    Syafi`i: Tidak luput.[24] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Maidah* 5:39 *"Maka barangsiapa bertaubat (di antara pencuri-pencuri itu) sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang"*. Dan sabda Nabi s.`a.w. *"Taubat memotong apa yang sebelumnya"*.[25]

23. Ja`fari: Apabila berhimpun (had) tuduhan (*Qadhaf*), had zina, dan had percurian, maka wajib pemotongan "tangan", dan kakidan jika ia melakukan serangan kemudian mengambil hartapadanya kemudian ia melakukan pembunuhan, maka ia mestilah dilakukan kesemua hudud tersebut kemudian dibunuh.

    Abu Hanifah: Semuanya luput tetapi ia mesti dibunuh.[26] Oleh itu ianya menyalahi ayat-ayat yang menunjukkan penyiksaan di atas pelakunya.

---

24. *al-Umm*, IX, hlm. 165.
25. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, II, hlm. 243.
26. *Tafsir al-Khazin*, I, hlm. 493.

BAB BURUAN (*AL-SAID*)

Fasal kelima belas mengenai buruan (*al-Said*) serta kaitannya. Ia mengandungi 5 masalah.

1. Ja`fari: Apabila seseorang meninggalkan bacaan *Bismillah* secara sengaja ketika penyembelihan dilakukan, maka memakan dagingnya adalah haram.

   Syafi`i: Harus.[1] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-An`am* 6:119 *"Mengapa kamu tidak mahu memakan (binatang-binatang yang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya"*. Ini adalah nas.

2. Ja`fari: Tidak harus memakan binatang yang ditangkap oleh binatang buas melainkan selepas mengajar dan melatihnya.

   Abu Hanifah, Malik dan Syafi`i: Harus semuanya apabila ia boleh diajari.Ahmad: Semuanya harus melainkan anjing hitam yang besar.[2] Lantaran itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. surah *al- Ma`idah* 5:4 *"Dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang buas yang telah kamu ajar dengan melatihnya untuk berburu"*.

3. Ja`fari: Tidak halal memakan ikan melainkan apabila ia mati biasa.

---

1. *al-Umm*, II, hlm. 234; *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 364; *al-Tafsir al-Kabir*, XIII, hlm. 168.
2. *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 314; *al-Tafsir al-Kabir*, XI, hlm. 144; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 30.

Malik: Ianya tidak halal sehingga dipotong kepalanya.[3] Olel itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Dihalalkan bagi kamı dua bangkai dan dua darah, maka dua bangkai ialah ikan daı belalang".*[4]

4. Ja`fari: Disunnatkan salawat ke atas Nabi s.`a.w. dan berkat: "Wahai Tuhanku, terimalah daripadaku sembelihan ini".[5]

   Abu Hanifah: Makruh.[6]

   Oleh itu ianya menyalahi umum firman Allah S.W.T. Surah *al Ahzab* 33:56 *"Hai orang-orang yang beriman, berselawatlaı kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormataı kepadanya".* Dan firmanNya Surah *Alam Nasyrah* 94:4 *"Daı kami tinggikan bagimu sebutan (nama)mu"* iaitu Aku tidal disebut melainkan kamu disebut bersamaKu. Diriwayatkaı bahawa Jibrail A.S. berkata kepada Nabi s.`a.w. *"Sesungguhny Allah S.W.T. berfirman: Barangsiapa berselawat ke atas kamı sekali, maka aku selawatkan dengannya sepuluh kali".*[7]

5. Ja`fari: Sesiapa yang terpaksa memakan bangkainya, maka i tidak harus memakannya sehingga kenyang.

   Malik: Harus.[8]

   Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al Baqarah* 2:172 *"Sesiapa yang terpaksa".* Dan memakannya se hingga kenyang bukanlah secara terpaksa.

---

3. *Bidayah al-Mujtahid*, I, hlm. 359; *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm. 17.
4. *al-Umm*, II, hlm. 233; Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 1073.
5. Syaukani, *Tuhfal al-Dhakirin*, hlm. 166.
6. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, I, hlm. 726.
7. Ahmad, *al-Musnad*, I, hlm. 191.
8. *al-Tafsir al-Kabir*, V, hlm.. 24.

BAB SUMPAH (*AL-AIMAN*)

Fasal keenam belas mengenai sumpah serta kaitannya. Ia mengan dungi 8 masalah.

1. Ja`fari: Apabila ia bersumpah: Aku tidak akan memakan makanan yang baik dan aku tidak akan memakai pakaian yang lembut, maka ianya tidak sah.

   Abu Hanifah: Ianya sah kerana ia berkaitan dengan perkara ta`at.[1] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Ma'idah* 5:78 *"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu haramkan apa-apa yang baik yang telah Allah halalkan bagi kamu"*.Dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:168 *"Wahai manusia, makanlah yang halal lagi baik"*. Dan firmanNya Surah *al-A`raf* 7:32 *"Katakanlah, siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah dikeluarkannya untuk hamba-hambaNya dan (siapa pulakah yang mengharamkan) rezeki yang baik?"*. Dan firmanNya Surah *al-Tahrim* 66:1 *"Wahai Nabi, mengapa kamu mengharamkan apa yang Allah menghalalkannya bagimu?"*.

2. Ja`fari: Jika ia berkata: Aku bertanya anda dengan Allah atau aku bersumpah di atas anda dengan Allah, maka ianya tidak menjadi sumpah. Sekalipun ia maksudkannya dengan sumpah.

---

1. *al-Hidayah*, II, hlm. 59.

Syafi`i: Apabila ia maksudkannya dengan sumpah (*al-yamin)*, maka ianya menjadi sumpah. Dan ianya terlaksana dengan perbuatan orang lain. Dan jika orang lain melanggarinya, maka ia tidak dikira melanggari sumpah tersebut. Tetapi jika ia sendiri menyalahinya, maka ia dikira sebagai melanggari sumpahnya. Dan ia wajib membayar *kaffarah.*

Ahmad: Kaffarah bagi orang yang melanggari sumpah dan bukan orang yang melakukan sumpah.[2]

Oleh itu mereka berdua telah menyalahi `aqad yang menunjukkan bara`ah dhimmah seorang dari bebanan. Dan tidak ada kaitan sumpah orang lain dengan perbuatan orang lain kerana pelakulah yang memilih perbuatannya.

3. Ja`fari: tidak wajib *kaffarah* ke atas sumpah yang lagha iaitu sumpah yang tasalsul tanpa niat di hati.

   Abu Hanifah: Wajib.[3] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Baqarah* 2:225 *"Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpahmu yang tidak dimaksud (untuk bersumpah)".*

4. Ja`fari: Tidak memadai dengan memberi pakaian seperti kasut dan songkok.

   Syafi`i: Memadai.[4] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Ma'idah* 5:89 *"Atau memberi pakaian kepada mereka".* Lantaran itu orang yang memberi kasut atau songkok kepada seseorang tidak dikatakan sebagai orang yang memberi pakaian kepadanya.

5. Ja`fari: Apabila seorang itu berkata: Aku tidak akan mendiami rumah ini, bererti dia (dikira) sudah bersumpah selepas sahaja ia melafazkannya.

   Malik: Dia tidak dikira bersumpah melainkan apabila dia mendiaminya selama satu hari satu malam.[5] Oleh itu ianya

2. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 76.
3. *al-Hidayah*, II, hlm. 54; *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 76.
4. *Ahkam al-Qur'an*, II, hlm. 460.
5. *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al-Arba`ah*, II, hlm. 113

menyalahi `urf dari segi bahasa atau istilah syarak.

6. Ja`fari: Apabila seorang itu bersumpah: Aku tidak akan mendiami rumah ini sedangkan "mereka" berada di dalamnya, maka sumpah itu berpindah untuk dirinya sahaja dan bukan kepada harta dan keluarganya.

   Malik: Rumah itu sahaja serta keluarganya tetapi bukan hartanya.

   Abu Hanifah: Dirinya sendiri, keluarganya dan hartanya.[6] Oleh itu mereka berdua menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nur* 24:29 *"Tidak ada dosa atasmu memasuki rumah yang tidak disediakan untuk didiami yang di dalamnya ada keperluanmu"*. Dia menceritakan bahawa orang yang meninggalkan "barangan" dan keluar darinya (rumah) maka ia (rumah) dikira rumah yang tidak didiami.

7. Ja`fari: Apabila seorang itu bersumpah bahawa ia tidak akan memasuki rumah, tetapi ia menaiki di atas bumbungnya, maka ia tidak dikira melanggar sumpahnya.

   Abu Hanifah: Sumpahnya dikira.[7] Oleh itu ianya menyalahi `urf kerana ia tidak dikatakan "memasuki" rumah jika ia menaiki bumbungnya.

8. Ja`fari: Apabila seorang itu bersumpah ia tidak akan mencium bunga mawar, kemudian mencium minyaknya, maka ia tidak dikira melanggari sumpahnya.

   Abu Hanifah: Ianya dikira. Oleh itu ianya menyalahi `urf kerana minyak tidak dinamakan bunga mawar.

---

7. *al-Hidayah*, II, hlm. 58.
8. *al-Hidayah*, II, hlm. 57.

BAB HUKUMAN (*AL-QADA'*)

Fasal ketujub belas mengenai hukuman (*al-Qada'*) serta kaitannya. Ianya mengandungi 7 masalah.

1. Ja`fari: Orang awam tidak harus mengendalikan hukuman.

   Abu Hanifah: Harus.[1] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Ma'idah* 5:44 *"Barangsiapa tidak menghukum perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim".* Orang awam apabila ia menghukum secara taqlid, ia akan menghukum tanpa menuruti hukum Allah S.W.T..

2. Ja`fari: Perempuan tidak harus mengendalikan hukuman (*al-Qada'*).

   Abu Hanifah: Harus.[2] Oleh itu ianya menyalahi sabda nabi s.`a.w. *"Layanilah mereka (perempuan) sebagaimana dituntut oleh Allah. Dan sesiapa melantiknya bagi mengendalikan hukuman maka ia telah mendahuluikannya dari lelaki"*[3] Lagipun mendengar suaranya adalah haram kerana takut fitnah.

   Abu Hanifah berkata: Apabila seorang Qadi memberi hukuman menyalahi al-Qur'an dan Sunnah, maka hukumannya tidak

1. *Bidayah al-Mujtahid,* II, hlm. 384; *al-Hidayah,* III, hlm. 74.
2. *Bidayah al-Mujtahid,* II, hlm. 384; *al-Hidayah,* III, hlm. 78
3. al-Qur'an mengutamak2an lelaki dari perempuan di dalam pengurusan al-Qada'.

boleh dibatalkan.[4] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Ma'idah* 5:44 *"Barangsiapa tidak menghukum perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim".*

3. Ja`fari: Qadi hendaklah memberi hukuman menurut ilmunya.

   Para imam mazhab empat: Tidak memberi hukuman menurut ilmunya.[5]

   Oleh itu mereka menyalahi firman Allah S.W.T. Surah al-Sad 38:26 "Maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil". Dan firmanNya Surah *al-Ma'idah* 5:42 *"Dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka dengan adil".* Kerana penyaksian akan membuahkan zann, dan ilmu adalah suatu keyakinan. Lantaran itu beramal dengannya adalah lebih diutamakan.

4. Ja`fari: Hukuman seorang hakim adalah menurut penyaksian para saksi. Jika mereka berdua benar, maka hukumnya betul zahir dan batin. Dan jika mereka berdua pembohong maka hukumnya adalah betul secara zahir dan batil secara batin, sama ada di dalam mengithbatkan `aqad atau "menolak" `aqad, atau menfa-sakhkan `aqad ataupun tidak.

   Abu Hanifah: Jika ia memberi keputusan dengan `aqad atau "menolak" `aqad, maka hukumannya betul (sahih) secara zahir dan batin. Contoh pada mengithbatkan `aqad: Apabila ia mendakwa isterinya itu seorang perempuan tertentu. Tetapi ia (perempuan) itu mengingkarinya, lalu ia (lelaki) membawa dua orang saksi yang menyaksikan perkahwinan mereka, maka hakim menghukumnya (perempuan) untuknya (lelaki). Maka halallah baginya (perempuan) zahir dan batin. Contoh pada menafikan `aqad: Apabila seorang isteri mendakwa bahawa suaminya telah menceraikannya sebanyak tiga kali dan ia membawa dua orang saksi, maka hakim memberi keputusan bahawa ia adalah ba'in secara zahir dan batin. Dan ianya halal bagi salah seorang dari saksi tersebut mengahwininya, sekali-

---

4. *al-Hidayah,* III, hlm. 74.
5. *Bidayah al-Mujtahid,* II, hlm. 392-3.

pun kedua-dua saksi tersebut mengetahui bahawa kedua-duanya telah memberi penyaksian palsu.[6]

Mengenai nasab keturunan pula, Abu Hanifah berkata: Jika seorang lelaki mendakwa bahawa perempuan ini adalah anak perempuannya, maka dua saksi palsu memberi penyaksian mereka, maka hakim memberi keputusan sabitnya nasab secara zahir dan batin. Maka ia menjadi muhrimnya dan kedua-duanya mewarisi satu sama lain.[7] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al- Nisa'* 4:24 *"Dan (diharamkan juga kamu mengahwini) wanita yang bersuami kecuali budak-budaknya kamu miliki"*. Allah maksudkan dengan wanita-wanita yang bersuami (*al-Muhsanat*): isteri-isteri yang lain. Maka Dia mengharamkan mereka ke atas kita melainkan budak-budak yang dimiliki secara perhambaan. Tetapi Abu Hanifah mengharuskan isteri-isteri orang lain ke atas kita dengan hukuman yang batil.

Dan firmanNya Surah *al-Baqarah* 2:230 *"Kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah talak yang kedua) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya hingga dia kahwin dengan lelaki lain"*. Allah S.W.T. telah memberi hukuman bahawa jika ia menceraikannya, maka tidak halal baginya melainkan selepas bersuami. Tetapi Abu Hanifah berkata: Apabila ia menafikan talak, maka ia (perempuan) adalah halal baginya.[8]

Lantaran itu adalah tidak harus bagi orang awam memandang ringan di dalam masalah ini dan berkata: Ia adalah seorang faqih yang alim. Aku mengtaqlidkan kepadanya sepanjang hidupku begitu juga bapa-bapaku dan kebanyakan orang ramai. Bagaimana aku menyalahi orang ramai? Keuzuran ini tidak akan diterima oleh Allah S.W.T. di akhirat kelak.

Abu Hanifah berkata: Apabila seseorang itu dilakukan tuduhan dan had ke atasnya, maka penyaksiannya tidak diterima selama-lamanya sekalipun ia bertaubat seribu kali. Tetapi jika ia belum

6. Lihat umpamanya *al-Hidayah*, III, hlm. 96.
7. *Ibid.*
8. Lihat umpamanya al-Ghazali, *al-Mankhul*, Bab Talaq.

disebatkan maka penyaksiannya diterima. Dia juga berpendapat bahawa tuduhan samata-mata tidak membuat penyaksian ditolak. Malah ianya ditolak disebabkan sebat dan selepas disebat penyak siannya tidak diterima lagi[9] sekalipun ia bertaubat. Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Nur* 24:4 *"Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) lapan puluh kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka* itulah orang-orang yang fasiq".

Abu Hanifah berkata: Saksian Ahlu al-Dhimmah seperti Yahudi dan Nasara diterima.[10] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. Surah al-Hujurat 49:6 "Jika datang kepadamu orang fasiq membawa satu berita maka periksalah dengan teliti". Allah S.W.T. telah memerintahkan supaya diteliti kedatangan orang fasiq. Oleh itu orang kafir adalah fasiq.

Abu Hanifah berkata: Kefasikan yang ditolak penyaksiannya adalah penyaksian menurut agama seperti perzinaan dan pencurian. Adapun orang yang berugama dengannya dan mempercayainya sebagai satu mazhab, maka penyaksiannya tidak ditolak seperti Ahlu al-Dhimmah dan Ahlu l-Baghyi, maka penyaksian mereka tidak ditolak.[11] Oleh itu ianya menyalahi firmanNya Surah *al-Hujurat* 49:6 *"Jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita maka periksalah dengan teliti".*

Abu Hanifah dan Malik berkata: Permainan catur tidaklah haram tetapi penyaksiannya (*al-Syahadah*) ditolak.

Syafi'i: Makruh, tidaklah haram dan tidak ditolak penyaksiannya.[12] Oleh itu mereka menyalahi sabda Nabi s.'a.w. yang

9. *Bidayah al-Mujtahid*, II, hlm. 386; *al-Hidayah*, III, hlm. 89.
10. *al-Hidayah*, III, hlm. 90-1
11. *ibid*, III, hlm. 90.
12. *al-Umm*, VI, hlm. 208; *al-Hidayah*, III, hlm. 90.

melarang permainan catur. Begitu juga `Ali A.S. melarangnya.[13]

5. Ja`fari: Mengharam permainan al-Nard Jenis permainan tipu muslihat yang diikuti dengan kata-kata yang keji. dan penyaksiannya ditolak.

   Syafi`i: Tidak haram dan penyaksiannya tidak ditolak.[14] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Sesiapa yang bermain nard, sesungguhnya ia mendurhakai Allah dan RasulNya"*.[15]

   Syafi`i dan Malik: Nyanyian (*al-Ghina'*) tidaklah haram dan penyanyinya tidaklah fasiq dan penyaksiannya tidaklah dito lak.[16] Oleh itu mereka berdua telah menyalahi firman Allah S.W.T. Surah *al-Hajj* 22:30 *"Dan jauhilah perkataan-perkataan dusta"*. Muhammad al-Hanafiah berkata: "Perkataan yang dusta" ialah nyanyian.[17] Dan firmanNya Surah *Luqman* 31:6 *"Dan di antara manusia (ada) orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna"*. Ibn `Abbas dan Ibn Mas`ud berkata: Apa yang dimaksudkan dengan "perkataan yang tidak berguna" ialah nyanyian. Dan Nabi s.`a.w. bersabda: *"Nyanyian dapat melahirkan nifaq di hati sebagaimana air dapat menumbuhkan tumbuhan"*.[18] Nabi s.`a.w. telah melarang penjualan penyanyi-penyanyi atau membeli mereka atau mengadakan perniagaan dengan mereka, memakan duit yang dihasilkan oleh mereka dan harga-harga mereka adalah haram.[19]

   Malik berkata: Setiap orang yang telah dikenakan had ke atasnya di dalam maksiat, tidak diterima penyaksiannya selepas taubatnya.[20] Oleh itu ianya menyalahi firman Allah S.W.T. surah *al- Baqarah* 2:282 *"Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki (di antara kamu)"*.

---

13. *Mukhtasar Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 175.
14. *al-Umm*, VI, hlm. 204.
15. Ibn Majah, *Sunan*, II, hlm. 1238.
16. *al-Umm*, VI, hlm. 209.
17. *Tabarsi, Majma` al-Bayan*, VII, hlm. 72.
18. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 175.
19. *Muntakhab Kanz al-`Ummal*, VI, hlm. 176; *al-Durr al-Manthur*, V, hlm. 159; *al-Taj al-Jami` Li l-Usul*, V, hlm. 287.
20. *al-Furuq*, IV, hlm. 71.

6. Ja`fari: Apabila pada mulanya seorang saksi memberi penyaksian, kemudian pada kali keduanya seorang saksi yang lain memberi penyaksiannya, maka ianya tidak diterima.

   Ahmad: Ianya diterima.[21]

7. Ja`fari: Apabila seorang lelaki mendakwa bahawa perempuan itu adalah isterinya, tetapi ia (perempuan) mengingkarinya tanpa saksi maka wajiblah di atasnya bersumpah.

   Abu Hanifah: Tidak dikenakan sumpah ke atasnya.[22] Oleh itu ianya menyalahi sabda Nabi s.`a.w. *"Keterangan di atas orang yang mendakwa dan sumpah ke atas orang yang didakwa".*[23] Demikianlah dikemukakan sebahagian dari "hukum-hukum" para imam mazhab empat yang bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah. Dan barangsiapa yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam lagi, maka hendaklah ia merujuk kepada buku-buku fiqh. Di sini kami hanya membentangkannya secara ringkas sahaja. Apa yang perlu ditekankan di sini bahawa orang awam tidak harus melakukan taqlid kepada orang-orang seperti mereka. Malah orang yang ditaqlidkan itu mestilah orang yang maksum, tidak harus ke atasnya kesalahan dan kesilapan.

Oleh itu orang-orang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat hendaklah berwaspada dan mengetahui bahawa ia dipertanggungjawabkan di hari esok tentang amalannya, i`tiqadnya dari mengikuti orang-orang yang menuruti hawa nafsu, mematuhi taqlid nenek moyang mereka. Dan janganlah ia memasukkan dirinya ke dalam kumpulan orang yang "tidak bernasib baik" kerana "mereka" melakukan amal ibadah mereka menurut akidah-akidah mereka yang bertentangan dengan nas. Apatah lagi ianya dilakukan kerana menuntut manfa`at dunia sedangkan mereka mengabaikan manfa`at akhirat. Mereka menuntut "kecepatan" (dunia) dan menolak "kelambatan" *(akhirat).* Kami memohon dengan Allah S.W.T. dari ter-

21. Lihat buku-buku karangan al-Hanbali.
22. Lihat rujukan buku-buku karangan al-Hanafiyyah.
23. *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* III, hlm. 61.

jerumus ke dalam kancah taqlid kepada "hukum-hukum" mereka yang bertentangan dengan al-Qur'an dan Sunnah. Dan ketahuilah bahawa apa yang kami kemukakan di dalam buku yang ringkas ini adalah cukup bagi orang yang ingin berfikir.

Salawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad al-Mustafa, dan sepupunya, menantunya `Ali bin Abi Talib serta itrahnya yang terpilih, dengan selawat yang dapat memecahkan belakang orang-orang yang ingkar (*al-Jahidin*), dan dapat menundukkan keangkuhan al-Mubtilin. Semoga Allah menjadikan kita semua tergolong dari orang-orang yang tidak takut kepada "mereka" dan tidak pula berdukacita.

LAMPIRAN

Akidah al-Asy'ari dan al-Asya'irah Di antara nas dan ijtihad

Al-Asy'ari sebagai pelopor mazhab al-Asya'irah kemudian dikenali engan mazhab Ahli Sunnah Wa l-Jama'ah, adalah seorang yang pernah idup di abad ketiga Hijrah. Beliau dikatakan meninggal dalam tahun 330H? ni bererti tiga abad selepas kewafatan Nabi *Sawaw* orang-orang Islam tid-k berpegang kepada mazhab al-Asya'irah atau mazhab Ahlu s-Sunnah Wa -Jama'ah.

Menurut al-Syahrastani (w. 548H), bermulanya mazhab Ahli Sunnah Wa -Jama'ah apabila al-Asy'ari berkecimpung dengan golongan al-Sifatiyyah menetapkan sifat-sifat azaliyyah bagi Allah S.W.T) dan menyokong endapat-pendapat mereka dengan hujah-hujah Ilmu l-Kalam. Dan semen-ak itulah nama al-Sifatiyyah bertukar kepada al-Asy'ariyyah. (*al-Milal Wa -Nihal*, Cairo, 1968, I, hlm. 93)

Al-Asy'ari dalam *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf* al-Muslimin, Cai-o, 1950, I, hlm. 320, apabila membicarakan tentang pendapat-pendapatnya aitu akidah-akidahnya, dia menyebutkan "Ini adalah sebahagian daripada endapat (*Qaul*) Ashab al-Hadith dan Ahl al-Sunnah." Sementara di dalam *il-Ibanah an Usul al-Diyanah*, Cairo, 1385 H, hlm. 8, dia menyebutkan "Ini adalah pendapat (*Qaul*) Ahl al-Haq dan al-Sunnah."

Di dalam kedua-dua kenyataan tersebut, dia tidak menyebut perkataan *al-Jama'ah*. Kemungkinan al-Baghdadi (w.429H) adalah orang pertama di kalangan al-Asya'irah yang mengguna perkataan al-Jama'ah selepas per-kataan Ahlu s-Sunnah (Al-Baghdadi, *Al-Farq bain al-Firaq*, Beirut, 1973, hlm. 304), kemudian diikuti oleh Al-Syahrastani (*Al-Milal Wa n-Nihal*, I, hlm. 11). *Al-Jama'ah* yang hakiki, menurut Imam Ali A.S ialah bersama Ahli kebenaran sekalipun mereka itu sedikit. *Al-Furqah* (perpecahan) ialah mengikut Ahl al-Batil sekalipun mereka itu ramai (Qadhi Abd al-Jabbar, *Fadhl al-I'tizal*, Cairo, 1955, hlm. 185). Sementara al-Asy'ari al-Qummi (w.301H) berkata: *al-Jama'ah* ialah golongan ramai, menyokong mana-mana pemerintahan tanpa mengira sama ada pemerintahan itu adil atau pun zalim. Mereka bersepakat (berjema'ah) bukan kerana keugamaan. Malah penger-tian al-Jama'ah yang sebenar bagi mereka adalah perpecahan (*al-Furqah*) kerana dendam mendendam berlaku sesama mereka terutamanya mengenai Tauhid, hukum-hukum, fatwa-fatwa dan lain-lain. Mereka bertengkar dan mengkafir sesama mereka (*Kitab al-maqalat wal-Firaq*, Tehran, 1963, hlm.

15) Oleh itu tidak hairanlah jika al-Asy'ari sendiri bertelagah dengan A mad bin Hanbal mengenai perbincangan di dalam Ilmu l-Kalam sehing dia menulis buku *al-Istihsan* bagi menentang musuhnya Ahmad bin Hanl walaupun pada mulanya al-Asy'ari mengakuinya sebagai imam. Bagitu ju pengikut al-Hanbali mengkafirkan pengikut al-Asy'ari kerana menyang bahawa dia telah membohongi Rasul *Sawaw* . Al-Asy'ari pula mengka kan Mu'tazilah dengan alasan mereka membohongi Rasul *Sawaw* di dal pengithbat an (Sifat) Ilmu, *qudrat* dan lain-lain (al-Ghazali, *Fisal al-Taj qah baina- l-Islam wa Zandaqah*, Cairo, 1970, hlm. 126). Al-Asy'ari pu mengkafirkan Murji'ah (al-Maqalat, I, hlm. 202). Tindakan al-Asy'ari te melahirkan perasaan tidak puas hati di kalangan pengikut-pengikut A Hanifah. Lantaran itu mereka kemudian mengatakan Abu Hanifah meskip seorang Murji'ah tetapi ianya adalah Murji'ah Ahli Sunnah. Justeru itu t ak hairanlah jika al-Zamakhsyari (w.537H) memandang begitu negatif t hadap Ahli Sunnah wa l-Jama'ah, malah dia menanamkan mereka al-M birah (*al-Kasysyaf*, Cairo, 1307H. I, hlm. 421). Oleh itu al-Jama'ah menu pengertian yang kedua adalah simbol Perpaduan lahiriyah sesama mere di bawah satu pemerintahan tanpa kaitan dengan keugamaan (Perpadu Politik). Pada hakikatnya ia adalah perpecahan dan perselisihan dari s hukum, fatwa dan lain-lain.

Walau bagaimanpun di sini diperturunkan sebahagian daripada akid akidah al-Asy'ari dan al-Asya'irah atau akidah-akidah Ahli Sunnah W Jama'ah yang bertentangan dengan al-Qur'an seperti berikut:

1. Ja'fari: Allah S.W.T tidak menghendaki orang-orang kafir menj kafir.

   Al-Asy'ari: Allah S.W.T mengkehendaki orang-orang kafir menj kafir dan mengunci hati mereka (al-Asy'ari, *al-Ibanah*, hlm. 10; Asy'ari, *al-Maqalat*, hlm. 321). Lantaran itu pendapat al-Asy'ari ada bertentang dengan firman Tuhan (Surah *al-Muddathir* 74:43-46) t jemahannya: '*Apakah yang memasukan kamu ke dalam neraka Saqa Mereka menjawab: 'Kami dahulu tidak termasuk orang-orang ya mengerjakan sembahyang, dan kami tidak (pula) memberi mak orang miskin, dan adalah kami membicarakan yang batil bersa dengan orang-orang yang membicarakannya, dan kami mendustak Hari Pembalasan*'. Sekiranya Allah S.W.T telah menghendaki me ka menjadi kafir - memasuki neraka, mengapa Allah mendedahl perbualan ahli neraka: '...*apakah yang memasukkan kamu ke nera Saqar?*' Adakah ini memberi peluang orang kafir menjawab: Ka memasuki neraka Saqar kerana Kamu (Tuhan) telah menghendaki ka menjadi kafir!. Sedangkan Allah S.W.T bertanya di dalam firm Nya (Surah *al-Baqarah* 2:28) terjemahanya: '*Mengapa kamu (ja kafir (kepadaku?)*'. Justeru itu jikalau apa yang dikatakan oleh

Asy'ari itu betul, nescaya Tuhan tidak akan bertanya lagi kepada mereka kerana mereka telah dijadikan kafir olehNya. Sedangkan Dia juga berfirman (Surah *al-Zumar* 39:7): *'Dan Dia tidak meredhai kekafiran bagi hamba-hambaNya'*.

2. Ja'fari: Allah S.W.T tidak akan menyiksa seseorang hamba ke-rana perbuatanNya padanya dan tidak akan mencelanya.
   Al-Asya'irah: Allah S.W.T akan menyiksa seorang hamba di atas perbuatanNya, malah Dia menjadikan padanya kekafiran, kemudian menyiksanya (*al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 96).
   Oleh itu pendapat al-Asya'irah adalah bertentang dengan firman Tuhan (Surah *al-An'am* 6:164) terjemahannya: *'Dan tidaklah seorang membuat dosa melainkan kemudaratannya kembali kepada dirinya sendiri, dan seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain'*. Dan firmanNya (Surah *Fussilat* 41:46) terjemahannya: *'Dan sekali-kali tidaklah Tuhanmu menzalimi hamba-hamba(Nya)'*. Ayat-ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah S.W.T tidak akan menyiksa seseorang kerana perbuatan orang lain.
3. Ja'fari: Taklif adalah mendahului perbuatan.
   Al-Asya'irah: Taklif berlaku semasa melakukan perbuatan dan bukan sebelumnya (*al-Milal Wa n-Nihal*, I, hlm. 96). Ini bererti seorang itu tidak menjadi penderhaka (*asi*) kerana penderhakaan adalah menyalahi perintah. Dan jikalaulah penderhakaan tidak boleh berlaku melainkan semasa melakukan sesuatu, oleh itu masa penderhakaan ialah masa tidak melakukan sesuatu. Justeru itu dia (seorang) tidak ditaklifkan (dibebankan) pada masa itu. Jika tidak, taklif mestilah mendahului perbuatan dan ini adalah bertentangan dengan mazhab mereka. Walau bagaimanapun *al-'Isyan* (penderhakaan) telah berlaku menurut al-Qur'an, firmanNya (Surah *Taha* 20:93) terjemahannya: *'Maka apakah kamu telah (sengaja) menderhakai perintahKu?'*, firmanNya (Surah *al-Kahf* 18:69) terjemahannya: *'Dan aku tidak akan menderhaka (menentang) mu dalam sesuatu urusan'*, dan firmanNya (Surah *Yunus* 10:91) terjemahannya: *'Apakah sekarang (baru kamu percaya) pada hal sesungguhnya kamu telah derhaka sejak dahulu'*. Ayat-ayat tersebut menunjukkan bahawa taklif adalah mendahului perbuatan. Justeru itu pendapat al-Asya'irah adalah bertentangan dengan nas.
4. Ja'fari: Allah tidak menjadi kejahatan hamba-hambaNya, tetapi mereka sendiri yang melakukannya.
   Al-Asy'ari: Kejahatan hamba-hambaNya (*Sayi'at al-'Ibad*) dijadikan oleh Allah S.W.T dan mereka tidak ada pilihan. (al-Maqalat, I, hlm. 32; al-Ibanah, hlm. 10)
   Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firman

Tuhan (Surah *Fussilat* 41:46) terjemahannya: *'Barang siapa yang mengerjakan amal saleh maka (pahalanya) untuk dirinya sendiri dan barang siapa yang berbuat jahat maka (dosanya) atas dirinya sendiri dan sekali-kali tidaklah Tuhanmu menzalimi hamba-hamba(Nya)'* Ayat tersebut menerangkan bahawa kejahatan tidak dijadikan oleh Tuhan malah manusia yang melakukannya di atas pilihan mereka sendiri. Justeru itu pendapat al-Asy'ari tersebut adalah me-nyalahi nas

5. Ja'fari: *Qudrat* (kuasa) mendahului perbuatan.
   Al-Asy'ari dan al-Asya'irah: *Qudrat* tidak mendahului perbuatan malah ia bersama perbuatan. (*al-Ibanah*, hlm. 10;*al-milal wa n-Nihal*, I, hlm. 96) Ini bererti taklif di luar kemampuan, kerana orang kafir dibebankan (ditaklifkan) di luar kemampuan dengan keimanan Dan sekiranya ia mampu beriman semasa kafirnya, ini adalah bertentangan dengan mazhab mereka yaitu *Qudrat* bersama perbuatan, dan tidak mendahului perbuatan sebaliknya jika ia tidak mampu beriman bererti taklif di luar kemampuan. Sedangkan Allah S.W.T berfirman (Surah *al-Baqarah* 2:286) terjemahannya: *'Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya'*. Justeru itu Qudrat semasa melakukan sesuatu adalah ber-tentangan dengan akal dan nas.
6. Ja'fari: Allah S.W.T melakukan sesuatu kerana tujuan tertentu (*gharadh*) menurut hikmah dan kemuslihatan orang-orang yang ditaklifkan.
   Al-Asy'irah: Tidak harus bagi Allah S.W.T melakukan sesuatu kerana tujuan dan kemuslihatan tertentu, kembali kepada hamba-hambaNya (Fakhruddin al-Razi, *Mafatih al-Ghaib*, Cairo, 1962, XVII, hlm. 11). Ini mengimplikasikan bahawa terdapat perbuatanNya yang sia-sia. 'Oleh itu pendapat al- Asya'irah tersebut adalah menyalahi nas'.
7. Ja'fari: Allah S.W.T tidak membebankan (taklif) seseorang apa yang ia tidak mampu, kerana membebankan seorang apa yang ia tidak mampu adalah terkeluar daripada Hikmah (kebijaksanaan) Allah S.W.T. Oleh itu adalah tidak harus bagiNya membebankan seorang yang lumpuh terbang ke udara, menghimpunkan dua perkara yang berlawanan supaya berhimpun, mengembalikan hari kelmarin, menurunkan bulan dan matahari dan lain-lain.
   Al-Asya'irah: Allah S.W.T membebankan seseorang apa yang ia tidak mampu. (*al-Milal wan n-Nihal*, hlm. 96) Justeru itu pendapat al-Asy'irah adalah bertentangan dengan firman Tuhan (Surah *al-Baqarah* 2:286) terjemahannya: *'Sesungguhnya Allah tidak membebankan seseorang melainkan apa yang ia mampu,'* dan ianya juga bertentangan dengan firmanNya Surah al-*Kahf* 18:49, terjemahannya: *'Tuhan kamu tidak akan menzalimi seorang pun daripada kamu'*. Justeru itu pendapat al-Asya'irah adalah bertentang dengan nas.

Ja'fari: Nabi *Sawaw* menghendaki apa yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Dia benci apa yang dibencikan oleh Allah S.W.T dan ia tidak menyalahiNya di dalam masalah Iradah dan Karahah (kebencian).

Al-Asya'irah: Nabi *Sawaw* menghendaki apa yang dibencikan oleh Allah S.W.T. Dan ia membenci apa yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Kerana Allah S.W.T menghendaki kekafiran daripada orang kafir, kemaksiatan daripada orang yang melakukan maksiat, kejahatan daripada penjahat, kefasikan daripada orang yang fasik (*al-Ibanah*, hlm. 10;,*al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 96). Sedangkan Nabi *Sawaw* menghendaki ketaatan daripada mereka.

Justeru itu menurut al-Asya'irah adalah berlaku pertentangan di antara apa yang dikehendaki oleh Allah S.W.T dan apa yang dikehendaki oleh Nabi *Sawaw*. Oleh itu Allah S.W.T membenci ketaatan daripada orang fasik, iman daripada orang kafir, tetapi Nabi *Sawaw*. Sebaliknya menghendaki kedua-duanya.

Al-Asya'irah juga menyalahi di antara apa yang dibencikan oleh Allah S.W.T dan apa yang dibencikan oleh Nabi *Sawaw*. Lantaran itu mengikut al-Asya'irah, Allah S.W.T tidak menghendaki ta'at daripada orang yang melakukan maksiat, sebagaimana dikehendaki oleh Nabi *Sawaw*. Oleh itu pendapat al-Asya'irah adalah menyalahi firman Tuhan, (Surah *al-Isra'* 17:38) terjemahannya:'*Semua itu kejahatannya amat dibenci di sisi Tuhanmu*' dan firmanNya, (Surah *al-Zumar* 39:7) terjemahan '*dan Dia tidak meredhai kekafiran bagi hamba-hambaNya*'.

Ja'fari: Imamah dan Khilafah sebahagian daripada rukun Islam, dan ianya berlaku melalui nas.

Al-Asya'irah: Ianya bukanlah sebahagian daripada ugama (*al-Din*). Dan ianya berlaku melalui *al-ittifaq* (persetujuan) atau *al-iktiyar* (pemilihan). (*al-Milal Wa n-Nihal*, I, hlm. 103). Oleh itu persoalan siapakah yang lebih berhak Khalifah tidaklah penting. Tetapi apa yang lebih penting baginya ialah siapakah yang telah memegang jawatan Khalifah dengan cara tersebut. Dan ianya tidak ada kaitan dengan nas. Justeru itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan beberapa ayat al-Qur'an yang tidak memisahkan (Imamah) politik dengan ugama, firmanNya, (Surah *al-Baqarah* 2:124) terjemahannya:'*Sesungguhnya Aku akan menjadikan kamu imam bagi seluruh manusia'. Ibrahim berkata: Saya mohon juga dari keturunanku*". Allah berfirman: '*Janjiku ini tidak meliputi orang yang zalim*'. Dan firmanNya (Surah *al-Nisa'* 4:59) terjemahannya:'*Hai orang yang beriman, taatilah Allah, dan taatilah RasulNya dan Uli l-Amr daripada kamu*', kedua-dua ayat tersebut menunjukkan bahawa politik (*Imamah*) tidak terpisah daripada ugama, ke-rana Dia mewajibkan ketaatan ke-

pada Uli I-Amr sebagaimana Dia mewajibkannya kepada rasul] ke atas umatnya. Justeru itu pendapat al-Asy'ari yang memisah politik (*Imamah*) dan ugama adalah bertentangan dengan nas.

10. Ja'fari: Tidak mengakui kepimpinan orang yang tidak ada istiqaı dengan berpandukan al-Qur'an.

    Al-Asy'ari: Mengakui kepimpinan mereka sekalipun tidak ada tiqamah (zalim) dan sekali-kali tidak boleh menentang mereka se kekerasan, malah memadailah dengan berdoa untuk kebaikan mer (*al-Ibanah*, hlm. 12:11-*Maqalat*, I,hlm. 324). Lantaran itu pend: al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firman Tuhan, (Surah 11:113) terjemahannya: 'Dan firmanNya, (Surah *al-Nisa'* 4:59) jemahannya: '*Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah RasulNya dan Uli I-Amr daripada kamu.* '. Uli I-Amr y wajib ditaati selepas rasulnya ialah orang yang ada istiqamah, bukan pelaku kezaliman. Lantaran itu tidak hairanlah jika pendapat al-As diterima oleh pemerintah dan dijadikan akidah negara di se-panj abad.

11. Ja'fari: Penentangan kepada segala bentuk kezalimam sekali melibatkan peperangan adalah berterusan dengan apa cara sekali kerana ianya adalah tuntutan Allah dan RasulNya.

    Al-Asy'ari: Peperangan (penentangan) di dalam keadaan fit hendaklah ditinggalkan(*Tark al-Qital Fi l-Fitnah*). (*al-Ibanah*, I 12).

    Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan fir Tuhan (Surah *al-Baqarah* 2:193) terjemahannya: '*Dan perang mereka itu, sehingga tidak ada fitnah lagi...*' Dan firmanNya, (Sı *al-Hujurat* 49:9) terjemahannya: '*Perangilah golongan y melakukan kezaliman itu sehingga golongan itu kembali kep perintah Allah*'. Justeru itu pendapatnya adalah menyalahi nas.

12. Ja'fari: Tidak sah sembahyang di balakang Fajir (orang yang derl kepada Allah).

    Al-Asy'ari: Sah sembahyang di belakang fajir. Beliau berpegang pada perbuatan Abdullah bin 'Umar yang telah mengerjakan s bahyang di belakang al-Hajjaj (*al-Maqalat*, I, hlm. 324; *al-Ibanah*, l 12). Bagi al-Asy'ari al-Hijjaj adalah seorang fajir dan Abdullah Umar adalah seorang birr (yang baik). Walau bagaimanapun apa y dilakukan oleh Abdullah bin 'Umar tidak boleh dijadikan dalil bukti sahnya sembahyang di belakang fajir. Kerana ianya berten gan dengan firmanNya, (Surah *al-Infitar* 82: terjemahannya:'*Sesungguhnya Fujjar (orang-orang yang derh benar-benar berada dalam neraka,*' dan firmanNya, (Surah 11:113) terjemahannya: '*Dan janganlah kamu cenderung kep*

orang yang zalim (fajir), maka kamu akan disentuh api neraka', Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah menyalahi nas.

13. Ja'fari: Sahabat ada yang baik ada yang jahat dan ada yang munafiq berdasarkan nas. Oleh itu mereka mestilah dinilai dengan al-Qur'an dan Sunnah Nabi *Sawaw* yang tidak ber-tentangan dengan al-Qur'an secara keseluruhan. Segala pujian atau celaan Tuhan kepada mereka adalah daripada Sifat *fi'l* mereka yang (sementara), bukan daripada sifat *Dhat* yang kekal. Lantaran itu ianya tergantung di atas kelakuan mereka, sama ada menyalahi nas atau pun tidak.

    Al-Asy'ari: Kepatuhan kepada semua Sahabat (*Sa'ir ashab al-Nabi*). (*al-Ibanah*, hlm. 12) Kenyataaan al-Asy'ari, memberi implikasi:

    (a) Sahabat semuanya menjadi ikutan. Tidak ada perbezaan di antara Sahabat yang mematuhi nas, dan Sahabat yang menyalahi nas.

    (b) Mentakdiskan Sahabat tanpa mengguna penilaian al-Qur'an, sedangkan banyak terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang mencela perbuatan mereka, kerana mereka menyalahi nas. (lihat umpamanya Surah *Juma'at* 62:11)

    (c) Mengutamakan pendapat Sahabat daripada hukum Allah S.W.T seperti hukum seorang yang menceraikan isterinya tiga kali dengan satu lafaz, jatuh satu menurut al-Qur'an. (Surah *al-Baqarah* 2:229) terjemahannya: *'Talak (yang dapat dirujuk) dua kali'*. Tetapi apabila Khalifah Umar mengatakan ianya jatuh tiga (al-Sayuti, *Tarikh al-Khulafa'*,hlm. 137), al-Asya'irah menerimanya dan dijadikannya 'hukum' yang sah sekalipun ianya menyalahi nas (al-Farq, hlm. 301).

    (d) Mengutamakan Sunnah Sahabat daripada Sunnah Nabi *Sawaw* seperti membuang perkataan *'Hayy 'ala Khairi l-'Amal'* di dalam azan dan *iqamah* oleh Khalifah 'Umar, sedangkan pada masa nabi ianya sebahagian daripada azan dan *iqamah*. Begitu juga Khalifah Umar telah menambah perkatan *'al-Salah Khairun mina l-Naum'* (al-Halabi, *al-Sirah*, Cairo 1960, II, hlm. 110).

    (e) Kehormatan Sahabat tidak boleh disentuhi oleh al-Qur'an, kerana mereka berkata: Semua Sahabat adalah adil walaupun menyalahi nas.

    (f) Menilai kebenaran Islam menurut pendapat atau kelakuan Sahabat, dan bukan al-Qur'an dan Sunnah Nabi *Sawaw* yang sebenar. Mereka berkata kebenaran berada di lidah 'Umar. Lantaran itu mereka berpegang kepada pendapat Khalifah 'Umar yang mengatakan dua orang saksi lelaki di dalam talak tidak dijadikan syarat jatuhnya talak. Sedangkan Allah S.W.T berfirman dalam Surah *al-Talaq* 65:3, terjemahannya:*'dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil'*. Mereka juga berkata: "Iman Abu

Bakar jika ditimbang adalah lebih berat daripada iman umat in
Sekiranya iman Khalifah Abu Bakar itu lebih berat daripa
iman keseluruhan umat ini termasuk iman Khalifah 'Umar d
'Uthman, kenapa tidak dijadikan kebenaran itu pada lidah A
Bakar? Di tempat yang lain pula mereka berkata "Nabi *Saw*
tidak segan malu kepada Abu Bakar dan 'Umar tetapi beli
malu kepada Uthman". Persoalannya, kenapa Nabi *Sawaw* t
ak malu kepada orang yang paling berat imannya di dalam un
ini? Dan kenapa nabi tidak malu kepada orang yang mempu
yai lidah kebenaran? Pendapat-pendapat tersebut telah d
andarkan kepada Nabi *Sawaw* dan al-Qur'an.

(g) Meletakkan Islam ke atas Sahabat bukan Rasulullah *Saw*
mereka berkata: Jika Sahabat itu runtuh, maka runtuhlah Isl
keseluruhannya mereka jadikannya 'akidah' sedangkan Sahal
sendiri telah bergaduh, caci mencaci dan berperang sesar
mereka.

(h) Mengamalkan hukum-hukum Sahabat (Ahkamu-hum) dan S
rah-sirah mereka adalah menjadi Sunnah Ahlu s-Sunnah (
Baghdadi, *al-Farq baina l-Firaq*, hlm. 309), sekalipun ian
bertentangan dengan nas. Kerana 'bersetuju' dengan Sahal
adalah menjadi lambang keme-gahan mereka. Mereka berka
lagi: 'Kami tidak dapati hari ini golongan umat ini yang be
setuju atau menyokong Semua Sahabat selain daripada Ahlu
Sunnah wa l-Jama'ah (Ibid, hlm. 304). Lantaran itu Ahlu
Sunnah adalah mazhab yang memetingkan 'persetujuan' de
gan Sahabat sekalipun Sahabat menyalahi nas.

(i) Mempertahankan Sahabat yang menyalahi nas dengan berbag
cara sekalipun. Jika seorang pengkaji ingin mengetah
kedudukan sebenar seseorang sahabat itu sebagaimana dica
di dalam buku-buku muktabar, mereka berkata: "Ini adalah sua
cacian kepada sahabat sekalipun ianya telah ditulis oleh oran
orang yang terdahulu. Mereka berkata lagi: "Kajian terseb
adalah merbahaya dan ianya merupakan barah kepada 'akida
masya-rakat". Nampaknya mereka sendiri tidak dapat meni
bahan-bahan ilmiah sekalipun mereka berada di institusi-ins
tusi pengajian tinggi. Sebaliknya apa-apa bahan ilmiah ya
mencatatkan sahabat tertentu yang melakukan perkara-perka
yang menyalahi al-Qur'an, mereka menganggapnya pula sebag
cerita dongeng atau 1001 malam. Lihatlah bagaimana mere
menjadikan sahabat sebagai akidah mereka walhal ianya b
kanlah dari rukun Islam dan rukun Iman! Akhir sekali mere
menyuruh 'pihak berkuasa" supaya mengambil tindakan, ker

na khuatir mereka tidak begitu mampu lagi untuk mempertahankan `akidah' mereka yang bertentangan dengan al-Qur'an. Oleh itu pihak berkuasa terus menerima cadangan tersebut, dan diletakkan pengkaji tersebut di kandang orang salah. Sebenarnya mereka tidak mahu tunduk kepada kebenaran al-Qur'an dan keadaan sebenar `umat manusia'. Mereka menganggapnya sebagai barah pada hakikatnya itulah penawar. Tetapi ianya tidak dapat diketahui dan dinilai oleh orang yang tidak mempunyai fikiran yang luas dan mendalam. Wahai Tuhanku! Di manakah keadilan di dunia ini!.

4. Ja'fari: Memihak kepada Sahabat yang benar di dalam semua perkara.
   Al-Asy'ari: Berkecuali, tidak memihak kepada mana-mana sahabat sekiranya berlaku pertelingkahan atau peperangan di kalangan mereka. (*al-Ibanah*, hlm. 12. *al-Maqalat*, II, hlm. 324). Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firman Tuhan (Surah *al-hujurat* 49:9) terjemahannya: '*Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin berperang, maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah*', dan ianya juga bertentangan dengan firmanNya (Surah *Hud* 11:113) terjemahannya: '*Dan janganlah kamu cenderong kepada orang-orang yang zalim, maka kamu akan disentuh api neraka* ' Lantaran itu pendapat al-Asy'ari adalah menyalahi nas kerana tidak ada pengecualian di dalam menyokong kebenaran.
5. Ja'fari: Allah tidak dapat dilihat di dunia dan di akhirat kerana Dia bukan jisim dan setiap yang bukan jisim tidak dapat dilihat.
   Al-Asy'ari: Allah dapat dilihat di akhirat firmanNya, (Surah *al-Qiyamah* 75:22-23) terjemahannya: '*Wajah-wajah pada hari itu berseri-seri kepada Tuhannyalah ia (Wajah-wajah) melihat*'. Al-Asy'ari mengatakan Allah dapat dilihat di akhirat seperti dilihatnya bulan penuh purnama (*al-Ibanah*, hlm. 10; *al-Maqalat*, I, hlm. 321).
   Sebenarnya ayat yang dipegang oleh al-Asy'ari itu adalah ayat Mutasyabihah, oleh itu ianya hendaklah dirujuk kepada ayat Muhkamah iaitu firmanNya, (Surah *al-An'am* 6:103) terjemahannya: '*Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan, sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan Dialah yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui*'. Dan juga ianya hendaklah dirujuk kepada firmanNya, (Surah *al-A'raf* 7:143) terjemahannya: '*Dan tatkala Musa datang pada waktu yang telah kami tentukan dan Tuhan telah berfirman (langsung) kepadanya, berkatalah Musa: "Ya Tuhanku, nampakkan (diri*

Engkau) kepadaku agar aku dapat melihat kepada Engkau". Tuh berfirman 'Kamu sekali-kali tidak dapat melihatku (Lan tarani), tetc lihatlah ke bukit itu, maka jika ia tetap di tempatnya nescaya kar dapat melihat Ku" Tatkala Tuhannya nampak bagi bukit itu ma bukit itu hancur lebur dan Musa pun jatuh pengsan '.

Ayat tersebut menunjukkan:

(a) Allah tidak dapat dilihat kerana Tuhan berfirman 'Se-kali-k kamu tidak akan melihatKu'.

(b) Allah mengaitkan 'penglihatan' kepada perkara yang mustal iaitu sekiranya bukit itu tetap. Tetapi terbukti ianya hancur le ur.

(c) Permintaan Musa untuk melihat Tuhan adalah di atas desak kaumnya, sebagaimana firmanNya, (Surah *al-Nisa'* 4:153): '*Ai Kitab meminta kepadamu agar kamu menurunkan kepa mereka sebuah kitab dari langit. Maka sesungguhnya mere telah meminta kepada Musa yang lebih besar dari itu. mere berkata perlihatkanlah Allah kepada kami dengan nyata*'. Ma mereka disambar petir kerana kezaliman. Lantaran itu Allah tid dapat dilihat di dunia dan di akhirat.

16. Ja'fari: Amalan baik (taat) seorang mukmin berhak diberi paha jikalau tidak, ianya menjadi sia-sia dan kezaliman dikaitkan kepa Allah S.W.T.

Al-Asy'ari: Amalan baik yang dilakukan oleh seorang mukmin b lum tentu mendapat pahala daripada Allah S.W.T. Sebaliknya ia bol dimasukkan ke neraka tanpa mengira kebaikannya. Dan Tuhan pu tidak boleh dikatakan zalim jika Dia berbuat demikian (*al-Maqalat* hlm. 322;*al-Milal wa n-Nihal*, I, hlm. 101).

Ini bererti orang yang paling tinggi takwanya seperti Nabi *Sawa* belum pasti ianya ke Syurga atau orang yang paling jahat sepe Fir'aun belum tentu dia dimasukkan ke neraka. Lantaran itu pendap al-Asy'ari adalah bertentangan dengan firmanNya, (Surah *al-Qas* 28:84) terjemahannya: '*Barangsiapa yang datang dengan (membaw kebaikan, maka baginya (pahala) yang lebih baik daripada k baikannya'*. Dan firmanNya, (Surah *al-An'am* 6:16 terjemahannya:'*Barangsiapa membawa amal yang baik maka bagi ya (pahala) sepuluh kali ganda, dan barangsiapa yang membav perbuatan yang jahat maka dia tidak memberi pembalasan melaink seimbang dengan kejahatannya'*. Oleh itu pendapat al-Asy'ari tid memberangsangkan seseorang mukmin supaya melakukan amal yang lebih baik kerana belum pasti, dia akan mendapat pahala. Seb liknya ia memerangsangkan orang fasik untuk meningkatkan k fasikannya kerana belum pasti, dia akan dimasukkan ke neraka.

Ja'fari: Perbuatan manusia bukan *al-Jabr* (terpaksa menurut apa yang telah 'ditetap'kan oleh Allah S.W.T) dan bukan juga *al-Tafwidh* (Diberi kebebasan mutlak) tetapi ianya di antara kedua-duanya.
Al-Asy'ari berpegang kepada (Surah *al-Saffat* 37:96) terjemahannya: *'Dan Allah telah menjadikan kamu dan apa yang kamu buat'*. Sebenarnya ayat tersebut adalah menunjukkan keingkaran Allah S.W.T terhadap perbuatan penyembah-penyembah berhala kerana mereka mengukir berhala-berhala mereka dari batu dan kayu kemudian menyembahnya pula. Sedangkan kayu-kayu dan batu-batu tersebut adalah kejadian Allah S.W.T. Dan ianya bukanlah menunjukkan bahawa perbuatan manusia adalah dijadikan Allah S.W.T. Dan jikalau ianya sebagai-mana yang dikatakan oleh al-Asy'ari ini bererti Tuhan tidak akan menyiksa hamba-hambaNya, (Surah *al-An'am* 6:160) terjemahannya: *'Barang siapa membawa amal yang baik, maka baginya (pahala) sepuluh kali ganda amalannya dan barangsiapa yang membawa amal yang jahat, maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya. Sedangkan mereka sedikit pun tidak dianiayai (dirugikan)* ". Oleh itu jika seseorang itu dipaksa (*majbur*) di dalam perbuatanya, nescaya ia mempunyai hujah yang kuat di hadapan Allah S.W.T apabila Dia mahu menyiksanya di atas perbuatan maksiat-nya yang telah dikehendaki oleh Allah S.W.T kerana dia tidak diberi pilihan untuk tidak melakukannya.
Kerumitan yang dihadapi oleh al-Asy'ari mengenai "perbuatan manusia adalah perbuatan Allah S.W.T". agak ketara dan dia cuba mencipta teori *al-kasb* atau *al-iktisab* (usaha), tetapi ia bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah, malah ianya bertentangan dengan formulanya sendiri, kekafiran dan kejahatan dikehendaki Allah. Beliau memberi definisi *al-iktisab* sebagai perbuatan yang dilakukan oleh seorang dengan kuasa yang baru (*qudrah muhdathah*) selepas Allah S.W.T menjadikan perbuatan tersebut (*al-Maqalat*, hlm. 199;al-Asy'ari, *al-Luma'*, Cairo, 1955, hlm. 97). Atau Allah menjadikan perbuatan dan seseorang itu (*al-`Abd*) berusaha (*muktasib*) untuknya'. (*al-Milal Wa n-Nihal*, I, hlm. 96).
Persoalannya bagaimana seorang itu dapat melakukan *al-kasb* (usaha) menurut pilihannya sedangkan usahanya (*al-kasb*) itu sendiri adalah penerusan daripada perbuatan Allah S.W.T yang telah menetapkan kekafiran, kefasikan dan kejahatan hamba-hambaNya? Oleh itu, teori *al-kasb* atau *al-iktisab* yang diciptakan oleh al-Asy'ari kemudian diikuti pula oleh al-Asy'irah (al-Baghdadi, al-*Farq baina l-Firaq*, hlm. 328) nam-paknya tidak dapat melepaskan mereka daripada fahaman Jabariyyah (al-Allamah Ja'far al-Subhani, *Ma'alim al-Tauhid*, Tehran 1980, hlm. 308). Kerana mereka percaya bahawa tidak ada *mu'athir*

(pelaku) yang sebenar selain daripada Allah S.W.T.
Justeru itu perbuatan manusia bukanlah *al-Jabr* (terpaksa menurut ap yang telah ditetapkan Allah S.W.T) dan bukan juga *al-Tafwidh* (dibe kebebasan mutlak), tetapi ianya diantara kedua-duanya. Lantaran it Imam Ridha A.S. berkata: "Sesiapa yang menyangka bahawa Alla membuat perbuatan kita, kemudian Dia menyiksa kita, kerana pe buatanNya, maka dia telah berkata (fahaman) Jabariyyah dan sesiap yang berkata bahawa Allah telah menyerahkan perbuatan dan rezl kepada manusia, maka dia berkata dengan (Fahaman) *al-Tafwid* (Mu'tazilah) (*Akhbar `Uyun al-Ridha*, Tehran, 1980, hlm. 325). Ole itu manusia mestilah melakukan amalan yang baik untuk mendapatka ganjaran sebagai-mana dijanjikan olehNya. Sebaliknya manusi mestilah menjauhkan amalan maksiat kerana dengannya ia disiksa Imam Musa Kazim A.S. berkata: "Maksiat sama ada datang daripad Allah, justeru itu hamba tiada kaitan dengannya, dan Dia tidak aka menyiksa hambaNya. Atau ianya daripada hambanya. Atau iany bersyarikat dengan Allah S.W.T. Oleh itu sekutu yang lebih kuat (Alla S.W.T.) tidak akan menyiksa sekutunya yang lebih lemah (manusia dengan dosa yang mereka berdua lakukan bersama (Yusuf al-Najaf *al Aqa'id al-Ima- miah*, Najaf, 1982, hlm. 64).

Di sini dipeturunkan sebahagian daripada ayat-ayat al-Qur'an yang bertentangan dengan akidah-akidah al-Asy'ari dan al-Asya'irah atau akidah akidah Ahli Sunnah Wa l-Jama'ah secara langsung seperti berikut:

PERTAMA: Ayat-ayat yang menunjukkan celaan kepada hamba-hambanya kerana kekafiran dan kemaksiatan.

1- 1. FirmanNya (Surah *al-Baqarah* 2:20) terjemahannya:'*Mengapa kamu (jadi) kafir (kepadaku?)*' Keingkaran dan celaan kepada orang yang lemah atau tidak mampu beriman ke-padaNya adalah mustahil.

2- 2. FirmanNya (Surah *al-Kahf* 18:55) terjemahannya:'*Dan tidak ada sesuatupun yang menghalangi manusia dari beriman, ketika pertunjuk telah datang kepada mereka*'. Bagaimana Dia mencela orang kafir jika mereka tidak mampu beriman.

3- 3. FirmanNya (Surah *al-Nisa'* 4:39) terjemahannya:'*Apakah kemudaratannya bagi mereka kalau mereka beriman kepada Allah*'.

4- 4. FirmanNya (Surah Sad 38:75) terjemahannya:'*Apakah yang menghalang kamu sujud*'.

5- 5. FirmanNya (Surah *Taha* 20:92) terjemahannya:'*Apa yang menghalang kamu ketika kamu melihat mereka telah sesat*'.

6- 6. FirmanNya (Surah *al-Muddathir* 74:49) terjemahannya:'*Maka mengapa mereka (orang-orang kafir) berpaling dari peringatan (Allah)?*

7- 7. FirmanNya (Surah *al-Insyiqaq* 84:20) terjemahannya:'*Me-ngapa mereka tidak mahu beriman*'. FirmanNya (Surah *al-Taubah* 9:43) terjemahannya:'*Semoga Allah memaafkan kamu. Mengapa kamu memberi izin kepada mereka (untuk tidak pergi berperang)*'.

8- 8. FirmanNya (Surah *al-Tahrim* 66:1) terjemahannya:'*Mengapa kamu mengharamkan apa yang Allah menghalalkannya bagimu*'. Bagaimana harus Dia berkata: Mengapa kamu lakukan? Sedangkan dia tidak melakukannya.

9- 9. FirmanNya (Surah *Ali Imran* 3:71) terjemahannya:'*Mengapa kamu mencampuradukkan yang haq dengan yang batil*'.

10-10. FirmanNya (Surah *Ali Imran* 3:99) terjemahannya:'*Mengapa kamu menghalang-halangi dari jalan Allah...?*'

Lantaran itu tidak hairanlah jika al-Sahib bin 'Ubbad (w.995 M.) Perdana Menteri di bawah Muayyid al-Daulah berkata: Bagai-mana Dia menyuruh seorang supaya beriman tetapi Dia tidak menghendakinya? Dia melarang kemungkaran dan Dia menghendaki-nya? Dia menyiksa orang yang melakukan kebatilan sedangkan Dia telah menetapkannya? Bagaimana Dia memalingkannya daripada keimanan? Sedangkan Dia berfirman (Surah *Yunus* 10:32) terjemahannya:'*Maka bagaimanakah kamu dipalingkan (dari kebenaran)?* Dia menjadikan pada mereka kekafiran kemudian Dia berfirman (Surah *al-Baqarah* 2:28) terjemahannya:'*Mengapakah kamu (jadi) kafir (kepadaku?)*'. Dia mencampuradukkan kebatilan pada mereka, kemudian Dia berfirman (Surah *Ali Imran* 3:71) terjemahannya:'*Mengapa kamu mencampuradukkan yang haq dengan yang batil?*'

Dia telah menghalangi mereka dari jalan yang benar. Kemu-dian dia berfirman (Surah *Ali Imran* 3:99) terjemahannya:'*Mengapa kamu menghalang -halangi dari jalan Allah?*'

Dia telah mendindingkan mereka daripada keimanan kemudian Dia berfirman (Surah *al-Nisa'*4:39) terjemahannya:'*Apakah kemu-dharatannya bagi mereka, kalau mereka beriman kepada Allah?*'

Dia menghilangkan kewarasan mereka, kemudian berfirman (Surah *al-Takwir* 81:26) terjemahannya:'*Maka kemanakah kamu akan pergi?*'

Dia menyesatkan mereka daripada ugama sehingga mereka berpaling kemudian Dia berfirman (Surah *al-Muddathir* 74:49) terjemahannya:'*Maka mengapa mereka (orang-orang kafir) berpaling dari peringatan (Allah)?*'

KEDUA: Ayat-ayat yang menunjukkan pilihan hamba-hamba pada perbuatan-perbuatan mereka dengan kehendak mereka sendiri:

11- 1. FirmanNya (Surah *al-Kahf* 18:29) terjemahannya:*'maka barangsiapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman dan barangsiapa yang ingin (kafir) biarlah ia kafir'.*

12- 2. FirmanNya (Surah *Fussilat* 41:40) terjemahannya:*'perbuatlah apa yang kamu kehendaki'.*

13- 3. FirmanNya (Surah *al-Taubah* 9:105) terjemahannya:*'Bekerjalah kamu, maka Allah dan rasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu'.*

14- 4. FirmanNya (Surah *al-Muddathir* 74:37) terjemahannya:*'bagi siapa diantaramu yang berkehendak akan maju atau mundur'.*

15- 5. FirmanNya (Surah *Abasa* 80:12) terjemahannya:*'Maka barangsiapa yang menghendaki, tentulah ia memperhatikannya'.*

16- 6. FirmanNya (surah *al-Muzzammil* 73:19) terjemahannya:*'Maka barangsiapa yang menghendaki nescaya ia menempuh jalan (yang menyampaikannya) kepada Tuhannya'.*

17- 7. FirmanNya (Surah *al-Naba*' 78:39) terjemahannya:*'Maka barang siapa yang menghendaki, nescaya ia menempuh jalan (yang menyampaikannya) kepada Tuhannya'.*

Dan sesungguhnya Allah Ta'ala mengingatkan orang yang menafikan kemahuan (*al-masyi'ah*) daripada diri mereka dan mengaitkannya kepada Allah Ta'ala:

18- 8. FirmanNya (Surah *al-An'am* 6:148) terjemahannya:*'Orang-orang yang mempersekutukan Tuhan, akan mengatakan: Jika Allah menghendaki, nescaya kami tidak mempersekutukannya'.*

19- 9. FirmanNya (Surah *al-Zukhruf* 43:20) terjemahannya:*'dan mereka berkata: Jika Allah Yang Maha Pemurah meng-hendaki tentulah kami tidak menyalah mereka (malaikat)'.*

KETIGA: Ayat-ayat yang menyuruh hamba-hamba melakukan amalan-amalan dan bersegera melakukannya:

20- 1. FirmanNya (Surah *Ali Imran* 3:133) terjemahannya:*'dan bersegeralah kamu kepada keampunan dari Tuhanmu'.*

21- 2 FirmanNya (Surah *al-Ahqaf* 48:3)1 terjemahannya:*'Sahutilah (seruan) orang-orang yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepadaNya'.*

22- 3. FirmanNya (Surah *al-Anfal* 98:24) terjemahannya:*'Sahutlah seruan Allah dan Rasul'.*

23- 4. FirmanNya (Surah *al-Hajj* 22:77) terjemahannya:*'Hai orang-orang yang beriman, ruku'lah kamu, sujudlah kamu'.*

24- 5. FirmanNya (Surah *al-Baqarah* 2:21) terjemahannya:*'Sembahlah*

Tuhanmu'.

25- 6. FirmanNya (Surah *al-Isra'* 17:107) terjemahannya:*'Berimanlah kamu kepadaNya'.*

26- 7. FirmanNya (Surah *al-Zumar* 39:55) terjemahannya:*'dan ikutilah sebaik-baik apa yang telah diturunkan kepadamu'.*

27- 8. FirmanNya (Surah *al-Zumar* 39:54) terjemahannya:*'dan kembalilah kamu kepada Tuhanmu'.*

Bagaimana Dia menyuruh melakukan ketaatan dan bersegera kepadanya sedangkan orang yang disuruh itu ditegah, tidak mampu untuk melakukannya?

KEEMPAT; Ayat-ayat yang memberangsangkan supaya memohon pertolongan dengannya:

28- 1. FirmanNya (Surah al-Fatihah 1:5) terjemahannya:'Hanya Engkaulah yang kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan'.

29- 2. FirmanNya (Surah *al-Nahl* 16:98) terjemahannya:*'Mintalah kamu perlindungan kepada Allah dari Syaitan yang terkutuk'.*

30- 3. FirmanNya (Surah *al-A'raf* 7:128) terjemahannya:*'Mohonlah pertolongan kepada Allah'.*

Sekiranya Dia telah menjadikan kekufuran dan kemaksiatan sebagaimana didakwa oleh al-Asya'irah atau Ahli Sunnah wa l-Jama'ah, bagaimana pertolongan dan perlin-dungan diminta daripadaNya?

KELIMA; Ayat-ayat yang menunjukkan sandaran perbuatan kepada hamba:

31-1. FirmanNya (Surah *Maryam* 19:37) terjemahannya:*'Maka kecelakaan bagi orang-orang kafir'.*

32-2. FirmanNya (Surah *al-Baqarah* 2:79) terjemahannya:*'Maka kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis al-Kitab dengan tangan mereka'.*

33- 3. FirmanNya (Surah al-An'am 6:148) terjemahannya: '*Kami tidak mengikuti kecuali sangkaan belaka'.*

34- 4. FirmanNya (Surah *al-Anfal* 8:53) terjemahanya '*Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya Allah sekali-kali tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dianuge-rahkan kepada sesuatu kaum, hingga kaum itu mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri'.*

35- 5. FirmanNya (Surah *Yusuf* 12:18) terjemahannya:*'Sebenar-nya diri kamulah yang memandang baik perbuatan (buruk) itu, maka kesa-*

baran yang baik itulah (kesabaranku)'.

36- 6. Firmannya (Surah *al-Ma'idah* 5:30) terjemahannya:*'Maka haw, nafsu Qabil menjadikannya menganggap mudah membunuh sau daranya, sebab itu dibunuhnyalah'.*

37- 7. FirmanNya (Surah *al-Tur* 52:12) terjemahannya:*'Tiap-tiap manu sia terikat dengan apa yang dikerjakan'.*

38- 8. Firmannya (Surah *al-nisa'* 4:123) terjemahannya:*'Barangsiap, yang mengerjakan kejahatan nescaya akan diberi pembalasa, dengan kejahatannya itu'.*

39- 9. FirmanNya (Surah *Ibrahim* 14:22) terjemahannya:*'Sekali-kali tid ak ada kekuasaan bagiku terhadapmu, melainkan (sekadar) ak, menyeru kamu lalu kamu mematuhi seruanku'.*

40-10. FirmanNya (Surah *al-Kahf* 18:7) terjemahannya:*'Agar kam menguji mereka siapakah diantara mereka yang terbaik perbua tannya'.*

41-11. FirmanNya (Surah *al-Jathiah* 45:21) terjemahannya:*'Apakah orang orang yang membuat kejahatan itu menyangka bahawa kami aka, menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman da, mengerjakan amal yang saleh?'*

42-12. FirmanNya (Surah *al-Sad* 38:28) terjemahan *'Patutkah kam menganggap orang-orang yang beriman dan mengerjakan ama yang saleh sama dengan orang-orang yang berbuat kerosakan d muka bumi? Patutkah (pula) kami menganggap orang-orang yang bertakwa sama dengan orang-orang yang berbuat baik?'*

43-13. FirmanNya (Surah *al-Najm* 53:31) terjemahannya:*'Dia member, balasan kepada orang-orang yang berbuat jahat terhadap apa yang mereka telah kerjakan dan memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik dengan pahala yang lebih baik (syurga)'.*

44-14. FirmanNya (Surah *Fussilat* 41:46) terjemahannya:*'Barangsiapa mengerjakan amal saleh, maka (pahalanya) untuk dirinya sendiri dan barangsiapa yang berbuat jahat maka (dosanya) atas dirinya sendiri'.*

45-15. FirmanNya (Surah *Taha* 20:82) terjemahannya:*'dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun bagi orang yang bertaubat beriman beramal saleh kemudian tetap dijalan yang benar'.*

Bagaimana Dia menyuruh dan melarang tanpa orang melakukannya? Jikalau begitu keadaanya, maka ianya sepertilah menyuruh dan melarang *al-Jamad* (benda yang tidak bergerak)! nabi *Sawaw* bersabda: "*Niat seorang mukmin adalah lebih baik daripa-da amalannya* (al-muttaqi al-Hindi, *kanz al-'Ummal*, III, hlm. 242).

KEENAM;Ayat-ayat yang menunjukkan pengakuan para nabi ke atas amalan-amalan mereka:

46- 1. FirmanNya (Surah *al-A'raf* 7:23) terjemahannya:'*Ya Tuhan kami, kami telah menganaya diri kami sendiri'.*

47- 2. FirmanNya (Surah *al-Anbiya'* 21:87) terjemahannya:'*Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim'.*

48- 3. FirmanNya (Surah *al-Qasas* 28:16) terjemahannya:'*Ya Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diriku sendiri'.*

49- 4. FirmanNya (Surah *Yusuf* 12:18) terjemahannya:'*Sebenarnya dirimu sendirilah yang memandang baik perbuatan (yang buruk) itu'.*

50- 5. FirmanNya (Surah *Yusuf* 12:100) terjemahannya:'*Setelah syaitan merosakkan (hubungan) antaraku dan saudara-saudaraku'.*

51- 6. FirmanNya (Surah *Hud* 11:47) terjemahannya:'*Nuh berkata: 'Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari memohon kepada Engkau seperti yang aku tiada mengetahui (hakikat)nya'.*

Ayat-ayat di atas menunjukkan pengakuan para nabi A.S. di atas perbuatan-perbuatan mereka dan merekalah yang melakukannya, tidak sebagaimana pendapat al-Asya'irah atau Ahlu s-Sunnah Wa I-Jama'ah yang menyatakan Allah telah menjadi perbuatan-perbuatan mereka sehingga mereka tidak mempunyai pilihan. Pengakuan kesalahan tersebut adalah dari bab "*Hasanat al-Abrar Sayyi'at al-Muqarrabin*".

KETUJUH: Ayat-ayat yang menunjukkan pengakuan orang-orang kafir dan penderhaka di atas perbuatan mereka:

52- 1. FirmanNya (Surah *Saba'* 34:31-32) '*Kalau kamu lihat ketika orang-orang yang zalim itu dihadapkan kepada Tuhan mereka..."Kamilah yang telah menghalangi kamu dari petunjuk sesudah petunjuk itu datang kepadamu? Sebenarnya kamu sendirilah orang-orang yang berdo*sa".

53-2. FirmanNya (Surah al-Muddathir 74:43-46) terjemahannya:'*Apakah yang memasukkan kamu ke dalam neraka Saqar?' Mereka menjawab "Kami dahulu tidak termasuk orang-orang yang mengerjakan sembahyang".*

FirmanNya (Surah *al-Mulk* 67:8-9) terjemahannya:'*Setiap kali dilemparkan ke dalam sekumpulan (orang-orang kafir), penjaga-penjaga (neraka itu) berıanya kepada mereka: 'Apakah belum pernah datang kepada kamu (di dunia) seorang pemberi peringatan?' Mereka menjawab: "benar ada", sesungguhnya telah datang ke-*

pada kami seorang pemberi peringatan maka kamu mendusta kanya'.

54- 3. FirmanNya (Surah *al-A'raf* 7:37) terjemahanya *'Maka siapaka yang lebih zalim daripada orang yang membuat-buat dusta terha dap Allah atau mendustakan ayat-ayatNya? Orang-orang itu aka memperolehi bahagian mereka di dalam al-kitab'.*

55- 4. FirmanNya (Surah *al-A'raf* 7:39) terjemahannya: *'Maka rasakan lah siksaan kerana perbuatan yang telah kamu lakukan'.*

KELAPAN; Ayat-ayat yang menunjukkan dukacitanya orang-oran kafir di Hari Akhirat di atas kekufuran mereka dan menuntut supay dikembalikan ke dunia:

56- 5. FirmanNya (Surah *Fatir* 35:37) terjemahannya: *'Dan mereka bert eriak di dalam neraka itu: "Ya Tuhan kami keluarkanlah kam nescaya kami akan mengerjakan amal yang soleh berlainan denga yang telah kami kerjakan'.*

57- 6. FirmanNya (Surah *al-Mukminun* 23:99) terjemahannya: *'Ya Tu hanku kembalikanlah aku (ke dunia) agar akau berbuat amal yan soleh terhadap yang aku tinggalkan'.*

59- 7. FirmanNYa (Surah *al-Sajdah* 32:12) terjemahannya: *'Dan jik sekiranya kamu melihat ketika orang-orang yang berdosa itu men undukkan kepalanya di hadapan Tuhannya, (mereka berkata): "Y Tuhan kami, kami telah melihat dan mendengar , maka kemba likanlah kami (ke dunia), kami akan mengerjakan amal soleh ses ungguhnya kami adalah orang-orang yang yakin" '.*

59- 8. FirmanNya (Surah *al-Zumar* 39:58) terjemahannya: *'Atau supay jangan ada yang berkata ketika ia melihat azab kalau sekirany aku dapat kembali (ke dunia) nescaya aku akan termasuk orang orang berbuat baik'.*

KESEMBILAN: Ayat-ayat yang menunjukkan perbuatan Allah S.W.T tidak menyerupai perbuatan makhluk, tidak seimbang tanpa perselisiha dan kezaliman:

60- 1. FirmanNya (Surah *al-Mulk* 67:3) terjemahannya: *'kami se-kali-kal tidak melihat pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pemurah sesuat yang tidak seimbang'.*

61- 2. FirmanNya (Surah *al-Sajdah* 32:7) terjemahannya: *'Yang membua segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baik- nya'. Oleh it*

kekufuran dan kezaliman bukanlah suatu yang baik'.

62- 3. FirmanNya (Surah *al-Hijr* 15:85) terjemahannya: 'Dan tidaklah kami ciptakan langit dan bumi dan apa-apa yang ada di antara keduaduanya, melainkan dengan benar'. Oleh itu kekufuran bukanlah suatu kebenaran'.

63- 4. FirmanNya (Surah *al-Nisa'* 4:40) terjemahannya: '*Sesungguhnya Allah tidak menganaya seseorang walaupun sebesar zarah'*.

64- 5. FirmanNya (Surah *Fussilat* 41:46) terjemahannya: '*Dan se-kali-kali tidaklah Tuhanmu menganaya hamba-hamba(Nya)'*.

65- 6. FirmanNya (Surah *Hud* 11:101) terjemahannya: '*Dan kami tidak menganaya mereka'*.

66- 7. FirmanNya (Surah *al-Isra'* 17:7) terjemahannya: '*Dan mereka tidak dianiaya sedikit pun'*.

KESEPULUH: Ayat-ayat yang memuji mukmin kerana imannya dan mencela kafir kerana kekafirannya:

67- 1. FirmanNya (Surah *al-Tur* 52:16) terjemahannya:*Kamu diberi balasan terhadap apa yang telah kamu kerjakan'*.

68- 2. FirmanNya (Surah al-mu'min 40:17) terjemahannya: 'Pada hari ini tiap-tiap jiwa diberi balasan dengan apa yang diusahakannya'.

69- 3. FirmanNya (Surah *al-Najm* 53:37) terjemahannya: '*dan lembaran-lembaran Ibrahim yang selalu meyempurnakan janji'*.

70- 4. FirmanNya Surah *al-Najm* 953:38 terjemahannya: '*Bahawa-sanya seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain'*.

71- 5. FirmanNya (Surah *Taha* 20:15) terjemahannya: '*tiap-tiap diri itu dibalas dengan apa yang ia usahakan*'.

72- 6. FirmanNya (Surah *al-Rahman* 55:60) terjemahannya: '*Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (pula)*'.

73- 7. FirmanNya (Surah *al-Naml* 27:90) terjemahannya: '*Tiadalah kamu dibalasi melainkan (setimpal) dengan apa yang dahulu kamu kerjakan*'.

74- 8. FirmanNya (Surah *al-An'am* 6:160) terjemahannya: '*Barangsiapa membawa amal yang baik maka baginya (pahala) sepuluh kali ganda'*.

75- 9. FirmanNya (Surah *Taha* 20:124) terjemahannya: '*Dan barangsiapa berpaling dari peringatanku'*.

76-10. FirmanNya (Surah *al-Baqarah* 2:86) terjemahannya: '*itulah orang-orang yang membeli kehidupan dunia'*.

77-11. FirmanNya (Surah *Ali Imran* 3:90) terjemahannya: '*Sesungguhnya*

orang-orang kafir sesudah beriman'.

Demikianlah dikemukakan sebahagian ayat-ayat al-Qur'an yang bertentangan dengan akidah al-Asya'irah atau akidah Ahli Sunnah wal-Jama'ah. Kesemua ayat-ayat diatas 'adalah yang tidak datang kepadanya kebatilan baik dari depan maupun dari belakangnya, yang diturunkan dari Tuhan yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji (Surah *Fussilat* 41:42).

Apakah keuzuran al-Asya'irah atau Ahli Sunnah wal-jama'ah kerana tidak berpandukan 'akidah-akidah' mereka kepada ayat-ayat tersebut? Kenapakah mereka meninggalkan ayat-ayat tersebut wal hal ianya jelas dan nyata? Atau kerana hanya bertaklid kepada orang-orang terdahulu tanpa kajian dan renungan? Oleh itu apakah nilainya firman-firman Tuhan (Surah *al-A'raf* 7:28) terjemahannya:*'Dan apabila mereka melakukan perbuatan keji, mereka berkata: "Kami mendapati nenek moyang kami mengerjakan yang demikian itu, dan Allah menyuruh kami mengerjakannya katakanlah: Sesungguhnya Allah tidak menyuruh (mengerjakan) perbuatan yang keji. 'Mengapa kamu mengada-adakan terhadap Allah apa yang kamu ketahui".*

FirmanNya (Surah *al-An'am* 6:70) terjemahannya:*'Dan tinggalkanlah orang-orang yang menjadikan ugama mereka sebagai main-main dan senda gurau, dan mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia'.*

FirmanNya (Surah *al-Zumar* 39:56) terjemahannya:*'Supaya jangan ada orang yang mengatakan: "Amat besar penyesalanku atas kesalahanku terhadap Allah sedang aku sesungguhnya termasuk orang-orang memperolok-olokkan (agama Allah)".*

Dan FirmanNya (Surah *al-An'am* 6:91) terjemahannya:*'dan me-reka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang semestinya'.*

III

Apakah yang akan dijawab sekiranya datang seorang kafir musyrik ingin mengetahui Usuluddin ugama Islam khususnya mengenai Keesaan Tuhan dan keadilanNya dengan harapan dia akan memeluk ugama Islam? Adakah lebih baik dijawab kepadanya sehingga dia cintakan Islam bahawa sesungguhnya semua perbuatan Allah mempunyai hikmat dan tujuan, dan kami meredhai Qadha'Nya. Dia adalah bersih daripada perbuatan yang hodoh dan keji. Dia tidak menyiksa manusia kerana perbuatan yang Dia buat pada mereka dan mereka pula tidak mampu menolaknya? Atau diperjelaskan kepadanya bahawa perbuatan Allah tidak mempunyai hikmah dan tujuan, Dia membuat kebodohan dan kekejian dan kami tidak meredhai Qadha'Nya. Dia menyiksa manusia di atas perbuatanNya pada mereka, malah Dia menjadikan pada mereka kekafiran dan syirik, kemudian Dia menyiksa mereka kerananya? Tidakkah lebih baik bagi kita menjawab: Allah akan memberi

ganjaran kepada orang yang melakukan ketaatan? Atau kita menjawab: Ianya belum tentu sebaliknya ia boleh dimasukkan ke neraka? Tidakkah lebih baik bagi kita menjawab: Sesungguhnya Allah tidak membebankan (taklif) manusia apa yang mereka tidak mampu? Atau kita menjawab: Sesungguhnya Dia membebankan manusia apa yang mereka tidak mampu dan menyiksa mereka kerana meninggalkan apa yang mereka tidak mampu melakukannya?

Dan adakah lebih baik bagi kita menjawab: Sesungguhnya Allah Ta'ala bencikan perkara-perkara yang keji dan Dia tidak menghendakinya. Dia tidak mencintainya dan tidak pula meredhainya. Atau kita menjawab: Dia suka dimaki, dicaci, dan diderhakai dengan bermacam-macam kemaksiatan. Dia benci dipuji dan ditaati. Dia menyiksa manusia sebagaimana Dia kehendaki?

Adakah lebih baik bagi kita berkata: Sesungguhnya Allah Ta'ala tidak menyerupai sesuatu, dan tidak harus bagiNya apa yang harus bagi makhluk. Atau kita berkata: Sesungguhnya Dia menyerupai perkara-perkara tersebut?

Dan adakah lebih baik bagi kita berkata: Sesungguhnya para nabi dan para imam bersih dari setiap perkara yang keji. Atau kita berkata: Sesungguhnya mereka mengerjakan maksiat?

Apabila saudara memperhatikan jawapan-jawapannya nescaya saudara akan mengetahui bahawa sesungguhnya tidak akan dapat memberi jawapan yang meyakinkan kafir-musyrik tadi selain daripada akidah mazhab Ja'fari kerana ianya sejajar dengan al-Qur'an dan ianya adalah mazhab Ahlu l-bait Rasulullah *Sawaw.*

Oleh itu akidah yang hakiki adalah terletak kepada akidah yang menurut al-Qur'an. Mana-mana akidah hendaklah dibentangkan kepada al-Qur'an, kerana ianya adalah penilai dan pengukur yang hakiki.

SENARAI HADIS

	Hadis	Bab	Masa-lah
1	إنما الأعمال بالنيات وإنما لكل امرئ ما نوى .	Kebersihan	no.5
2	إنما الماء من الماء .	"	no.14
3	الصلاة فى أول الوقت رضوان الله وفى آخره عفو الله .	Sembahyang	no.2
4	صلوا كما رأيتمونى أصلى .	"	no.2
5	تحريمها التكبير .	"	no.2
6	ان هذه الصلاة لا يصلح فيها شئ من كلام الناس .	"	no.10
7	اجعلوها فى ركوعكم .	"	no.14
8	اجعلوها فى سجودكم .	"	no.15
9	إذا سجد العبد سجد معه سبعة آداب ، وجهه وكفاه وركبتاه وقدماه .	"	no.17
10	لا تتم صلاة أحدكم إلى أن قال : ثم سجد ممكنا جبهة إلى الأرض حتى يطمئن مفاصله .	"	no.18
11	ثم ارفع رأسك حتى تطمئن جالسا .	"	no.19
12	لا يقطع الصلاة شئ وادرؤا ما استطعتم ، فإنما هو الشيطان .	"	no.29
13	من نام فى صلاة ، أو نسيها فليصلها إذا ذكرها .	"	no.29
14	إذا قام أحدكم إلى الصلاة فليتوضأ كما أمره الله تعالى ، فإن كان معه شئ من القرآن قرأ به وإن لم يكن معه شئ من القرآن ، فليحمد الله تعالى وليكبره .	"	no.30
15	لا يحل مال امرئ الا بطيب نفس منه .	"	no.31
16	ان النبى (ص) خرج من المدينة ، ومعه عشرة آلاف ، وذلك على رأس ثمان سنين من مقدمه للمدينة ، فسار ، ومن معه من المسلمين إلى مكة يصوم ويصومون حتى بلغ الكديد فطره وافطر الناس وهو ما بين عسفان وقديد .	"	no.43

17	خرج النبي (ص) والناس مختلفون ، فصائم ومفطر فلما استوى على راحلته دعا ماء فوضعه على راحلته حتى رآه الناس ، ثم شرب ، وشرب الناس معه في رمضان .	"	no.43
18	إن النبي (ص) خرج عام الفتح إلى مكة في رمضان فصام حتى بلغ كراع الغميم ، فصام الناس ، ثم دعا بقدح ماء ، فرفعه حتى نظر الناس ، ثم شرب فقيل له بعد ذلك : إن بعض الناس قد صام؟ فقال : أولئك العصاة ، أولئك العصاة ، وهذا نص في تحريم الصوم .	"	no.43
19	صلى رسول الله (ص) الظهر والعصر جميعا والمغرب والعشاء جميعا ، في غير خوف ولا سفر .	"	n0.48
20	الصلاة على ما افتتحت عليه .	"	no.54
21	من ادرك الصلاة ركعة (مع الامام) فقد ادرك الصلاة	"	no.61
23	لما كشفت الشمس والقمر : آيتان من آيات الله ، لا يكسفان لموت احد ولا لحياته فإذا رأيتموهما ، فصلوا وادعوا حتى يكشف ما بكم .	"	no.67
23	خرج رسول الله (ص) يوما يستسقي فصلى بنا ركعتين .	"	no.67
24	إنه صلى ركعتين كما صلى في العيدين .	"	no.67
25	أمرنا رسول الله باتباع الجنازة .	"	no.70
26	كان زيد بن أرقم يكبّر على جنائزنا أربعة ، وأنه كبّر على جنازة خمسا فسألته فقال : كان رسول الله (ص) يكبرها .	"	no.72
27	إن النبي كان يصلي على الميت بخمس تكبيرات .	"	no.72
28	انه مر بقبرين يعذبان ، فقال : انهما ليعذبان ، وما يعذبان في كبير واما احدهما فكان لا يتنزه ما البول واما الآخر فكان يمشي بالنميمة . . . ثم اخذ جريدة رطبة فشقها نصفين ، ثم غرز في كل قبر واحدة فقالوا يا رسول الله لم صنعت هذا؟ لعله ان يتحقق عنهما ما لم ييبسا .	"	no.73

29	أن رسول الله (ص) قال لأنصار : حصروا أصحابكم فما اقل المحصرين يوم القيامة ، قالوا : جريد تان خضروان ، يوضعان من اصل اليدين الى الترقوة.	"	no.73
30	فإذا زادت على العشرين ومائة ، ففي كل أربعين بنت لبون وفي كل خمس حقة .	Zakat	no.1
31	إياك وكرائم أموالهم .	"	no.4
32	رفع العلم عن ثلاثة : عن الصبى حتى يبلغ ، وعن النائم حتى يستيقظ ، وعن المجنون حتى يفيق .	"	no.7
33	على اليد ما اخذت حتى تؤدى .	"	no.8
34	فيما دون خمس اواق من الورق صدقه .	"	no.8
35	هاتوا صدقة الرقة من كل أربعين درهما ، درهما .	"	no.10
36	لا زكاة في مال حتى يحول عليه الحول .	"	no.14
37	لا زكاة في الحلى .	"	no.14
38	رفع عن أمتى الخطاء والنسيان وما استكرهوا عليه.	Puasa	no.5
39	من صام ، ثم نسى فأكل أو شرب فليتم صومه .	"	no.5
40	صوموا لرؤيته وافطروا لرؤيته .	"	no.12
41	أن النبى (ص) نهى عن صيام خمسة أيام في السنة : يوم الفطر ويوم النحر وثلاثة أيام التشريق.	"	noi.12
42	الحج والعمرة فريضتان لا يضرك بأيهما بدأت .	Haji	no.5
43	قالت عائشة : يا رسول الله ، على النساء جهاد ؟ قال : نعم ، جهاد لا قتال فيه : الحج والعمرة .	"	no.5
44	لو أنى استقبلت من أمرى ما استدبرت لم أسق الهدى ولجعلتها عمرة .	"	no.6
45	من لم يسق هديا فليحل وليجعلها عمرة .	"	no.7
46	فإذا اهل بالحج فليهده ومن لم يكن معه هدى فليصم ثلاثة أيام في الحج وسبعة إذا رجع إلى أهله .	"	no.9

47	خذوا عنى مناسككم .	"	no.12
48	الطواف بالبيت صلاة ، إن الله أخذ فيه النطق .	"	no.12
49	فإنه طاف مستقيما وقال : خذوا عنى مناسككم .	"	no.13
50	أنه (ص) خطب الناس ، ثم آذن بلال .	"	no.15
51	قال جابر : جمع رسول الله (ص) بين المغرب والعشاء الآخرة بالمزدلفة ، بأذان وإقامتين ، لم يسبح بينهما شيئا .	"	no.18
52	من ترك المبيت بالمزدلفة فلا حج له .	"	no.19
53	أنه (ص) جمع الحصى ، وقال : بأمثال هؤلاء فارموا .	"	no.20
54	أن النبى (ص) : رأى رجلا يقول : لبيك يا شبرمة ، فقال : ويحك ، من شبرمة؟ قال : أخ لى أو صديق ، فقال (ص) حج عن نفسك ثم عن شبرمة .	"	no.22
55	فانه (ص) باشر ذلك بذى الحليفة ثم أهل بالحج .	"	no.32
56	قالت عائشة : إن رسول الله (ص) اهدى عنها فقلده .	"	no.23
57	المتبايعان لكل واحد منهما على صاحبه الخيار ما لم يفترقا .	Jual beli	no.3
58	المؤمنون عند شروطهم .	"	no.4
59	من اشترى شاة مصراة فهو بالخيار على ثلاثة أيام إن شاء امسكها وإن شاء ردها وصاعا من سمراء .	"	no.11
60	الخراج بالضمان .	"	no.12
61	ما روى عن النبى (ص) : حرم التجارة فى الخمر .	"	no.20
62	وقال : إن الذى حرم شربها حرم بيعها .	"	no.20
63	نزل عليه جبريل ، فقال : يا محمد (ص) : إن الله لعن الخمر وعاصرها ومعتصرها وحاملها والمحمولة إليه ، وشاربها وبايعها ومبتاعها وساقيها .	"	no.20

64	من أسلف في تمر فليسلف في كيل معلوم ووزن معلوم وأجل معلوم .	"	no.22
65	من اقال نادما في بيع اقاله اللّه يوم القيامة .	"	no.24
66	ونهى النبى (ص) عن التسعير .	"	no.25
67	الرهن محلوب ومركوب .	Gadaian	no.1
68	لا يغلق الراهن الرهن لصاحبه ، له غنمه وعليه غرمه .	"	no.3
69	خدوا ما وجدتم ، وليس لكم إلا ذلك .	"	no.7
70	اقبضوا على أيدى سفهائكم .	"	no.11
71	الصلح جائز بين المسلمين .	"	no.12
72	الناس مسلطون على أموالهم .	"	no.14
73	الزعيم غارم .	"	no.17
74	لا ضرر ولا ضرار في الإسلام .	"	no.19
75	إن اللّه إذا حرم شيئا حرم ثمنه .	"	no.22
76	اقرار العقلاء على أنفسهم جائز .	"	no.25
77	اد الأمانة إلى من ائتمنك .	simpanan	no.1
78	على اليد ما اخذت حتى تؤدى .	"	no.2
79	ولا يأخذن أحدكم متاع أخيه جادا ولا لاعبا من أخذ عينا فليردها .	"	no.14
80	وروى عن ابن عباس: أن النبى (ص) دفع خيبر: زرعها ونخلها إلى أهلها مقاسمة على النصف .	Sewaan	no.9
81	وقال النبى (ص) للوازن: زن ، وارجح والرجحان هبة مشاع .	Pemberian	no.2
82	حبس الأصل وسبل الثمرة .	"	no.3
83	ابناى هذان سيدا شباب أهل الجنة .	Pusaka	no.1
84	لا ترزموا على ابنى ، فتركه حتى قضى بوله .	"	no.1
85	ابنى هذا سيد يصلح اللّه به بين فئتين من المسلمين .	"	no.1
86	الخال وارث من لا وارث له .	"	no.1

87	تجوز المرأة ثلاث مواريث : عتيقها ولقيطها وولد ها .	"	no.2
88	ولد الملاعنة أمه وأبوه وأمه .	"	no.2
89	الإسلام يعلو ولا يعلى عليه .	"	no.3
90	اختر منهن أربعا وفرق سائرهم .	Nikah	no.6
91	فإنه (ص) رخص الصحابة فى المتعة .	"	no.8
92	ادوا العلائق ، قيل يا رسول الله وما العلايق قال : ما تراض عليه الأهلون .	"	no.
93	من استحل بدرهمين فقد استحل .	"	no.10
94	لا جناح على امرىء أن يصدق امرأة ، قليلا كان كثيرا .	"	no.10
95	طلق ابن عمر امرأته ثلاثا ، وهى حائض فأمر النبى (ص) أن يراجعها فقال عبدالله : فردها على ولم يرها شيئا .	Talaq	no.1
96	وسأل عمر النبى (ص) : لو طلقها ثلاثا ، فقال : عصيت ربك .	"	no.2
97	وروى ابن عباس، قال : كان الطلاق على عهد رسول الله وأبى بكر وسنتين من خلافة عمر الثلاث واحدة ، فقال عمر : أن الناس قد استعجلوا فيما كان له فيه اناة ، فلو امضينا عليهم ، فالزمهم الثلاث .	"	no.2
98	وقال ابن عباس : طلق ركانة بن عبد يزيد إمرأته ثلاثا فى مجلس واحد فحزن عليها حزنا شديدا ، فسأله رسول الله (ص) : كيف طلقتها ؟ قال : طلقتها ثلاثا فى مجلس واحد ، فقال (ص) : إنما تلك واحدة فارجعها إن شئت ، فراجعها .	"	no.2
99	لعن الله اليهود حرمت عليهم الشحوم فباعوها واكلوا أثمانها .	"	no.2
100	طلاق الأمة طلقتان وعدتها حيضتان	"	no.6

101	لا طلاق قبل النكاح .	"	no.8
102	لا طلاق فيما لا يملك ، ولا بيع ولا عتق فيما لا يملك .	"	no.8
103	الطلاق لمن أخذ بالساق .	"	no.9
104	الرضاع ما انبت اللحم وشد العظم .	"	no.25
105	لا تحرم المصة والمصتان ولا الرضعة ولا الراضعتان .	"	no.25
106	وسئل النبى (ص) : من أبر؟ قال : أمك ، قال : ثم من ؟ قال : أمك ، قال : ثم من ؟ قال : أمك ، قال : ثم من ؟ قال : أبوك .	"	no.
107	لا يقتل حر بعبد .	Jenayah	no.3
108	من السنة أن لا يقتل الحر بعبد .	"	"
109	لا يقتل الوالد بولده .	"	no.4
110	وفى النصف مائة من الابل .	"	no.10
111	ادرؤا الحدود بالشبهات .	"	no.11
112	من عمل عمل قوم لوط : فاقتلوا الفاعل والمفعول .	"	no.14
113	التوبة يجب ما قبلها .	"	no.22
114	كل مسكر حرام .	"	no.23
115	احلت لكم ميتان ودمان فالميتان السمك والجراد .	Buruan	no.3
116	وروى أن جبريل (ع) قال للنبى (ص) : إن الله تعالى يقول : من صلى عليك مرة صليت بها عشرا ، أو قال لذبيحته : بسم الله . اللهم تقبل من محمد وآل محمد ومن أمة محمد (ص) .	"	no.4
117	آخروهن من حيث أخرهم الله تعالي ومن ولا ها القضاء قدمها وأخر الرجال .	"	no.2
118.	من ادخل في ديننا ما ليس منه فهو رد .	"	no.2
119	ردوا الجهالات إلى السنن .	"	no.2

BIBLIOGRAFI

1. `Abd Rahman al-Juzairi, *al-Fiqh `Ala al-Madhahib al- Arba`ah*, Cairo 1963.
2. Abu Bakr Ahmad b. `Ali al-Razi al-Jassas, *Ahkam al-Qur'an*, Cairo 1335 H.
3. Abu Daud, *Sunan*, Baghdad 1345 H
4. Abu Ja`fari Ahmad b. Muhammad al-Tahawi, *Musykir al-Athar*, Hyderabad 1953.
5. Ahmad b. Tahir al-Baghdadi, *Balaghat al-Nisa'*, Baghdad 1964.
6. Ahmad b. Hanbal, *al-Musnad*, Cairo 1971.
7. Al-Alusi, *Ruh al-Ma`ani*, Cairo 1970.
8. Al-Baghawi, *Masabih al-Sunnah*, Cairo 1969.
9. Al-Baidawi, Anwar *al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Cairo 1948.
10. Al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, Cairo 1953.
11. Al-Bukhari, *Sahih*, Beirut 1965.
12. Burhan al-Din `Ali b. Abu Bakr al-Hanafi al-Farghani, *al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi`*, Baghdad 1958.
13. Al-Darimi, *Sunan*, Cairo 1971.
14. Al-Dhahabi, T*adhkirah al-Huffaz*, Hyderabad 1959.
15. Fakhr al-Din al-Razi, al-Tafsir al-Kabir, *Mafatih al-Ghaib*, Baghdad 1975.
16. Al-Haithami, *Majma` al-Zawa'id*, Cairo 1964.
17. Hisam al-Din al-Muttaqi al-Hindi, *Muntakhab Kanz al-Ummal*, Cairo 1969.
18. Ibn al-Athir al-Jazari, *Tarikh al-Kamil*, Dimasyq 1978.
19. Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-`Azim*, Baghdad 1971,

    ———— *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Cairo, 1908.

20. Ibn Majah, *al-Sunan,* Cairo 1958.
21. Ibn Abi Hadid, *Syarh Nahj al-balaghah,* Baghdad 1971.
22. Ibn Hajr *al-`Asqalani, al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah,* Cairo 1903.
23. Ibn `Abd al-Birr, *al-Isti`ab fi Ma`rifah al-Sahabah,*Cairo 1965.
24. Ibn al-Jauzi, *al-A`lam al-Muwaqqa`in,* Dimasyq 1968.
25. Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid,* Cairo 1967.
26. Jalal al-Din al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa',* Cairo 1968.
27. ———————, *al-Durr al-Manthur,* Cairo 1972.
28. Al-Khazin, *Tafsir al-Khazin,* Cairo 1971.
29. Mansur `Ali Nasif, *al-Taj al-Jami` Li l-Usul,* Cairo 1975
30. Muhammad b. Idris al-Syafi`i, *al-Umm,* Cairo 1971.
31. ———————, *Musnad Imam al-Syafi`i,* Cairo 1973.
32. Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-`Ummal,* Hyderabad 1951.
33. Malik, *al-Muwatta',* Tunis 1969.
34. Muslim, *Sahih,* Cairo 1971.
35. Al-Nasa'i, *Sunan,* Cairo 1973.
36. Al-Qurtubi, *Tafsir al-Jami` Li Ahkam al-Qur'an,* Cairo 1972.
37. Al-Sarkhasi, *al-Mabsut,* Cairo 1958.
38. Al-Tabarsi, *Majma` al-Bayan,* Taheran 1971.
39. Al-Tabari, *Tafsir Jami` al-Bayan,* Cairo 1971.
40. Al-Turmudhi, *Sunan,* Baghdad 1968.
41. Al-Ya`qubi, *Tarikh al-Ya`qubi,* Baghdad 1974.
42. Al-Zamakhsyari, *al-Kasysyaf `an Haqa'iq wa Ghawamid al-Tanzil,* Cairo, t.t.

INDEKS